7 Tipu Daya Syaitan
Ke Atas Umat Islam

Hafiz Firdaus Abdullah

Kandungan

بسم الله الرحمن الرحيم

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ باالله من شرور انفسنا ومن سيئات اعمالنا, من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له. ونشهد أن لا إله الا الله وحده لاشريك له ونشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

Dalam surah Yasin yang lazim dibaca, terdapat sebuah ayat dimana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

"Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu!" [Yasin 36:60]

Hakikat syaitan sebagai musuh manusia diulangi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* beberapa kali di dalam al-Qur'an. Semuanya bagi memperingatkan kita tentang musuh yang nyata ini:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke

dalam agama Islam dengan selengkapnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata. [al-Baqarah 2:208]

Permusuhan syaitan kepada kita, manusia, bukanlah sesuatu yang berlaku secara sekali sekala. Ia adalah sesuatu yang berterusan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَحْضُرُ أَحَدَكُمْ عِنْدَ كُلِّ شَيْءٍ مِنْ شَأْنِهِ...

Sesungguhnya syaitan hadir di sisi seseorang kalian pada setiap sesuatu yang kalian lakukan…[1]

Maka permusuhan syaitan ditujukan kepada kita dalam semua suasana dan perbuatan seperti tidur, mandi, makan, perbualan, pemandangan, pendengaran, pekerjaan, gerak hati, pemikiran, wudhu', solat, puasa, haji dan pelbagai lagi. Bahkan ketika saya sedang menulis buku ini dan ketika anda sedang membaca buku ini, syaitan ada bersama untuk mengganggu tumpuan atau menabur keraguan.

Tidak sekadar itu, permusuhan syaitan kepada kita berlaku dalam bentuk yang berbeza-beza, antaranya:

1. Bagi orang yang rajin beribadah, syaitan menipunya dengan suruhan beribadah sahaja sehingga dia melalaikan tugas di pejabat.
2. Bagi orang yang rajin di pejabat, syaitan menipunya dengan

---

[1] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2033-4 *(Kitab al-Asyrabah, Bab disukai menjilat jari…).*

suruhan kerja sahaja sehingga dia melalaikan agamanya. Bentuk pertama dan kedua ini amat ketara berlaku pada masa kini sehingga sukar hendak ditemui seorang yang profesional dari sudut kerjaya dan agama.

3. Bagi orang yang berpendidikan tinggi, syaitan menakut-nakutkan mereka agar tidak mendalami ilmu-ilmu agama. Ini juga amat lazim berlaku sekarang ini dimana ramai umat Islam yang telah mencapai tahap pendidikan yang amat tinggi tetapi dalam bab agama ilmu mereka masih sekadar apa yang dipelajari di bangku sekolah. Dalam kerjaya, mereka berpegang teguh kepada disiplin dalil dan hujah (*proof and argument*) akan tetapi disiplin yang sama tidak mereka terapkan dalam agama.

4. Bagi orang yang berpendidikan rendah, syaitan membangkitkan teori-teori kosong kepada mereka agar kelihatan bijak. Maka lahirlah dari mereka pelbagai "petua ini dan amalan itu" yang tidak berasal dari Allah dan Rasul-Nya, tetapi berasal dari syaitan dan kuncu-kuncunya. Semua petua dan amalan tersebut diikuti secara membuta oleh orang-orang yang berpendidikan tinggi kerana syaitan telah menakutkan mereka daripada mengkaji dalil dan mencari hujah.

5. Bagi orang yang memiliki semangat tinggi memperjuangkan Islam, syaitan memberi janji kosong kepada mereka bahawa dengan melakukan sekian-sekian cara dan manhaj, perjuangan mereka akan memperoleh kejayaan. Padahal sama-sama diketahui bahawa tidak ada

kejayaan dalam perjuangan melainkan dengan mengikuti cara dan manhaj Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.*

6. Bagi orang yang memiliki pemikiran yang cemerlang, syaitan menghiasi mereka dengan teori-teori yang canggih. Orang-orang seperti ini banyak kita temui sekarang ini dimana mereka bercakap dengan nada Islam tetapi dengan isi kandungan yang menafikan ketuhanan (ateis), kemusyrikan dan kekufuran.
7. Bagi orang yang memiliki pemikiran yang sederhana, syaitan menakut-nakutkan mereka agar tidak berganjak dari pandangan agama yang dipegang sejak turun temurun. Maka sumber agama berubah dari al-Qur'an dan al-Sunnah kepada yang lazim dan tradisi. Apabila ditegur atau dipaparkan sesuatu yang baru, mereka menolak dengan alasan-alasan yang tidak ilmiah.

Demikian sekadar tujuh bentuk permusuhan yang dilakukan oleh syaitan kepada kita. Bentuk-bentuk permusuhan syaitan sukar untuk dihitung. Ia akan melakukan apa sahaja untuk mencapai empat objektifnya yang utama, iaitu:

1. Menyesatkan manusia.
2. Mengkafirkan manusia.
3. Memusyrikkan manusia.
4. Menjadikan manusia penghuni neraka.

Oleh kerana itulah kita diperintahkan untuk berwaspada terhadap permusuhan syaitan. Tidak sekadar itu, kita juga

diperintahkan untuk mengarahkan permusuhan kepada syaitan:

Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh; sebenarnya ia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi dari penduduk neraka. [Fatir 35:06]

Untuk berwaspada terhadap permusuhan syaitan dan pada waktu yang sama mengarahkan permusuhan kepada syaitan, kita perlu mengetahui dari A hingga Z berkenaan syaitan. Kita perlu mengetahui asal usulnya, sebab-sebab permusuhannya, ciri-cirinya, tipu dayanya dan menyusun strategi bagi melawannya. Ini sebagaimana jika kita memiliki musuh dalam satu peperangan, kita perlu mengkaji segala-galanya berkenaan musuh itu. Jika kita tidak kenal musuh, amatlah mudah bagi musuh tersebut untuk mengalahkan kita.

Alhamdulillah, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah memberikan kepada kita banyak petunjuk untuk mengenal syaitan dan menumpaskannya. Kita hanya perlu meluangkan perhatian untuk mengkajinya dan bersungguh-sungguh untuk mempraktikkannya dalam kehidupan.

Dalam buku ini, saya berusaha untuk menghimpun petunjuk-petunjuk, menapis antara yang sahih dan lemah, diikuti dengan penjelasan para ilmuan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tentangnya. Pada waktu yang sama saya sertakan juga beberapa pandangan terkini dalam subjek syaitan ini dengan menerangkan dimana kebenaran dan kesilapannya. Semua ini saya susun menjadi lima bab seperti berikut:

1. Asal usul syaitan.

2. Asal usul permusuhan syaitan kepada manusia.
3. Ciri-ciri syaitan.
4. Tujuh tipu daya syaitan ke atas umat Islam. Ini merupakan bab utama, sekali gus menjadi tajuk bagi buku ini.
5. Lima strategi melawan syaitan.

Selain itu, permusuhan syaitan ditujukan kepada semua manusia baik Islam atau bukan Islam. Walaubagaimana pun dalam buku ini saya hanya memberi tumpuan kepada permusuhan syaitan kepada umat Islam. Justeru apabila mengupas tentang syaitan secara umum, saya menggunakan istilah "manusia" manakala apabila mengupas tipu daya syaitan secara khusus, saya menggunakan istilah "umat Islam". Oleh kerana itulah saya memberi judul buku ini *7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam* dan bukannya *7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Manusia.*

Saya berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar usaha kecil ini dapat membawa faedah kepada diri saya dan para pembaca sekalian dalam rangka kita sama-sama berwaspada terhadap permusuhan syaitan dan mengarahkan permusuhan kepada syaitan. Saya juga awal-awal meminta maaf kepada para pembaca sekalian sekiranya ada di antara contoh-contoh yang saya kemukakan dalam buku ini menyinggung perasaan. Tujuan saya bukanlah untuk mengkritik para pembaca sekalian tetapi sekadar untuk menyedarkan bahawa apa yang dipegang selama ini mungkin perlu dianalisa semula.

Sebelum mengakhiri **Kata Pembuka** ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri dan rakan-rakan yang telah

membantu menjayakan penulisan ini. Pada waktu yang sama saya mengalu-alukan apa-apa cadangan pembaikan atau pembetulan dari para pembaca sekalian.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Hafiz Firdaus Abdullah

12 Julai 2007

BAB PERTAMA:

ASAL USUL SYAITAN.

Secara umumnya terdapat tiga jenis makhluk yang setiap darinya memiliki asal usul ciptaan yang berbeza:

1. Malaikat yang dicipta dari cahaya.
2. Jin yang dicipta dari api.
3. Manusia yang dicipta dari tanah.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menerangkan tentang tiga jenis makhluk ini dalam sabda baginda:

خُلِقَتْ الْمَلاَئِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخُلِقَ الْجَانُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخُلِقَ آدَمُ مِمَّا وُصِفَ لَكُمْ.

Diciptakan malaikat dari cahaya, diciptakan jin dari nyalaan api dan diciptakan Adam (manusia) dari apa yang telah dijelaskan kepada kalian.[2]

Merujuk kepada tiga jenis makhluk di atas, yang penting untuk diketahui ialah bahan asas ciptaannya dan bukan bagaimana bahan tersebut berbentuk atau diadun. Ini kerana jika dihimpun semua ayat al-Qur'an dan hadis yang sahih berkenaan asal usul malaikat, jin dan manusia, akan ditemui bahawa bahan-bahan tersebut dinyatakan dalam bentuk yang berbeza atau adunan yang

---

[2] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2996 *(Kitab al-Zuhd wa al-Raqa'iq, Bab hadis-hadis yang pelbagai).*

Apabila Allah dan Rasul-Nya mendiamkan persoalan ini, bererti ia bukanlah sesuatu yang bermanfaat untuk kita memikirkannya atau mencari jawapanya.

berlainan.

Untuk jin umpamanya, dalam hadis di atas disebut bahawa ia dicipta dari nyalaan api. Akan tetapi dalam ayat 27 surah al-Hijr, disebut bahawa ia dicipta dari (نار السموم) ***"angin api yang amat panas"***. Perbezaan ini sebenarnya saling melengkap dan memperinci antara satu sama lain. Yang penting untuk kita ketahui ialah bahan asas untuk ciptaan jin ialah api.

Di antara tiga makhluk ini, manusia dicipta oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* selepas Dia mencipta malaikat dan jin. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu roma (نار السموم)***. Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya."*** [al-Hijr 15:26-28]

Dalam ayat di atas, dinyatakan bahawa:

- ***"Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu…"***, menunjukkan bahawa jin dicipta sebelum manusia.
- ***"…ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia…"***, menunjukkan malaikat sudah sedia ada ketika Allah hendak mencipta manusia.

Setakat ini tidak ditemui nas yang sahih lagi jelas yang menerangkan antara malaikat dan jin, siapakah yang dicipta terlebih dahulu. Apabila Allah dan Rasul-Nya mendiamkan persoalan ini, bererti ia bukanlah sesuatu yang bermanfaat untuk kita memikirkannya atau mencari jawapanya.

Antara tiga makhluk tersebut, syaitan adalah dari jenis makhluk jin sebagaimana jelas Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat berikut:

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; lalu mereka sujud melainkan iblis; ia adalah berasal dari golongan jin. [al-Kahf 18:50]

Dalam ayat yang lain diterangkan bahawa syaitan berasal dari api, menunjukkan mereka berasal dari jenis jin:

Allah berfirman: "Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku memerintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah." [al-A'raaf 7:12]

Ada pun iblis, maka ia adalah salah satu nama syaitan. Tidak ditemui petunjuk sahih apakah iblis ketua syaitan atau syaitan yang pertama. Sekali lagi, apabila Allah dan dan Rasul-Nya mendiamkan persoalan "Siapakah iblis?", bererti ia adalah sesuatu yang tidak penting untuk kita mengetahuinya. Yang penting ialah kita mengetahui bahawa iblis adalah salah satu nama syaitan. Perkaitan antara iblis dan syaitan dapat dilihat pada ayat berikut,

setelah iblis enggan sujud kepada Adam:

Allah berfirman (kepada iblis): "Pergilah (lakukanlah apa yang engkau rancangkan)! Kemudian siapa yang menurutmu di antara mereka, maka sesungguhnya neraka Jahannamlah balasan kamu semua, sebagai balasan yang cukup. Dan desak serta pujuklah sesiapa yang engkau dapat memujuknya dengan suaramu; dan kerahlah penyokong-penyokongmu yang berkuda serta yang berjalan kaki untuk mengalahkan mereka; dan turut - campurlah dengan mereka dalam menguruskan harta-benda dan anak-anak (mereka); dan janjikanlah mereka (dengan janji-janjimu)". Padahal tidak ada yang dijanjikan oleh syaitan itu melainkan tipu daya semata-mata. [al-Isra' 17:63-64]

Beberapa Penjelasan Tambahan.

Pertama: Syaitan bukan dari jenis Malaikat.

Sebahagian orang keliru dengan mengatakan syaitan adalah dari jenis malaikat. Mereka merujuk kepada ayat-ayat dimana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintah para malaikat untuk sujud kepada Adam. Salah satu dari ayat tersebut:

Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kepada Nabi Adam." Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir. [al-Baqarah 2:34]

Berdasarkan ayat di atas dan lain-lain yang semaksud dengannya, mereka mendakwa iblis dan syaitan adalah dari jenis malaikat, maka kerana itulah ia dihukum kerana enggan sujud kepada Adam. Seandainya iblis dan syaitan bukan dari jenis malaikat, nescaya ia tidak akan dihukum kerana enggan sujud kepada Adam.

Kekeliruan ini dapat diluruskan dengan penjelasan bahawa dalam ayat 50 surah al-Kahf, sebagaimana yang dikemukakan di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjelaskan bahawa iblis adalah dari jenis jin. Bahkan dalam ayat 12 surah al-A'raaf, Allah telah menjelaskan pengakuan iblis bahawa ia dari api, bahan asas yang sama dengan asal usul jin.

Ada pun ayat 34 surah al-Baqarah dan yang semakna dengannya, perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang ditujukan kepada para malaikat tidaklah bererti iblis adalah dari jenis malaikat. Ini kerana dalam kaedah bahasa Arab, apabila wujud dua kumpulan di mana satunya besar dan satu lagi kecil jumlahnya,

perintah kepada kumpulan yang besar merangkumi kumpulan yang kecil juga. Pada saat itu para malaikat membentuk kumpulan yang besar manakala para jin membentuk kumpulan yang kecil. Maka apabila perintah sujud kepada Nabi Adam *'alahissalam* diseru kepada para malaikat, ia merangkumi para jin juga.

Besarnya kumpulan malaikat, atau jumlah mereka, telah digambarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai:

أَطَّتِ السَّمَاءُ، وَيَحَقُّ لَهَا أَنْ تَئِطَّ، وَالَّذِيْ نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَا فِيْهِ مَوْضِعُ شِبْرٍ إِلاَّ وَفِيْهِ جَبْهَةُ مَلَكٍ سَاجِدٍ يُسَبِّحُ اللهَ بِحَمْدِهِ.

Langit menggeletar dan sudah sememangnya ia menggeletar. Demi diri Muhammad yang berada di Tangan-Nya, tidak ada sejengkal ruang jua (di langit) melainkan terdapatnya dahi malaikat yang sedang bersujud, bertasbih kepada Allah dengan memuji-Nya.[3]

Iblis sedia mengetahui hal ini. Oleh itu apabila ditanyakan "Apakah penghalang yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku (Allah) perintahmu?", iblis tidak menjawab "Aku tidak sujud kerana perintah hanya dituju kepada para malaikat manakala aku daripada para jin." Sebaliknya iblis mengakui dia termasuk dalam perintah tersebut namun dia enggan sujud kerana merasakan dirinya lebih hebat. Perhatikan ayat berikut:

Kemudian Kami

Manusia terbahagi kepada tiga golongan apabila berbicara berkenaan syaitan:
1. Mereka yang menafikannya.
2. Mereka yang menokok tambahnya.
3. Mereka yang berbicara tentangnya berdasarkan petunjuk wahyu.

n Marduyah dan dinilai sahih oleh al-
eir, hadis no: 1020.

berfirman kepada malaikat-malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", lalu mereka sujud melainkan iblis – ia tidak termasuk dalam golongan yang sujud.

Allah berfirman: "Apakah penghalang yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam. Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah." [al-A'raaf 7:11-12]

Oleh itu iblis dan syaitan adalah dari jenis jin dan bukannya malaikat.

Kedua: Manhaj *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berkenaan makhluk ghaib.

Manusia terbahagi kepada tiga golongan apabila berbicara berkenaan syaitan:

1. **Mereka yang menafikannya**, iaitu mereka yang berkata makhluk ghaib tidak wujud kerana tidak dapat dibuktikan oleh ilmu sains. Maka golongan ini menafikan kewujudan syaitan. Seterusnya mereka mendakwa bahawa yang wujud hanyalah kedudukan jiwa seseorang. Jika jiwanya mengarah kepada yang baik, maka itu adalah jiwa malaikat. Sebaliknya jika jiwanya mengarah kepada yang buruk, maka itu adalah jiwa syaitan. Maka syaitan hanyalah satu gelaran bagi manusia yang lazim berbuat jahat dan keburukan.
2. **Mereka yang menokok-tambahnya,** iaitu mereka yang membuat-buat pelbagai cerita berkenaan makhluk ghaib

sehingga membingungkan makhluk ghaib itu sendiri. Berkenaan asal-usul syaitan umpamanya, mereka membuat cerita bahawa iblis itu asalnya makhluk yang rajin beribadah selama ribuan tahun. Ada yang membuat cerita bahawa iblis ialah penjaga langit atau penjaga syurga. Banyak lagi cerita yang dibuat sehingga jika dihimpun semuanya, nescaya dapat menghasilkan sebuah buku yang tebal.

3. **Mereka yang berbicara tentangnya berdasarkan petunjuk wahyu,** iaitu mereka yang menahan diri dari berbicara berkenaan makhluk ghaib kecuali terhadap apa yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Perkhabaran tersebut diterima sebagaimana adanya tanpa ditambah, dikurang atau diubahsuai maksudnya.

   Apa yang sudah dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-Nya dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih adalah mencukupi. Apa yang didiamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, bererti ia adalah sesuatu yang tidak menambahkan iman, tidak menguatkan ketaqwaan, tidak menegakkan agama, tidak memajukan umat dan tidak memasukkan umat ke syurga. Lebih penting, ia tidak bermanfaat untuk manusia melawan pemusuhan syaitan kepadanya.

   Golongan ketiga ini berada di pertengahan antara golongan yang menafikan dan golongan yang menokok tambah. Golongan ketiga inilah yang dimaksudkan sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.*

   Ada pun hujuh golongan pertama, maka dijawab bahawa

tidak semua perkara yang wujud di alam ini dapat dibuktikan oleh ilmu sains. Tidak boleh menafikan sesuatu perkara semata-mata kerana ilmu kita belum menjangkaui perkara tersebut. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Bahkan mereka terburu-buru mendustakan perkara yang fahaman mereka tidak dapat meliputi segala isi pengetahuannya. [Yunus 10:39]

Bahkan ilmu itu sendiri bersifat relatif, apa yang tidak diketahui hari ini mungkin diketahui pada hari esoknya. Jika 200 tahun yang lalu kita bertanya kepada para ahli sains tentang struktur DNA yang khas bagi setiap manusia, nescaya mereka menafikannya. Ini kerana struktur DNA dalam sel-sel manusia adalah sesuatu yang “ghaib” di sisi para ahli sains 200 tahun yang lalu. Akan tetapi pada masa kini ilmu berkenaan DNA telah menjadi sesuatu yang wujud, tetap lagi luas penggunaannya.

Maka apa yang ghaib di sisi ilmu sains tidak semestinya ghaib dari alam ini. Apatah lagi ilmu berkenaan yang ghaib tersebut dikhabarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Manusia amat jauh dari menjangkauinya, maka bagaimana mungkin mereka menafikannya. Padahal ilmu Allah tidak terbanding dengan ilmu manusia:

Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah (ilmu-ilmu) Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [Luqman 31:27]

Ada pun golongan kedua yang menokok tambah, sebahagian dari tokok tambah tersebut ada yang mereka ambil dari riwayat-riwayat yang tidak diketahui asal-usulnya. Sebahagian lagi mereka buat sendiri untuk menghebatkan cerita dan menarik perhatian orang. Semua ini sia-sia belaka kerana apa yang bermanfaat untuk diketahui oleh manusia berkenaan syaitan telah pun dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-nya. Ia boleh didapati dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Apa yang tidak dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-Nya, bererti ia adalah sesuatu yang tidak bermanfaat langsung dari sudut apa jua.[4]

Merujuk kepada riwayat-riwayat yang tidak diketahui asal-usulnya, sebahagian darinya boleh didapati dalam kitab-kitab tafsir al-Qur'an. Akan tetapi tujuan riwayat-riwayat itu dikemukakan oleh para pengarangnya bukanlah untuk dijadikan hujah, tetapi sekadar untuk menerangkan kebatilannya. Antara tokoh yang mengemukakan riwayat-riwayat itu ialah Imam Ibn Katsir *rahimahullah* (774H). Setelah mengemukakan riwayat-riwayat itu, beliau mengkritiknya dengan berkata:

> Sehubungan dengan masalah iblis ini, banyak sekali perkataan-perkataan yang diriwayatkan dari ulama' Salaf tetapi kebanyakannya bersumber dari nukilan-nukilan *Israiliyat* (kisah-kisah umat Bani Israil dan Nasrani). Hanya Allah sahajalah yang mengetahui kenyataan dari kebenaran sebahagian besarnya. Di antara berita *Israiliyat* itu dipastikan

4 Kenyataan ini akan saya ulangi beberapa kali dalam buku ini kerana kelihatannya orang yang memberi perhatian kepada agama amat gemar untuk berfikir, bertanya dan menokok tambah sesuatu yang didiamkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

kedustaannya kerana bertentangan dengan pegangan yang ada pada kita. Keterangan yang terdapat di dalam al-Qur'an sudah cukup tanpa memerlukan lagi berita-berita terdahulu dari kaum Bani Israil kerana sesungguhnya berita-berita itu tidak terlepas dari penggantian, penambahan dan pengurangan.

Mereka telah menuangkan banyak hal lain ke dalam berita-berita itu, sedangkan di kalangan mereka (Bani Israil), tidak terdapat para penghafal yang benar-benar ahli, yang dengan hafalannya itu mereka dapat terhindar dari penyimpangan yang dilakukan oleh orang-orang yang berlebihan dan kepalsuan yang dilakukan orang-orang yang batil.

Lain halnya dengan apa yang dilakukan umat ini (Islam), mereka memiliki para imam, para ulama', para pemimpin, orang-orang yang bertaqwa, berbakti dan yang pandai dari kalangan para cendekiawan yang tajam lagi mempunyai hafalan yang dapat diiktiraf. Mereka telah menghimpun dan mencatat hadis-hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan menjelaskan darjat *sahih*, *hasan* dan *dhaif*nya. Mereka menjelaskan hadis yang *mungkar*, *maudhu'*, *matruk* dan yang *makzub*. Bahkan mereka memperkenalkan orang-orang yang membuat-buat hadis palsu, orang-orang yang dusta, orang yang tidak dikenal dan sebagainya, lengkap dengan kedudukan masing-masing.

Semua itu dimaksudkan untuk memelihara keutuhan hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam,* penutup para Rasul dan penghulu umat manusia, agar janganlah disandarkan kepada baginda suatu kedustaan atau suatu hadis yang pada hakikatnya baginda tidak pernah menyampaikannya. Semoga Allah

melimpahkan keredhaan-Nya kepada mereka dan memberi mereka pahala yang memuaskan serta menjadikan syurga Firdaus tempat menetap mereka.[5]

Sikap menafi atau menokok tambah bukan sahaja terhadap asal usul syaitan tetapi juga terhadap ciri-cirinya. Ada pun *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* semua ciri-ciri syaitan diterima asalkan ia dikhabarkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih, sekali pun sebahagian darinya agak sukar untuk dicerna oleh logik akal. Ciri-ciri tersebut akan dikupas dalam bab seterusnya *insya-Allah*. Sebelum itu marilah kita mengkaji asal usul permusuhan syaitan kepada manusia.

---

[5] *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim* (edisi terjemahan oleh Bahrun & Anwar Abu Bakar atas judul *Tafsir Ibnu Kasir*; Sinar Baru Algensindo, Bandung, 2003), jld. 15, ms. 533-534 *(tafsir kepada ayat 50 surah al-Kahf)*.

BAB KEDUA:

ASAL USUL PERMUSUHAN SYAITAN KEPADA MANUSIA.

Pada mulanya syaitan sudah sedia dicipta oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini kerana syaitan adalah dari jenis jin dan makhluk jin pula telah sedia ada sebelum Adam *'alaihi salam* dicipta oleh Allah. Kemudian Allah mencipta manusia:

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya." [al-Hijr 15:28]

Setelah mencipta manusia, Allah memerintahkan para penghuni langit yang terdiri daripada para malaikat dan jin untuk sujud kepada Adam. Termasuk dari kalangan para penghuni langit ialah iblis. Akan tetapi memandangkan penghuni langit majoritinya ialah malaikat, maka mencukupi perintah sujud ditujukan kepada para malaikat sahaja. Maka bersujudlah para penghuni langit semuanya kecuali iblis:

Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kepada Nabi Adam." Lalu mereka sekaliannya sujud melainkan Iblis; ia enggan dan* takbur *dan menjadilah ia dari golongan yang kafir. [al-Baqarah 2:34]

Mengapakah iblis enggan sujud? Dalam ayat 34 surah al-Baqarah di atas Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan bahawa sebab iblis enggan sujud ialah *takbur*. Apakah yang dimaksudkan dengan sikap *takbur*? Allah menjelaskannya dalam beberapa ayat lain. Para pembaca sekalian hendaklah memberi perhatian kepada penjelasan ini kerana mungkin sebahagian darinya ada pada diri kita sendiri tanpa disedari.

- ***Takbur* ialah sikap ujub.**

  Ujub ialah sikap yang merasa diri sendiri lebih hebat, lebih canggih dan lebih baik dari yang selainnya. Sikap inilah yang dimiliki oleh iblis sebagaimana ayat berikut:

  Allah berfirman: "Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah." [al-A'raaf 7:12]

- ***Takbur* ialah sikap menghina orang lain.**

  Salah satu maksud *takbur* yang ada pada iblis ialah sikap menghina, sebagaimana dia menghina bahan-bahan yang menjadi asas penciptaan manusia:

  Allah berfirman: "Hai Iblis, apa sebabnya engkau tidak turut bersama mereka yang sujud itu?" Iblis menjawab: "Aku tidak

Oleh kerana sikap *takbur* yang ada pada dirinya, syaitan merasakan tidak perlu segera taat kepada perintah Allah untuk sujud kepada Adam. Sebaliknya hendaklah dinilai terlebih dahulu adakah perintah tersebut logik atau tidak.

patut sujud kepada manusia yang Engkau jadikan dia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya." [al-Hijr 15:33]

- ***Takbur* ialah mengunggulkan akal (logik) di atas perintah Allah.**

  Apabila diperintah untuk sujud kepada manusia, semua penghuni langit sujud kecuali iblis. Oleh kerana sikap *takbur* yang ada pada dirinya, ia merasakan tidak perlu segera taat kepada perintah Allah. Sebaliknya hendaklah dinilai terlebih dahulu adakah perintah tersebut logik atau tidak.

  Setelah dinilai, iblis mendapati perintah tersebut adalah tidak logik kerana api dan tanah tidak berada pada kedudukan yang sama. Antara keduanya, tentu api lebih mulia dari tanah. Justeru takkanlah sesuatu yang dicipta dari api perlu sujud kepada sesuatu yang dicipta dari tanah?

  Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; maka mereka sujudlah melainkan iblis; ia berkata: "<u>Patutkah</u> aku sujud kepada (makhluk) yang Engkau jadikan dari tanah?" [al-Isra' 17:61]

- ***Takbur* ialah mempersoal perintah larangan Allah.**

  Setelah menilai bahawa perintah sujud kepada manusia adalah tidak logik, iblis bukan sahaja enggan sujud tetapi memberanikan diri menyoal Allah akan perintah-Nya! Perhatikan sikap iblis ini yang Allah ungkapkan dalam al-

Qur’an:

Iblis berkata lagi (kepada Allah): “Khabarkanlah kepadaku, inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasiku?” [al-Isra’ 17:62]

Demikian empat sikap *takbur* yang dimiliki oleh iblis yang menyebabkan ia dihalau keluar dari langit:

Allah berfirman: “Turunlah engkau dari (langit) ini, kerana tidak patut engkau berlaku **takbur** ***di dalamnya; oleh sebab itu keluarlah, sesungguhnya engkau dari golongan yang hina.”*** [al-A’raaf 7:13]

Hendaklah kita sentiasa berwaspada terhadap empat sikap *takbur* yang dimiliki oleh iblis, iaitu ujub, menghina, mengunggulkan logik atas wahyu dan mempersoalkan wahyu. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan sikap-sikap tersebut tidak lain agar kita mengambil iktibar darinya dan menghindari diri daripada bersikap dengannya. Hendaklah kita memiliki sikap rendah diri, memuliakan orang lain, tunduk kepada wahyu (al-Qur’an dan al-Sunnah) serta tidak mempersoalkannya.

Merujuk kepada penggunaan akal dan logik oleh iblis, maka manusia terbahagi kepada dua sikap yang ekstrim:

- **Ekstrim Pertama** adalah mereka yang mengunggulkan akal di atas wahyu sehingga mereka sentiasa tetap menilai sama ada sesuatu ayat al-Qur’an dan/atau al-Sunnah yang sahih adalah logik atau tidak. Jika logik mereka beriman

kepadanya, jika tidak mereka *kufur* terhadapnya.[6]

- **Ekstrim Kedua** adalah mereka yang menafikan peranan akal terhadap wahyu sehingga mereka membiarkan al-Qur'an dan/atau al-Sunnah yang sahih sebagai huruf-huruf yang tercatit di atas lembaran-lembaran. Mereka tidak berusaha untuk memahaminya, melaksanakannya dan tidak berijtihad dalam persoalan yang dibolehkan oleh wahyu untuk diijtihadkan.

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berada di pertengahan di antara dua ekstrim di atas. Di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* akal ialah sesuatu yang bermanfaat jika ia digunakan sesuai dengan peranannya. Ini kerana orang yang berakal cemerlang ialah mereka

---

[6] Mereka yang bersikap seperti ini lazimnya berhujah dengan beberapa ayat al-Qur'an yang menyuruh manusia berfikir. Padahal jika dikaji dengan cermat ayat-ayat tersebut, akan diketahui bahawa:

1. Manusia disuruh berfikir, bahawa di sebalik pelbagai benda dan hidupan yang ada di alam ini, sudah tentu ada yang menciptanya. Fikirannya akan berbisik: "Mustahil semua ini berlaku secara kebetulan." Maka dengan fikirannya, dia akan beriman kepada kewujudan pencipta dan pencipta itu tidak lain ialah yang sejak awal menyuruh dia berfikir, iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
2. Manusia yang sudah mengenal Penciptanya, iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala,* juga disuruh berfikir, bahawa akalnya memang bijak tetapi sudah tentu yang menciptakan akal itu jauh lebih bijak. Fikirannya berbisik: "Jika akal aku bijak, hendaklah ia tunduk mengikuti wahyu dan bukan menentangnya." Maka dengan fikirannya, dia akan beriman kepada apa jua khabar dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala.*

Ada pun orang yang menafikan wahyu atas alasan berfikir, maka dia sebenarnya telah menyalahgunakan pemikirannya. Bahkan dia sebenarnya belum menggunakan pemikirannya ke tahap kematangan yang maksimum.

yang tahu mendudukkan akal pada peranan yang dengan itu ia diciptakan. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak mengunggulkan akal di atas wahyu dan pada waktu yang sama tidak menafikan peranan akal di dalam wahyu. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* berada di pertengahan, iaitu akal digunakan untuk memahami wahyu, berfikir cara untuk melaksanakan wahyu dan berijtihad dalam persoalan yang dibolehkan oleh wahyu untuk diijtihadkan.

Permusuhan iblis kepada manusia tidak berhenti dengan sikap *takbur*nya, tetapi dilanjutkannya dengan permusuhan yang berkekalan sehingga Hari Kiamat. Setelah enggan sujud kepada manusia, iblis bertekad:

Iblis berkata: "Berilah tempoh kepadaku hingga hari mereka dibangkitkan (Hari Kiamat)." [al-A'raaf 7:14]

Dalam tempoh tersebut, iblis secara khusus dan syaitan secara umum, berjanji akan bertungkus lumus mengganggu manusia dengan objektif utamanya:

- **Agar manusia menjadi sesat:**

  Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

  (Iblis berkata): Jika Engkau beri tempoh kepadaku hingga Hari Kiamat, tentulah aku akan menyesatkan zuriat keturunannya (manusia), kecuali sedikit (di antaranya). [al-Isra' 17:62]

- **Agar manusia menjadi kafir:**

  Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

  (Demikian) itu samalah seperti (sikap) syaitan ketika ia

berkata kepada manusia: “Berlaku <u>kufurlah</u> engkau!” [al-Hasyr 59:16]

- **Agar manusia syirik kepada Allah:**

  Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berkhutbah:

  أَلاَ إِنَّ رَبِّي أَمَرَنِي أَنْ أُعَلِّمَكُمْ مَا جَهِلْتُمْ مِمَّا عَلَّمَنِي يَوْمِي هَذَا كُلُّ مَالٍ نَحَلْتُهُ عَبْدًا حَلاَلٌ وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَفَاءَ كُلَّهُمْ وَإِنَّهُمْ أَتَتْهُمْ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالَتْهُمْ عَنْ دِينِهِمْ وَحَرَّمَتْ عَلَيْهِمْ مَا أَحْلَلْتُ لَهُمْ وَأَمَرَتْهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أُنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا .

  Ketahuilah! Sesungguhnya Tuhanku menyuruhku untuk mengajar kalian apa yang kalian tidak tahu dan Allah telah mengajarku pada hari ini, iaitu setiap harta yang Aku (Allah) berikan kepada seseorang hamba adalah halal dan sesungguhnya Aku mencipta hamba-hamba-Ku semuanya dalam keadaan (fitrah yang) cenderung kepada agama yang lurus (Islam).

  Akan tetapi syaitan-syaitan mendatangi mereka dan memalingkan mereka dari agama mereka (Islam) dan mengharamkan ke atas mereka apa yang Aku halalkan bagi mereka. Dan syaitan-syaitan itu menyuruh mereka <u>mempersekutukan</u> Aku dengan apa yang tidak Aku

berikan keizinan kepada mereka.[7]

- **Agar manusia memasuki neraka:**

  Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

  Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah ia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya); sebenarnya ia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi dari penduduk neraka. [Fatir 35:06]

Dalam ayat keenam surah Fatir di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa syaitan adalah musuh kita dan dengan itu Allah memerintahkan kita untuk menjadikannya sebagai musuh juga. Untuk menjadikan syaitan sebagai musuh, kita perlu mengetahui ciri-cirinya agar dengan itu kita dapat mengetahui sifat mereka, sekadar mana kemampuan mereka dan bagaimana mereka bertindak. Ciri-ciri ini akan kita dedahkan dalam bab seterusnya *insya-Allah*.

---

[7] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2865 *(Kitab al-Jannah wa Shifati…, Bab sifat-sifat yang dapat dikenali dengannya di dunia akan ahli syurga dan ahli neraka).*

Penjelasan Tambahan: Sebab sebenar syaitan menjadi sesat.

Dalam penjelasan di atas, kita mengetahui bahawa iblis enggan sujud kepada Adam kerana sikap *takbur* yang dimilikinya. Seterusnya kita juga telah memperincikan apa yang dimaksudkan dengan sikap *takbur* tersebut.

Akan tetapi dalam ayat 39 surah al-Hijr, iblis berkata bahawa yang sebenarnya menyebabkan dia tersesat ialah Allah dan bukannya sikap *takbur*. Perhatikan perkataan iblis di akhir ayat berikut:

Allah berfirman: "Hai Iblis, apa sebabnya engkau tidak turut bersama mereka yang sujud itu?" Iblis menjawab: "Aku tidak patut sujud kepada manusia yang Engkau jadikan dia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya."

Allah berfirman: "Kalau demikian, keluarlah engkau daripadanya, kerana sesungguhnya engkau dari sekarang ke masa depan adalah (satu makhluk yang) diusir. Dan sesungguhnya engkau ditimpa laknat terus-menerus hingga ke Hari Kiamat."

Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Jika demikian, berilah tempoh kepadaku hingga ke hari mereka dibangitkan (Hari Kiamat)." Allah berfirman: "Dengan permohonanmu itu, maka sesungguhnya engkau dari golongan yang diberi tempoh. Hingga ke hari - masa yang termaklum."

iblis berkata: *"Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat…"*, seolah-olah iblis menyandarkan segala kesalahannya dari awal (enggan sujud) hinggalah yang terkini (diusir dari langit) berpunca dari Allah.

Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperindahkan (segala jenis kemungkaran) kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka semuanya." [al-Hijr 15:32-39]

Dalam perenggan terakhir di atas, iblis berkata: ***"Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat…"***, seolah-olah iblis menyandarkan segala kesalahannya dari awal (enggan sujud) hinggalah yang terkini (diusir dari langit) berpunca dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Kemudian, perkataan iblis itu tidak pula dibantah oleh Allah.

Tanpa adanya bantahan dari Allah, apakah dengan itu perkataan iblis adalah benar dan ia bukan tuduhan semata-mata? Adakah sememangnya Allah yang sengaja menjadikan iblis *takbur* dan sesat sehingga diusir dari langit?

Persoalan ini dijawab bahawa kesalahan iblis secara keseluruhannya berpunca dari dirinya sendiri. Kesalahan tersebut bermula dari iblis yang memilih untuk bersikap *takbur* sehingga melawan perintah Allah untuk sujud kepada Adam. Atas pilihan iblis inilah Allah menyesatkannya. Ini kerana merupakan peraturan Allah (*sunnatullah*) bahawa sesiapa yang memilih untuk berpaling, melawan atau membantah dari perintah-Nya, maka Allah akan memaling orang tersebut dari hidayah-Nya sehingga menjadilah dia orang yang sesat. Ayat berikut menjadi rujukan:

Maka ketika mereka berpaling (dari kebenaran yang mereka sedia mengetahuinya), Allah memalingkan hati mereka (dari mendapat hidayah); dan sememangnya Allah tidak memberi hidayah kepada kaum yang fasik - derhaka. [al-Saf 61:05]

Peraturan ini tidak saja berlaku terhadap perintah Allah tetapi juga berlaku kepada orang yang memilih untuk berpaling, melawan atau membantah perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya), dan dia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya. [al-Nisa 4:115]

Maka apabila iblis berkata: ***"Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat…"***, ia merujuk kepada tindakan Allah yang memalingkan iblis dari hidayah-Nya, mengusir iblis dari langit dan melaknatnya terus menerus hingga Hari Kiamat. Akan tetapi semua ini berlaku bukan kerana Allah tetapi kerana sikap iblis sendiri yang pada awalnya menentang perintah Allah.

Perkataan iblis ***"Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat…"*** tidak dibantah oleh Allah kerana merupakan peraturan-Nya bahawa sesiapa yang melawan perintah-Nya, Allah akan menjadikan orang tersebut sesat.

Apa yang berlaku kepada iblis hendaklah dijadikan iktibar yang penting oleh kita semua. Apabila sampai ke pengetahuan kita "Firman Allah" atau "Sabda Rasulullah", hendaklah serta merta merendahkan diri dan taat kepadanya. Jangan berpaling, melawan atau membantahnya kerana mungkin sahaja Allah akan memaling hati kita dari hidayah-Nya sehingga menjadilah kita dari kalangan orang-orang yang sesat.

Merupakan peraturan Allah (*sunnatullah*) bahawa sesiapa yang memilih untuk berpaling, melawan atau membantah dari perintah-Nya dan Rasul-Nya, Allah akan memaling orang tersebut dari hidayah-Nya sehingga menjadilah dia orang yang sesat.

Mutakhir ini telah menjadi satu kelaziman orang yang apabila sampai ke pengetahuannya sesuatu ayat al-Qur'an atau hadis Rasulullah yang tidak selari dengan logiknya, mazhabnya, ajaran tok gurunya atau amalan

kebiasaannya, dia berpaling, melawan dan membantah dengan alasan-alasan yang tidak munasabah.

Ada yang cuba berdalih dengan menyalah-gunakan kaedah-kaedah usul fiqh, konon ayat tersebut terbatas kepada *Asbab al-Nuzul*nya (sebab-sebab turunnya), hadis tersebut terbatas kepada *Asbab al-Wurud*nya (sebab-sebab lahirnya), konon *'illat* (sebab) di sebalik perintah larangan ayat atau hadis itu telah hilang pada masa kini dan konon yang penting ialah tujuan syari'at *(maqasid)* dan bukannya firman Allah mahu pun sabda Rasulullah.

Semua ini adalah sesuatu yang amat merbahaya kepada orang itu sendiri kerana mungkin sahaja dengan sikap sedemikian, Allah akan memalingkan hatinya dari hidayah-Nya sehingga menjadilah dia dari kalangan orang-orang yang sesat.

Sebaliknya orang yang apabila sampai ke pengetahuannya sesuatu ayat al-Qur'an atau hadis Rasulullah lalu dia terus berpegang dengannya, Allah menambahinya dengan hidayah-Nya. Oleh kerana itulah, anda akan mendapati orang yang pada awalnya hanya berpegang kepada beberapa ayat al-Qur'an yang ditemuinya, Allah menambahinya dengan puluhan lagi ayat al-Qur'an. Orang yang pada awalnya hanya berpegang kepada beberapa hadis yang ditemuinya, Allah menambahinya dengan puluhan lagi hadis. Sehingga akhirnya menjadilah orang tersebut pakar al-Qur'an dan hadis sekali pun dia baru mengenal agama dalam masa yang singkat.

Al-Qur'an dan hadis yang sahih merupakan hidayah dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan merupakan peraturan-Nya (*sunnatullah*) bahawa sesiapa yang akur menerima hidayah

tersebut, Allah akan menambahinya dengan hidayah demi hidayah:

Dan (sebaliknya) orang-orang yang menerima hidayah), Allah menambahi mereka dengan hidayah, serta memberi kepada mereka (dorongan) untuk mereka bertaqwa. [Muhammad 47:17]

Dan Allah akan menambahi hidayah bagi orang-orang yang menurut jalan hidayah; dan amal-amal yang baik yang tetap kekal faedah-faedahnya itu, lebih baik balasan pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya. [Maryam 19:76]

BAB KETIGA:

CIRI-CIRI SYAITAN.

Terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadis sahih yang menerangkan ciri-ciri syaitan. Semua ini didedahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk kebaikan kita kerana dengan pengetahuan akan ciri-ciri syaitan, kita akan dapat mengetahui apa sifat mereka, sekadar mana kemampuan mereka dan bagaimana mereka bertindak.[8]

Sebelum kita mengkaji ciri-ciri tersebut, sekali lagi saya ingin menasihati para pembaca yang budiman sekalian agar:

1. Tidak berpaling atau membantah ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah yang dikemukakan.
2. Tidak menilainya dengan akal atau cuba menselarikannya kepada akal dengan alasan "ciri-ciri tersebut ialah kiasan (*majaz*) semata-mata."
3. Tidak bertanya, berfikir dan menokok tambah dari apa yang sedia dijelaskan oleh al-Qur'an dan hadis.

---

[8] Penyusunan bab ini adalah berdasarkan manhaj Imam al-Bukhari *rahimahullah* (256H) yang telah meletakkan satu bab khusus dalam kitab *Shahih*nya, iaitu *Sifat iblis dan para tenteranya*. Dalam bab tersebut beliau telah meletakkan hadis-hadis yang menerangkan sifat-sifat atau ciri-ciri iblis, syaitan dan para tentera mereka. Lalu saya mengikuti manhaj tersebut dan menghimpun ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis sahih dari kitab *Shahih al-Bukhari* dan selainnya berkenaan ciri-ciri syaitan ke dalam bab ini.

Ciri # 1: Syaitan memiliki kepala.

Ciri ini diterangkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam firman-Nya:

Sesungguhnya Kami jadikan (pokok Zaqqum itu) satu ujian bagi orang-orang yang zalim. Sebenarnya ia sebatang pohon yang tumbuh di dasar neraka yang marak menjulang, buahnya seolah-olah kepala syaitan-syaitan. [al-Saffat 37:63-65]

Ciri # 2: Syaitan memiliki dua tanduk.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لاَ تَحَرَّوْا بِصَلاَتِكُمْ طُلُوعَ الشَّمْسِ وَلاَ غُرُوبَهَا فَإِنَّهَا تَطْلُعُ بِقَرْنَيْ شَيْطَانٍ.

Janganlah kalian melaksanakan solat (sunat mutlak) pada waktu terbit matahari (selepas subuh) dan terbenam matahari (selepas asar) kerana pada waktu itu muncul dua tanduk syaitan.[9]

Ciri # 3: Syaitan memiliki hati, mata dan telinga.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak

---

[9] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 828-2 *(Kitab solat al-Musafirin…, Bab waktu-waktu yang dilarang solat padanya).*

mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat). [al-A'raaf 7:179]

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, syaitan adalah dari jenis jin. Maka ciri-ciri yang dimiliki oleh jin dimiliki juga oleh syaitan. Dalam ayat 179 surah al-A'raaf di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan bahawa jin memiliki hati, mata dan telinga. Maka demikian jugalah bagi syaitan, ia juga memiliki hati, mata dan telinga.

Sebelum ini dalam bab "Asal Usul Permusuhan Syaitan Kepada Manusia", kita mengetahui bahawa syaitan mendengar perintah Allah untuk sujud kepada manusia, menunjukkan bahawa syaitan memiliki telinga. Kemudian syaitan enggan sujud kerana *takbur*, dimana dua dari sikap *takbur* tersebut ialah ujub terhadap diri sendiri dan menghina kepada orang lain. Kedua-dua sikap ini merupakan peranan hati, menunjukkan bahawa syaitan memiliki hati.

Merujuk kepada penglihatan, syaitan dapat melihat manusia manakala manusia tidak dapat melihat syaitan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan perbezaan ini:

Sesungguhnya

Oleh kerana suara-suara syaitan inilah sebahagian masyarakat menganggap wujudnya "penunggu" atau "penjaga" di kawasan hutan, air terjun, padang pasir dan sebagainya. Kemudian ada pula yang memberi petua, apabila memasuki hutan ucapkanlah selawat kepada nabi sekian-sekian kerana dia adalah penjaganya.

syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. [al-A'raaf 7:27]

Ciri # 4: Syaitan memiliki suara.

Syaitan juga memiliki suara dan boleh bercakap-cakap, membantah, menyoal, membisik dan menghasut dengannya. Semua ini dapat kita ketahui melalui dialog iblis dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", maka sujudlah mereka melainkan iblis; ia <u>berkata</u>: "Patutkah aku sujud kepada (makhluk) yang Engkau jadikan dari tanah (yang di adun)?"

Ia <u>berkata</u> lagi: "Khabarkanlah kepadaku, inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasiku? Jika Engkau beri tempoh kepadaku hingga Hari Kiamat, tentulah aku akan memancing menyesatkan zuriat keturunannya, kecuali sedikit (di antaranya)."

Allah berfirman (kepada iblis): "Pergilah (lakukanlah apa yang engkau rancangkan)! Kemudian siapa yang menurutmu di antara mereka, maka sesungguhnya neraka Jahannamlah balasan kamu semua, sebagai balasan yang cukup.

Dan desak serta pujuklah sesiapa yang engkau dapat memujuknya dengan <u>suaramu</u>; dan <u>kerahlah</u> penyokong-penyokongmu yang berkuda serta yang berjalan kaki untuk mengalahkan mereka; dan turut - campurlah dengan mereka dalam menguruskan harta-benda dan anak-anak (mereka); dan

janjikanlah mereka (dengan janji-janjimu)." Padahal tidak ada yang dijanjikan oleh syaitan itu melainkan tipu daya semata-mata. [al-A'raaf 17:61-64]

Syaitan menggunakan suaranya untuk mengganggu manusia dengan pelbagai cara. Antaranya, bercakap kepada manusia melalui perantaraan batu, pokok, mata air dan haiwan. Umpama seseorang yang masuk ke hutan, tiba-tiba sebuah batu bercakap-cakap kepadanya: "Wahai Azlina! Kamu seorang wanita yang shalihah. Amalan kamu selama ini telah mencukupi. Kini memadai untuk kamu berzikir sahaja, tanpa perlu solat, puasa zakat dan haji." Percakapan tersebut sebenarnya berasal dari syaitan.

Oleh kerana suara-suara syaitan inilah sebahagian masyarakat menganggap wujudnya "penunggu" atau "penjaga" di kawasan hutan, air terjun, padang pasir dan sebagainya. Kemudian ada pula yang memberi petua, apabila memasuki hutan ucapkanlah selawat kepada nabi sekian-sekian kerana dia adalah penjaganya. Apabila menghampiri kawasan air terjun ucapkanlah selawat kepada wali sekian-sekian kerana dia adalah penjaganya. Semua ini hanyalah tipu daya syaitan untuk menyesatkan umat Islam.

Ciri # 5: Syaitan memiliki akal.

Berdasarkan bantahan syaitan kepada Allah, dapat kita mengetahui bahawa syaitan memiliki akal. Ini kerana ia telah menggunakan logik akal untuk membantah perintah Allah, seperti

kata-katanya:

- ***"Patutkah aku sujud kepada (makhluk) yang Engkau jadikan dari tanah?"***
- ***"Khabarkanlah kepadaku, inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasiku?"***

Akal adalah sesuatu yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar dengan akal tersebut makhluk dapat mentaati dan melaksanakan perintah larangan-Nya dengan cara yang tepat dan betul. Sebaliknya jika akal digunakan untuk mengukur logik atau tidak sesuatu perintah larangan Allah, maka ia adalah suatu penyimpangan yang mengkhianati kurniaan akal itu sendiri.

Ciri # 6: Syaitan ketawa.

Syaitan boleh ketawa. Ini dapat kita ketahui dari hadis berikut:

Apabila seseorang kalian menguap sambil berbunyi "Haaa" maka ketawalah syaitan.

التَّثَاؤُبُ مِنْ الشَّيْطَانِ فَإِذَا تَثَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَرُدَّهُ مَا اسْتَطَاعَ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا قَالَ هَا ضَحِكَ الشَّيْطَانُ.

Menguap adalah dari syaitan. Maka apabila seseorang kalian menguap, tahanlah sedaya mungkin kerana sesungguhnya apabila seseorang kalian menguap sambil berbunyi "Haaa"

maka <u>ketawalah</u> syaitan.[10]

Jika tidak dapat menahan diri dari menguap, maka tutuplah mulut yang sedang menguap dengan tangan dan jangan mengeluarkan apa-apa bunyi. Dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengajar kita:

إِذَا تَثَاوَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيُمْسِكْ بِيَدِهِ عَلَى فِيهِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَدْخُلُ.

Jika seseorang kalian menguap, maka tutuplah mulut dengan tangannya kerana sesungguhnya syaitan masuk (ke dalam mulut yang terbuka).[11]

Ada pun bersin, maka ia disukai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan perbezaan antara menguap dan bersin:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْعُطَاسَ وَيَكْرَهُ التَّثَاؤُبَ فَإِذَا عَطَسَ فَحَمِدَ اللَّهَ فَحَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ سَمِعَهُ أَنْ يُشَمِّتَهُ وَأَمَّا التَّثَاؤُبُ فَإِنَّمَا هُوَ مِنْ الشَّيْطَانِ فَلْيَرُدَّهُ مَا اسْتَطَاعَ فَإِذَا قَالَ هَا ضَحِكَ مِنْهُ الشَّيْطَانُ.

Sesungguhnya Allah menyukai bersin dan membenci menguap. Maka apabila (seseorang itu) bersin maka pujilah Allah dan merupakan hak bagi setiap muslim yang mendengar (saudaranya bersin) untuk mendoakannya.

---

10 **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3289 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

11 **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2995 *(Kitab al-Zuhd wa al-Raqa'iq, Bab bersin dan kebencian menguap).*

Ada pun menguap, maka ia tidak lain berasal dari syaitan. Tahanlah ia semampu mungkin dan apabila (yang menguap) berbunyi "Haaa" maka ketawalah syaitan.[12]

bOleh itu Bagi orang yang bersin, hendaklah dia memuji Allah dengan menyebut:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

"Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam." Bagi yang mendengar orang bersin, dia berdoa:

يَرْحَمُكَ اللهُ.

"Semoga Allah merahmati kamu". Kemudian bagi yang bersin, dia menjawab kepada orang yang mendoakannya:

يَغْفِرُ اللهُ لَنَا وَلَكُمْ.

"Semoga Allah mengampuni bagi kami dan bagi kalian."[13]

Sekali pun bersin adalah sesuatu yang disukai, tidaklah bererti seseorang itu boleh bersin di hadapan muka orang lain, menghamburkan air liurnya atau bersin dengan suara yang kuat. Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* menerangkan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا عَطَسَ وَضَعَ يَدَهُ أَوْ ثَوْبَهُ عَلَى فِيهِ وَخَفَضَ أَوْ غَضَّ بِهَا صَوْتَهُ.

---

[12] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 6223 *(Kitab al-Adab, Bab disukai bersin dan dibenci menguap).*

[13] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir*, hadis no: 686.

Apabila Rasulullah* shallallahu ‘alaihi wasallam *bersin, baginda meletakkan tangannya atau bajunya ke atas mukanya (mulut dan hidung) sambil merendahkan (atau sambil menundukkan muka dan) suaranya.[14]

Ciri # 7: Syaitan memiliki tangan dan jari.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَأْكُلْ بِيَمِينِهِ وَإِذَا شَرِبَ فَلْيَشْرَبْ بِيَمِينِهِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْكُلُ بِشِمَالِهِ وَيَشْرَبُ بِشِمَالِهِ.

Apabila seseorang kalian makan, maka makanlah dengan tangan kanannya dan apabila minum, maka minumlah dengan tangan kanannya. Ini kerana sesungguhnya syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya.[15]

Oleh kerana itu kita umat Islam sangat-sangat ditekan untuk makan dan minum dengan tangan kanannya. Penekanan ini turut merangkumi apa jua perkakas yang digunakan seperti sudu, garpu, *chopsticks* dan lain-lain, hendaklah semuanya dipegang

---

[14] **Hasan Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud,* hadis no: 5029 *(Kitab al-Adab, bab berkenaan bersin).* Syaikh Ismail bin Marsyud al-Rumaih memiliki buku kecil yang khas lagi menarik dalam bab ini, berjudul *Adab al-Tatstsaub wa al-‘Uthas* yang sudah diterjemah oleh Ismail Ali atas judul *Adab Menguap dan Bersin* yang diterbitkan oleh Pustaka Imam asy-Syafi’i, Bogor, 2004.

[15] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2020 *(Kitab al-Asyrabah, Bab adab makan dan minum…).*

dengan tangan kanan.

Pernah dahulu seseorang yang duduk bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* makan dengan tangan kirinya. Rasulullah menegur: “Makanlah dengan tangan kanan kamu.” Orang itu menjawab: “Aku tidak mampu.” Rasulullah menjawab: “Kamu tidak mampu?” Padahal dia enggan tidak lain kerana kesombongan. Perawi hadis, Salama bin al-Akwa’ *radhiallahu 'anh* kemudian menerangkan bahawa setelah itu lelaki tersebut tidak dapat mengangkat tangan kanannya ke mulutnya.[16] Tangan kanannya menjadi lumpuh sejak dia membantah teguran Rasulullah.

Umat Islam sangat-sangat ditekan untuk makan dan minum dengan tangan kanannya. Penekanan ini turut merangkumi apa jua perkakas yang digunakan seperti sudu, garpu, *chopsticks* dan lain-lain.

Syaitan juga memiliki jari berdasarkan keterangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

كُلُّ بَنِي آدَمَ يَطْعُنُ الشَّيْطَانُ فِي جَنْبَيْهِ بِإِصْبَعِهِ حِينَ يُولَدُ غَيْرَ عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَهَبَ يَطْعُنُ فَطَعَنَ فِي الْحِجَابِ.

Setiap anak Adam (manusia) ketika lahir ditusuk di kedua tepi badannya oleh syaitan dengan jarinya kecuali ‘Isa ibni Maryam, syaitan hendak menusuknya tetapi hanya berjaya

[16] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2021 *(Kitab al-Asyrabah, Bab adab makan dan minum…).*

menusuk uri (ibunya).[17]

Ciri # 8: Syaitan makan dan minum.

Berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: ***"…sesungguhnya syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya"***, kita juga dapat mengetahui syaitan makan dan minum.

Syaitan makan apa-apa yang dibiarkan oleh kita, sama ada yang masih tersisa di pinggan atau apa yang terjatuh darinya. Oleh kerana itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyuruh kita menghabiskan semua makanan dan mengutip apa yang terjatuh darinya. Tindakan ini bukan sahaja mengelak makanan tersebut daripada diambil oleh syaitan tetapi untuk kita memperoleh keberkatan yang sepenuhnya dari makanan tersebut. Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا أَكَلَ طَعَامًا لَعِقَ أَصَابِعَهُ الثَّلاَثَ. قَالَ وَقَالَ: إِذَا سَقَطَتْ لُقْمَةُ أَحَدِكُمْ فَلْيُمِطْ عَنْهَا الأَذَى وَلْيَأْكُلْهَا وَلاَ يَدَعْهَا لِلشَّيْطَانِ. وَأَمَرَنَا أَنْ نَسْلُتَ الْقَصْعَةَ. قَالَ: فَإِنَّكُمْ لاَ تَدْرُونَ فِي أَيِّ طَعَامِكُمْ الْبَرَكَةُ.

Syaitan makan apa-apa yang dibiarkan oleh kita, sama ada yang masih tersisa di pinggan atau apa yang terjatuh darinya. Oleh kerana itulah Rasulullah menyuruh kita menghabiskan semua makanan dan mengutip apa yang terjatuh darinya.

[17] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3286 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

Apabila Rasulullah* shallallahu 'alaihi wasallam *makan, baginda menjilat jari-jarinya tiga kali.

Anas berkata, bahawa Rasulullah bersabda: "Jika sesuatu makanan seseorang kalian jatuh, hendaklah (dia mengambilnya) dan membersihkan apa-apa kotoran yang melekat padanya lalu memakannya. Janganlah meninggalkannya untuk syaitan."

Anas melanjutkan: "(Rasulullah) juga menyuruh kami untuk menghabiskan apa-apa sisa makanan." Baginda berpesan: "Ini kerana kalian tidak tahu di bahagian manakah pada makanan kalian terdapat keberkatan."[18]

Untuk mengelakkan apa-apa makanan dari tersisa, hendaklah kita sejak dari awal menyukat jumlah makanan yang diletakkan ke dalam pinggan. Ambil sekadar yang perlu tanpa berlebih-lebihan. Syaitan akan menghasut kita untuk mengambil secara berlebihan kerana berlebihan adalah salah satu bentuk pembaziran dan hubungan antara orang yang membazir dengan syaitan adalah:

Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara Syaitan. [al-Isra' 17:27]

Selain itu syaitan minum sambil berdiri. Pada satu ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melihat seorang yang minum sambil berdiri. Baginda menegur: "Jangan begitu!" Orang itu bertanya: "Mengapa?" Rasulullah menjawab: "Adakah kamu

---

[18] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2034 *(Kitab al-Asyrabah, Bab disukai menjilat jari…).*

suka minum bersama kucing?" Orang ituu menjawab: "Tidak." Rasulullah meneruskan:

فَإِنَّهُ قَدْ شَرِبَ مَعَكَ مَنْ هُوَ شَرٌّ مِنْهُ: الشَّيْطَانُ.

Sesungguhnya telah ikut serta minum bersama kamu sesuatu yang lebih buruk darinya, iaitu syaitan.[19]

Oleh itu hendaklah kita sedaya upaya mengelakkan diri minum sambil berdiri. Jika suasana tidak mengizinkan, boleh minum sambil berdiri. Ini kerana dalam suasana terpencil lagi terdesak, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah minum sambil berdiri. 'Abd Allah ibn 'Abbas *radhiallahu 'anhuma* berkata:

سَقَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ زَمْزَمَ فَشَرِبَ وَهُوَ قَائِمٌ.

Aku menghidang Rasulullah* shallallahu 'alaihi wasallam *air zam-zam dan baginda meminumnya sambil berdiri.[20]

Ciri # 9: Syaitan membuang air kecil.

---

[19] **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Darimi dan sanadnya dinilai sahih oleh Husain Salim Asad dalam semakannya ke atas *Musnad al-Darimi*, hadis no: 2174 *(Kitab al-Asyrabah, Bab orang yang dibenci minum berdiri).*

[20] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2027 *(Kitab al-Asyrabah, Bab minum air zam-zam sambil berdiri).*

Syaitan juga membuang air kecil, khasnya kepada orang yang tidur lena sepanjang malam sehingga matahari naik. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah ditanya berkenaan orang yang tidur sepanjang malam hingga pagi hari. Baginda menjawab:

ذَاكَ رَجُلٌ بَالَ الشَّيْطَانُ فِي أُذُنَيْهِ (أَوْ قَالَ) فِي أُذُنِهِ.

Itu adalah orang yang syaitan kencing dalam kedua-dua telinganya atau salah satu telinganya.[21]

Ciri # 10: Syaitan memiliki keturunan.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripada-Ku? [al-Kahf 18:50]

Ciri # 11: Syaitan memiliki pasukan tenteranya.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا أَصْبَحَ إِبْلِيسُ بَثَّ جُنُودَهَ فَيَقُول: مَنْ أَضَلَّ مُسْلِمًا أَلْبَسْتُهُ التَّاجَ.

Pada waktu pagi, iblis mengutus pasukan tenteranya seraya berkata: "Sesiapa yang berjaya menyesatkan seorang

---

21 **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3270 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

muslim maka aku akan memakaikan mahkota kepadanya.”[22]

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan bertahap-tahaplah dalam memujuk sesiapa yang engkau dapat dengan suaramu; dan kerahlah penyokong-penyokongmu yang berkuda serta yang berjalan kaki… [al-Isra’ 17:64]

Dengan pasukan tentera serta para penyokongnya, syaitan berusaha untuk membuat fitnah kepada manusia. Lebih hebat fitnah yang dilakukan, lebih besar pangkat dan anugerah yang dihadiahkan kepada tentera yang berjaya melakukannya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan strategi ketenteraan ini:

إِنَّ إِبْلِيسَ يَضَعُ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ ثُمَّ يَبْعَثُ سَرَايَاهُ فَأَدْنَاهُمْ مِنْهُ مَنْزِلَةً أَعْظَمُهُمْ فِتْنَةً. يَجِيءُ أَحَدُهُمْ فَيَقُولُ: فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا! فَيَقُولُ: مَا صَنَعْتَ شَيْئًا. قَالَ ثُمَّ يَجِيءُ أَحَدُهُمْ فَيَقُولُ: مَا تَرَكْتُهُ حَتَّى فَرَّقْتُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ امْرَأَتِهِ. قَالَ: فَيُدْنِيهِ مِنْهُ وَيَقُولُ: نِعْمَ أَنْتَ!.

Sesungguhnya iblis meletakkan singgahsananya di atas air. Kemudian dia mengutuskan para tenteranya (untuk memfitnah manusia). Di antara para tentera itu, mereka yang memiliki kedudukan yang paling hampir dengannya ialah yang paling hebat dalam membuat fitnah.

---

[22] **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu‘aib al-Arna’uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 6189 *(Kitab al-Tarikh, Bab permulaan penciptaan, berkenaan khabar iblis yang meletakkan mahkota ke atas kepala tenteranya yang paling berjaya membuat fitnah).*

Salah seorang dari tentera itu datang dan berkata: “Saya telah melakukan sekian-sekian!” Iblis menjawab: “Kamu belum melakukan apa-apa.” Kemudian datang seorang tentera yang lain dan berkata: “Tidaklah saya meninggalkan (orang yang saya ganggu) sehinggalah dia menceraikan isterinya.” Iblis menghampiri tentera itu dan berkata: “Anda hebat!”[23]

Di antara pasukan tentera syaitan ialah manusia, iaitu mereka yang telah berjaya dipengaruhinya untuk memusuhi Islam dan umatnya. Satu contoh ialah orang-orang musyrik dalam Perang Uhud yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebut sebagai penolong (*al-Auliya’*) syaitan:

Sesungguhnya yang demikian itu ialah syaitan yang menakut-nakutkan (kamu terhadap) penolong-penolongnya (kaum kafir musyrik). Oleh itu, janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku, jika betul kamu orang-orang yang beriman. [‘Ali Imran 3:175]

Ciri # 12: Syaitan mencari tempat bermalam.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا دَخَلَ الرَّجُلُ بَيْتَهُ فَذَكَرَ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ وَعِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ: لاَ مَبِيتَ لَكُمْ وَلاَ عَشَاءَ. وَإِذَا دَخَلَ فَلَمْ يَذْكُرْ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ: أَدْرَكْتُمْ الْمَبِيتَ. وَإِذَا لَمْ

[23] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2813-2 *(Kitab Sifat al-Qiyamah wa al-Jannah…, Bab gangguan syaitan dan pengutusan tenteranya…).*

يَذْكُرْ اللَّهَ عِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ: أَدْرَكْتُمْ الْمَبِيتَ وَالْعَشَاءَ.

Apabila seorang itu memasuki rumahnya dan mengingati Allah (dengan membaca Bismillah) ketika memasukinya dan ketika ingin makan, berkatalah syaitan (kepada golongannya): "Kalian tidak memiliki tempat untuk bermalam dan tidak juga makanan malam."

Sebaliknya apabila seorang itu memasuki rumah dan tidak mengingati Allah ketika memasukinya, berkatalah syaitan (kepada golongannya): "Kalian telah mendapat tempat bermalam." Apabila seorang tidak mengingati Allah ketika makan, berkatalah (syaitan kepada golongannya): "Kalian telah mendapat tempat bermalam dan makan malam."[24]

Demikian juga apabila kita hendak keluar rumah, maka kuncilah pintu sambil menyebut nama Allah. Nescaya syaitan tidak akan dapat membukanya. Tutuplah juga bekas-bekas makan dan minum, nescaya syaitan tidak dapat membukanya dan mencemarinya. Padamkan juga lampu agar dengan itu syaitan tidak dapat menyebabkan berlakunya kebakaran. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَأَغْلِقُوا الأَبْوَابَ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَفْتَحُ بَابًا مُغْلَقًا وَأَوْكُوا قِرَبَكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ وَخَمِّرُوا آنِيَتَكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ وَلَوْ أَنْ تَعْرُضُوا عَلَيْهَا شَيْئًا وَأَطْفِئُوا مَصَابِيحَكُمْ.

[24] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2018 *(Kitab al-Asyrabah, Bab adab makan dan minum…).*

Dan kuncilah pintu-pintu kalian dan sebutlah nama Allah (dengan membaca Bismillah) kerana sesungguhnya syaitan tidak dapat membuka pintu-pintu yang dikunci (dengan menyebut nama Allah). Ikatlah kantong-kantong air kalian dan sebutlah nama Allah, tutuplah bekas-bekas makanan kalian dan sebutlah nama Allah, walau pun (tutupan) itu sekadar meletakkan sesuatu di atasnya dan matikanlah lampu-lampu pelita kalian.[25]

Jika syaitan berjaya memasuki rumah untuk bermalam, syaitan akan bermalam dalam hidung para penghuni rumah tersebut. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا اسْتَيْقَظَ (أُرَاهُ أَحَدُكُمْ) مِنْ مَنَامِهِ فَتَوَضَّأَ فَلْيَسْتَنْثِرْ ثَلاَثًا فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَبِيتُ عَلَى خَيْشُومِهِ.

Apabila seseorang kalian bangun dari tidurnya dan berwudhu', maka (sedutlah air ke dalam hidungnya dan) hembuslah air itu keluar sebanyak tiga kali kerana sesungguhnya syaitan bermalam di lubang hidung kalian.[26]

Ciri # 13: Syaitan dapat bergerak pantas.

Makhluk jin dapat bergerak pantas, sekali pun dengan

[25] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2012 *(Kitab al-Asyrabah, Bab perintah menutupi bekas…).*

[26] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3295 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

membawa beban yang amat besar lagi berat. Ini dapat kita ketahui dari sejarah Nabi Sulaiman *‘alaihi salam*:

Nabi Sulaiman berkata pula: “Wahai pegawai-pegawaiku, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya (Puteri Balqis dari Yaman ke Baitul Maqdis) sebelum mereka datang mengadapku dalam keadaan berserah diri memeluk Islam?” Berkatalah Ifrit dari golongan jin: “Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu, dan sesungguhnya aku amatlah kuat gagah untuk membawanya, lagi amanah.” [al-Naml 27:38-39]

Syaitan adalah dari jenis jin dan dengan itu kita mengetahui bahawa ia juga dapat bergerak pantas. Antara ketika ia bergerak pantas adalah apabila azan dilaungkan:

إِنَّ الشَّيْطَانَ إِذَا نُودِيَ بِالصَّلاَةِ وَلَّى وَلَهُ حُصَاصٌ.

Sesungguhnya syaitan apabila dikumandangkan azan, ia akan berpaling dan lari dengan pantas.[27]

Ciri # 14: Syaitan dapat bergerak dalam badan manusia.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنْ ابْنِ آدَمَ مَجْرَى الدَّمِ.

Sesungguhnya syaitan bergerak dalam badan anak Adam (manusia) seperti aliran darah.[28]

---

[27] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 389-2 *(Kitab al-Solat, Bab keutamaan azan…).*

[28] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 7171 *(Kitab al-Ahkam, Bab persaksian hakim…).*

Ciri # 15: Syaitan dapat mempengaruhi manusia.

Tetap merujuk kepada hadis di atas berkenaan pergerakan syaitan dalam badan manusia, ia secara lebih terperinci berlaku ketika Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sedang beriktikaf di masjid dan isterinya Shafiyyah *radhiallahu 'anha* datang menziarahi baginda. Kemudian apabila Shafiyyah ingin pulang, Rasulullah mengiringinya hingga ke pintu masjid. Pada saat itu, dua orang sahabat dari kalangan Ansar *radhiallahu 'anhuma* berlalu dan nampak Rasulullah bersama seorang wanita. Mereka berdua tidak tahu siapakah wanita tersebut kerana para isteri Rasulullah memakai tudung yang juga menutupi muka.

Untuk mengelakkan salah faham, Rasulullah memanggil dua lelaki tersebut dan menerangkan bahawa wanita yang bersamanya ialah Shafiyyah, isteri baginda. Kedua-dua lelaki itu menjawab: "*Subhanallah!*", seolah-olah bermaksud: "Maha Suci Allah, tidaklah kami sekali-kali akan berburuk sangka kepadamu wahai Rasulullah!" Kemudian Rasulullah membalas:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنْ الإِنْسَانِ مَجْرَى الدَّمِ وَإِنِّي خَشِيتُ أَنْ يَقْذِفَ فِي قُلُوبِكُمَا شَرًّا (أَوْ قَالَ) شَيْئًا.

"Sesungguhnya syaitan bergerak dalam badan manusia seperti aliran darah. Sesungguhnya aku bimbang ia melemparkan keburukan atau sesuatu sangkaan dalam hati kalian berdua.[29]

Apabila seseorang itu melakukan perkara yang aneh atau berlainan dari kebiasaan, hendaklah dia serta merta menjelaskan perbuatannya itu kepada orang-orang di sekelilingnya bagi mengelak syaitan mempengaruhi orang-orang tersebut dengan sesuatu sangkaan yang buruk.

---

29 **Sahih:** Dikeluarkan oleh Mus 2175 *(Kitab al-Salam, Bab apabila di disukai menjelaskan bahawa …).*

Rasulullah membalas dengan menerangkan ciri-ciri syaitan yang mampu bergerak dalam badan manusia dan mempengaruhi hati manusia untuk berburuk sangka. Kedua-dua sahabat tersebut pada awalnya tidak berprasangka apa-apa terhadap Rasulullah. Akan tetapi mungkin sahaja syaitan menyelinap masuk dalam tubuh mereka beberapa saat kemudian sambil membisikkan sesuatu yang buruk, konon Rasulullah berdua-duaan dengan wanita yang tidak halal bagi baginda. Maka sebelum syaitan dapat memasuki dan mempengaruhi dengan sesuatu yang buruk, Rasulullah menerangkan bahawa wanita tersebut ialah Shafiyyah, isteri baginda sendiri.[30]

---

[30] Dalam hadis ini terdapat beberapa petunjuk tambahan yang penting, iaitu:

1. Orang yang sedang beriktikaf di masjid boleh menerima lawatan dari kaum keluarganya dan berbincang sesuatu urusan keluarga.
2. Merupakan etika yang baik lagi bertepatan dengan sunnah yang mulia apabila isteri hendak keluar rumah (dengan izin suami), suami mengiringinya ke pintu rumah atau pagar luar rumah. Demikian juga apabila suami hendak keluar rumah, isteri mengiringinya ke pintu rumah atau pagar luar rumah.
3. 1400 tahun yang lalu, manusia mengetahui bahawa dalam badan mereka terdapat darah. Akan tetapi manusia tidak tahu bahawa darah tersebut bergerak dan mengalir dalam badannya. Hadis di atas merupakan salah satu pembuktian bahawa sabda Rasulullah berasal dari Allah dan bukan dari dirinya sendiri.
4. Apabila seseorang itu melakukan perkara yang aneh atau berlainan dari kebiasaan, hendaklah dia serta merta menjelaskan perbuatannya itu kepada orang-orang di sekelilingnya bagi mengelak syaitan mempengaruhi orang-orang tersebut dengan sesuatu sangkaan yang buruk. Ini dilakukan sekali pun orang-orang di sekeliling tidak berkata apa-apa ketika menyaksikan keanehan atau kelainan tersebut.

Berdasarkan hadis ini dapat diketahui ciri-ciri syaitan yang mampu mempengaruhi manusia dengan sesuatu yang menyelisihi tuntutan al-Qur’an dan al-Sunnah. Ia tidak terhad kepada berburuk sangka tetapi meliputi sikap-sikap lain seperti:

- **Syaitan mempengaruhi pemikiran manusia:**

  Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

  يَأْتِي الشَّيْطَانُ أَحَدَكُمْ فَيَقُولُ مَنْ خَلَقَ كَذَا؟ مَنْ خَلَقَ كَذَا؟ حَتَّى يَقُولَ مَنْ خَلَقَ رَبَّكَ؟ فَإِذَا بَلَغَهُ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ وَلْيَنْتَهِ.

  Syaitan mendatangi seseorang kalian dan bertanya: “Siapakah yang mencipta itu? Siapakah yang mencipta ini?” sehinggalah ia bertanya: “Siapakah yang mencipta tuhan kamu?” Maka jika ia bertanya soalan itu, mintalah perlindungan dari Allah dan sudahilah (dari melayani fikiran atau pertanyaan sedemikian).[31]

---

5. Demikian juga apabila berlaku salah faham dalam perbincangan atau komunikasi, hendaklah diluruskan salah faham tersebut serta merta sebelum syaitan sempat menghasut permusuhan antara satu sama lain. Pada masa kini terdapat banyak alat canggih untuk berkomunikasi dengan segera, seperti SMS (sistem pesanan ringkas) dan emel.

[31] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3276 *(Kitab Bad’i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

- **Syaitan berbisik kepada manusia:**

  Syaitan mampu berbisik kepada manusia sebagaimana ia mampu berbisik kepada Adam:

  Setelah itu maka syaitan <u>membisikkan</u> kepadanya dengan berkata: "Wahai Adam, mahukah aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap?" [Ta-Ha 20:120]

  Bisikan syaitan lazimnya ke arah sesuatu yang bertentangan dengan Islam. Atau sesuatu yang kelihatan seolah-olah selari dengan Islam padahal sebenarnya bertentangan. Bagi setiap manusia ada di sisinya malaikat dan syaitan, masing-masing membisikkan sesuatu. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan hakikat ini:

  إِنَّ لِلشَّيْطَانِ لَمَّةً بِابْنِ آدَمَ وَلِلْمَلَكِ لَمَّةً فَأَمَّا لَمَّةُ الشَّيْطَانِ فَإِيعَادٌ بِالشَّرِّ وَتَكْذِيبٌ بِالْحَقِّ وَأَمَّا لَمَّةُ الْمَلَكِ فَإِيعَادٌ بِالْخَيْرِ وَتَصْدِيقٌ بِالْحَقِّ فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلْيَعْلَمْ أَنَّهُ مِنْ اللَّهِ فَلْيَحْمَدْ اللَّهَ وَمَنْ وَجَدَ الأُخْرَى فَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

  Sesungguhnya bagi setiap anak Adam (yakni manusia) ada sentuhan (bisikan) syaitan dan sentuhan (bisikan) malaikat. Ada pun sentuhan syaitan, ia mengajak kepada keburukan dan mendustakan kebenaran. Manakala sentuhan malaikat, ia mengajak kepada kebaikan dan menegakkan kebenaran.

Maka sesiapa yang merasai sentuhan (bisikan) kebaikan, ketahuilah bahawa ia adalah dari Allah (melalui perantaraan malaikat) dan hendaklah dia memuji Allah (dengan menyebut* Alhamdulillah*). Sebaliknya sesiapa yang merasai sentuhan (bisikan) sebaliknya hendaklah dia meminta perlindungan Allah daripada syaitan (dengan menyebut* A'uzubillahi minash syaitan nirrajim*).[32]

Satu contoh mudah ialah adab minum air sebagaimana yang telah diterangkan dalam ciri syaitan # 8. Ketika anda memegang segelas air untuk minum, tiba-tiba hati anda berbisik untuk minum sambil duduk. Itu adalah bisikan malaikat. Kemudian muncul pula bisikan lain yang berkata: "Alaah! Tak mengapa, seteguk saja. Menyusahkan saja untuk duduk." Itu adalah bisikan syaitan. Lawanlah ia dengan mengucap *"A'uzubillahi minash syaitan nirrajim"* kemudian duduk dan minumlah.

- **Syaitan mempengaruhi imajinasi manusia:**

  Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

  إِنَّ الْمَرْأَةَ تُقْبِلُ فِي صُورَةِ شَيْطَانٍ وَتُدْبِرُ فِي صُورَةِ شَيْطَانٍ فَإِذَا أَبْصَرَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً فَلْيَأْتِ أَهْلَهُ

[32] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2988 *(Kitab al-Tafsir, Bab tafsir surah al-Baqarah).*

فَإِنَّ ذَلِكَ يَرُدُّ مَا فِي نَفْسِهِ.

Sesungguhnya seorang wanita tampil dalam gambaran syaitan dan membelakangi dalam gambaran syaitan. Maka jika seseorang kalian melihat wanita (yang dia tertarik dengannya), maka kembalilah kepada isterinya kerana itu akan menolak (lintasan jahat) dalam dirinya.[33]

Dalam hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan kemampuan syaitan membentuk gambaran atau imajinasi pada pemikiran seorang lelaki yang melihat wanita. Semua ini akan menyebabkan lelaki itu mula mengkhayal secara seksual akan wanita tersebut. Perkara ini tidak saja dilakukan oleh syaitan kepada lelaki yang melihat wanita tetapi juga kepada wanita yang melihat lelaki.

Gambaran atau imajinasi yang dibuat oleh syaitan dapat ditolak dengan masing-masing kembali kepada pasangannya. Jika belum bernikah atau tidak dapat kembali, maka jagalah pandangan masing-masing sejak dari awal.

- **Syaitan mempengaruhi tumpuan atau fokus manusia:**

Antara tumpuan yang masyhur diganggu syaitan ialah kekhusyukan ketika solat dan membaca al-Qur’an. Seorang

---

[33] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 1403 *(Kitab al-Nikah, Bab orang yang melihat wanita…).*

sahabat bernama ‘Utsman bin Abi al-‘Ash *radhiallahu 'anh* mengadu kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya syaitan menghalang antaraku dan solat serta bacaan al-Qur’anku, dan ia selalu mengelirukan aku.” Maka Rasulullah menjawab:

ذَاكَ شَيْطَانٌ يُقَالُ لَهُ خَنْزَبٌ فَإِذَا أَحْسَسْتَهُ فَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْهُ وَاتْفِلْ عَلَى يَسَارِكَ ثَلاَثًا.

Itulah syaitan yang disebut sebagai “Khanzab”, maka apabila merasai gangguannya, mohonlah perlindungan Allah darinya dan ludahlah ke kiri sebanyak tiga kali.

‘Utsman bin al-‘Ash kemudian berkata: “Aku melakukan itu dan Allah menjauhkan gangguan syaitan itu dariku.”[34]

Syaitan mampu mempengaruhi motivasi kita apabila ingin melakukan sesuatu aktiviti demi kebaikan agama, seperti mengkaji al-Qur’an dan hadis, bersedekah, membuat kerja sukarelawan, melaksanakan *amar ma’ruf* dan *nahi mungkar* serta berdakwah kepada orang ramai.

Syaitan tidak saja mengganggu tumpuan solat tetapi aja jua aktiviti lain yang dilakukan kerana agama. Sebagai contoh, apabila anda ingin membaca buku

[34] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2203 *(Kitab al-Salam, Bab meminta perlindungan dari syaitan…).*

agama, syaitan akan mengganggu tumpuan anda dengan tangisan bayi, anak yang meminta perhatian, perasaan mengantuk dan kesukaran untuk faham.

- **Syaitan mempengaruhi motivasi manusia melakukan kebaikan:**

  Syaitan mampu mempengaruhi motivasi kita apabila ingin melakukan sesuatu aktiviti demi kebaikan agama, seperti mengkaji al-Qur'an dan hadis, bersedekah, membuat kerja sukarelawan, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* serta berdakwah kepada orang ramai. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

  Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang Rasul atau seorang Nabi melainkan apabila dia bercita-cita (untuk kebaikan agama yang dibawanya), maka syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau Nabi itu (dari) mencapai cita-citanya. [al-Hajj 21:52]

  Nah! Jika syaitan menghasut dan mengganggu para Nabi dan Rasul, sudah tentu syaitan juga akan menghasut dan mengganggu kita. Oleh kerana itulah, apabila kita ingin melakukan sesuatu aktiviti demi kebaikan agama, kita merasa sukar untuk memberi tumpuan penuh kepadanya. Selain itu akan ada saja pelbagai faktor yang menghalang atau menyukarkan sehingga kita hilang motivasi untuk meneruskannya. Ketahuilah bahawa semua itu adalah dari

syaitan, maka lawanlah ia. Berhenti dari melakukan aktiviti yang dirancang adalah tanda mengalah kepada syaitan. Sebaliknya meneruskan apa yang dirancang dengan penuh motivasi dan dedikasi adalah tanda kemenangan di atas syaitan.

Antara contoh aktiviti yang dimaksudkan ialah bersedekah, dimana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.

syaitan menjanjikan kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah atau menderma), dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil kedekut); sedangkan Allah menjanjikan kamu (dengan) keampunan daripada-Nya serta kelebihan kurnia-Nya. Dan (ingatlah), Allah Maha Luas limpah rahmat-Nya, lagi sentiasa Meliputi Pengetahuan-Nya. [al-Baqarah 2:267-268]

- **Syaitan mempengaruhi manusia dengan sikap terburu-buru.**

  Jika dalam kes di atas syaitan mempengaruhi kita dengan sikap negatif seperti malas, tidak berminat dan tiada motivasi, maka sebaliknya syaitan juga mampu mempengaruhi kita dengan sikap tergesa-gesa. Akhirnya berlaku apa yang berlawanan, seperti terlebih bersemangat (*over excited*), melampaui batas, mengharapkan hasil serta-merta dan kelam-kabut. Kemudian apabila apa yang diinginkan tidak menjadi, sikap tergesa-gesa di atas beralih kepada berputus asa, merungut, menuduh orang lain atas kegagalan diri sendiri dan sebagainya.

  Ada pun Islam, maka ia menganjurkan sikap yang dipertengahan antara malas dan tergesa-gesa. Sikap tersebut ialah tenang. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

  اَلتَّأَنِيْ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ.

  Ketenangan adalah dari Allah manakala ketergesa-gesaan adalah dari syaitan.[35]

- **Syaitan mempengaruhi manusia dengan perasaan cemburu:**

  Isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, A'isyah

---

[35] **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir*, hadis no: 3011.

radhiallahu 'anha menerangkan pada satu malam baginda keluar dari rumahnya dan ini menyebabkan dia merasa cemburu. Kemudian Rasulullah kembali ke rumah dan mendapati dia sedang dalam keadaan yang cemburu. Lalu baginda bertanya:

مَا لَكِ يَا عَائِشَةُ؟ أَغِرْتِ؟ فَقُلْتُ: وَمَا لِي لاَ يَغَارُ مِثْلِي عَلَى مِثْلِكَ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَقَدْ جَاءَكِ شَيْطَانُكِ؟ قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْ مَعِيَ شَيْطَانٌ؟ قَالَ: نَعَمْ. قُلْتُ: وَمَعَ كُلِّ إِنْسَانٍ؟ قَالَ: نَعَمْ. قُلْتُ: وَمَعَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: نَعَمْ وَلَكِنْ رَبِّي أَعَانَنِي عَلَيْهِ حَتَّى أَسْلَمَ.

"Apa jadi kepada kamu wahai A'isyah? Adakah kamu cemburu?"

"Takkanlah aku tidak cemburu kepada orang seperti anda?"

Kemudian Rasulullah* shallallahu 'alaihi wasallam *melanjutkan: "Apakah telah datang kepadamu syaitan kamu?"

"Wahai Rasulullah! Apakah bersama aku ada syaitan?"

"Ya."

"Dan (apakah syaitan itu ada) pada setiap manusia?"

"Ya."

(Apakah syaitan juga) bersama kamu wahai Rasulullah?"

"Ya, akan tetapi Tuhanku telah menolongku darinya

sehingga aku selamat dari gangguannya.”[36]

- **Syaitan mempengaruhi manusia dengan perasaan marah:**

Sulaiman bin Shurd *radhiallahu 'anh* berkata:

كُنْتُ جَالِسًا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجُلاَنِ يَسْتَبَّانِ فَأَحَدُهُمَا احْمَرَّ وَجْهُهُ وَانْتَفَخَتْ أَوْدَاجُهُ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي لأَعْلَمُ كَلِمَةً لَوْ قَالَهَا ذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ لَوْ قَالَ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ ذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ.

Marah kerana faktor agama adalah terpuji, akan tetapi tidaklah bermakna seseorang itu boleh terus bertindak kasar kerananya. Yang dituntut ialah tetap tenang dan berlemah lembut untuk menangani orang yang menyebabnya marah.

Ketika aku sedang duduk bersama Nabi* shallallahu 'alaihi wasallam, *dua orang sedang bertengkar sehingga salah seorang dari mereka menjadi merah wajahnya dan urat-urat lehernya timbul keluar. Maka Nabi* shallallahu 'alaihi wasallam *bersabda: “Sesungguhnya aku mengetahui satu kalimah yang jika diucapkan nescaya kemarahannya akan hilang. Iaitu sebutlah* “A’uzubillahi minash syaitan” *nescaya kemarahannya akan hilang.[37]

Terdapat dua faktor di sebalik kemarahan. **Pertama** ialah faktor peribadi, seperti orang yang marah kerana

[36] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2815 *(Kitab Sifat al-Qiyamah wa al-Jannah…, Bab gangguan syaitan dan pengutusan tenteranya…).*

[37] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3282 *(Kitab Bad’i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

kedudukannya tidak dihormati atau kerana barangnya telah dirosakkan. Ini adalah marah yang tercela dan perlu dihindarkan. **Kedua** ialah faktor agama, seperti seorang muslim yang merasa marah kerana ajaran agamanya dirosakkan oleh muslim yang lain atau marah apabila umat Islam dizalimi oleh kaum lain. Ini adalah marah yang terpuji, akan tetapi tidaklah bermakna seseorang itu boleh terus bertindak kasar kerananya. Yang dituntut ialah tetap tenang dan berlemah lembut untuk menangani orang yang menyebabnya marah. Sikap tenang adalah berdasarkan hadis yang dikemukakan sebelum ini:

اَلتَّأَنِيْ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ.

Ketenangan adalah dari Allah manakala ketergesa-gesaan adalah dari syaitan.[38]

Manakala sikap lemah lembut adalah berdasarkan hadis:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرِّفْقَ فِي الأَمْرِ كُلِّهِ.

Sesungguhnya Allah mencintai sikap lemah lembut dalam segala urusan.[39]

Jika dirujuk kepada sirah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, akan ditemui beberapa ketika baginda marah atas faktor agama. Akan tetapi kemarahan tersebut tidaklah menyebabkan baginda mengeluarkan kata-kata yang kotor

---

[38] **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir*, hadis no: 3011.

[39] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya – hadis no: 2165 *(Kitab al-Salam, Bab larangan mendahului Ahl al-Kitab…*).

atau bertindak ganas. Sebaliknya baginda hanya memberi teguran yang tenang lagi lemah lembut. Satu contoh ialah kisah berikut yang diriwayatkan oleh Abu Mas'ud al-Anshari *radhiallahu 'anh.*

Beliau menceritakan, seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan berkata: "Wahai Rasulullah! Aku pernah mundur dari solat (berjamaah) disebabkan si-fulan (imamnya) membaca surah yang panjang." (Abu Mas'ud) menyambung: Aku tidak pernah melihat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* amat dahsyat kemarahannya dalam rangka memberi nasihat berbanding pada saat itu. Lalu baginda bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّكُمْ مُنَفِّرُونَ فَمَنْ صَلَّى بِالنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ فَإِنَّ فِيهِمْ الْمَرِيضَ وَالضَّعِيفَ وَذَا الْحَاجَةِ

Wahai manusia! Sesungguhnya di antara kalian ada yang membuat orang-orang lari dari solat berjamaah. Maka sesiapa yang mengimami manusia, hendaklah dia meringankan (memendekkan) bacaan kerana sesungguhnya di kalangan mereka (makmum) ada yang sakit, lemah dan berurusan.[40]

---

[40] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 90 *(Kitab al-'Ilm, Bab marah dalam memberi nasihat dan pengajaran apabila melihat sesuatu yang tidak disukai).* Syaikh Khumais al-Sa'id Muhammad Abdullah memiliki buku yang baik berkenaan marah, berjudul *Mawaqif Ghadhiba fihan al-Nabi* yang sudah diterjemahkan oleh Beni Sarbeni atas judul *Pelajaran Penting Dari Marahnya Nabi*, diterbitkan oleh Pustaka Ibnu Katsir, Bogor, 2005.

- **Syaitan mempengaruhi manusia dengan sifat lupa:**

  Terdapat dua jenis lupa. **Pertama** lupa dalam urusan harian seperti lupa dimana letaknya anak kunci rumah atau lupa membeli barang tertentu di kedai runcit. **Kedua** lupa dalam urusan agama seperti lupa solat atau hafalan al-Qur'an. Lupa jenis kedua berasal dari syaitan, kerana syaitan dapat mempengaruhi manusia dengan sifat lupa. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

  Dan apabila engkau melihat orang-orang yang memperkatakan dengan cara mencaci atau mengejek-ejek ayat-ayat Kami, maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka memperkatakan soal yang lain; dan jika engkau dilupakan oleh syaitan (lalu engkau duduk bersama mereka), maka janganlah engkau duduk lagi bersama-sama kaum yang zalim itu, sesudah engkau mengingati (akan larangan itu). [al-An'aam 6:68]

  Walaubagaimana pun sesetengah kes lupa dari jenis pertama boleh berasal dari pengaruh syaitan kerana dengan kelupaan tersebut, seseorang itu mungkin menjadi marah dan merungut. Sikap negatif seperti ini adalah sesuatu yang disukai oleh syaitan. Maka jika lupa dalam urusan harian, hendaklah tetap tenang dan seterusnya mencari jalan untuk mengelaknya dari berulang pada masa akan datang. Satu contoh lupa jenis pertama ini yang berpunca dari syaitan ialah kisah berikut yang berlaku pada zaman Nabi Musa *'alaihi salam*:

Temannya berkata: "Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupakan hal ikan itu dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan syaitan; dan ikan itu telah menggelunsur menempuh jalannya di laut dengan cara yang menakjubkan." [al-Kahf 18:63]

- **Syaitan mempengaruhi manusia dengan kesakitan:**

  Penyakit adalah sesuatu yang lazim dialami oleh manusia. Akan tetapi syaitan turut serta dengan sesuatu penyakit dengan menambah pengaruh kesakitan, kepayahan, kesengsaraan dan keluhan yang dialami:

  Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba Kami, Nabi Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhannya (ketika menghadapi penyakitnya) dengan berkata: "Sesungguhnya aku diganggu oleh syaitan dengan kesusahan dan siksaan." [Shad 38:41]

- **Syaitan mempengaruhi manusia untuk berbuat jahat:**

  Syaitan mampu mempengaruhi seseorang atau menghasutnya untuk berbuat jahat. Antara kejahatan tersebut ialah mengganggu orang yang sedang solat dengan cara sengaja melintas di hadapannya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنْ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ فَإِنْ أَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ.

Apabila seseorang kalian solat dengan menghadap sesuatu (yang diletakkan) sebagai penghadang dari (lalu lintas) orang lain, lalu ada orang yang hendak melintas di antaranya dan penghadang itu, maka tahanlah dia. Jika dia enggan (dan tetap berkeras untuk melintas) maka tahanlah dia dengan lebih tegas kerana dia tidak lain ialah syaitan.[41]

Dalam hadis di atas, yang akan melintas di hadapan orang yang sedang solat bukanlah syaitan tetapi orang yang dipengaruhi atau dihasut oleh syaitan. Ini kerana dalam

---

[41] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 509 *(Kitab al-Solat, Bab orang yang solat menghalang orang yang melintas…).*

Terjemahan harfiyah bahagian akhir hadis di atas ialah ***"…Jika dia enggan (dan tetap berkeras untuk melintas) maka bunuhlah dia kerana…"***. al-Hafiz ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) menukil perkataan Imam al-Qurtubi bahawa yang dimaksudkan dengan "bunuhlah dia" ialah menahan orang tersebut dengan lebih tegas. al-Qurtubi melanjutkan: "Para ulama' sepakat bahawa orang yang solat tidak wajib memerangi orang yang melintas di hadapannya dengan menggunakan senjata kerana perbuatan itu menyalahi kaedah untuk melaksanakan solat dengan khusyuk." [*Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* (edisi terjemahan oleh Amiruddin dengan judul yang sama; Pustaka Azzam, Jakarta, 2003), jld. 3, ms. 291 (syarah kepada hadis no: 509)].

Lebih lanjut berkenaan hukum meletak penghadang bagi orang yang sedang solat, rujuk buku saya *Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan* (Jahabersa, Johor Bahru), ms. 129.

sebuah riwayat lain, hadis di atas diakhiri dengan lafaz ***"…kerana sesungguhnya syaitan bersama dia."***[42]

Inilah juga yang dimaksudkan sebagai ***"syaitan-syaitan manusia"*** dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari syaitan-syaitan manusia dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. [al-An'aam 6:112]

Yang dimaksudkan dengan ***"syaitan-syaitan manusia"*** ialah manusia yang dipengaruhi dan dihasut oleh syaitan untuk berbuat jahat dan menjadi musuh kepada para Nabi. Penafsiran ini adalah berdasarkan perbezaan asal usul kedua-duanya, dimana syaitan berasal dari api manakala manusia berasal dari tanah.

Dalam rangka berbuat jahat, syaitan bukan sahaja mempengaruhi manusia tetapi juga mempengaruhi haiwan untuk berbuat jahat kepada manusia. Salah satu darinya ialah mempengaruhi tikus untuk menjatuhkan lampu-lampu pelita agar dengan itu dapat berlaku kebakaran di rumah.

'Abd Allah ibn 'Abbas *radhiallahu 'anhuma* menerangkan bahawa pernah seekor tikus menolak sebuah lampu pelita sehingga tumbang di atas tikar yang sedang diduduki oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Lalu terbakarlah tikar tersebut sebesar saiz satu dirham. Melihat yang

---

[42] *Fath al-Bari,* jld. 3, ms. 293 (syarah kepada hadis no: 509).

sedemikian Rasulullah bersabda:

إِذَا نِمْتُمْ فَأَطْفِئُوا سُرُجَكُمْ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَدُلُّ مِثْلَ هَذِهِ عَلَى هَذَا فَتُحْرِقُكُمْ.

Apabila kalian hendak tidur maka padamkanlah lampu pelita kalian kerana sesungguhnya syaitan menunjuki ini (tikus) kepada itu (lampu pelita) sehingga kalian terbakar.[43]

Demikian beberapa kemampuan syaitan untuk mempengaruhi manusia. Selain apa yang disebut di atas, syaitan juga mampu mempengaruhi dengan sikap-sikap buruk yang lain. Tidak ketinggalan ialah sikap-sikap yang menyebabkan ia diusir dari langit, iaitu ujub, menghina, mengunggulkan akal di atas wahyu dan mempersoalkan wahyu.

Dalam kehidupan harian kita, sudah pasti satu atau lebih dari sikap-sikap di atas mempengaruhi kita. Pada waktu pagi kita mungkin marah, pada waktu petang kita mungkin cemburu, pada waktu petang kita mungkin berburuk sangka dengan rakan dan pada waktu malam kita mungkin merasa malas untuk pergi ke kuliah agama. Semua ini adalah pengaruh syaitan, maka

Merujuk kepada persoalan kerasukan dan hubung-kaitnya dengan syaitan, manusia terbahagi kepada tiga golongan:

1. Mereka yang menafikannya.
2. Mereka yang berlebih-lebihan.
3. Mereka yang berada di pertengahan antara dua di atas.

[43] **Sahih:** Dikeluarkan oleh A[...] al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Da*[...]*b al-Adab, Bab berkenaan memadamkan api pad*[...]

lawanlah ia dengan mengucap *"A'uzubillahi minash syaitan nirrajim"* dan tinggalkan sikap-sikap yang buruk tersebut.

Ciri # 16: Syaitan dapat merasuk manusia.

Dalam dua ciri di atas, kita telah mempelajari kemampuan syaitan untuk bergerak dalam diri manusia dan melakukan pelbagai pengaruh ke atas manusia yang dimasukinya. Dalam suasana itu manusia yang dipengaruhi masih dalam keadaan yang normal. Akan tetapi adakalanya syaitan dapat mempengaruhi manusia hingga mengubah perwatakan dan tingkah lakunya, menjadi seolah-olah orang yang gila. Inilah yang disebut sebagai kerasukan atau histeria. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan tentang kemampuan syaitan ini:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. [al-Baqarah 2:275]

Kerasukan tidak saja terhad kepada orang yang melibatkan diri dalam urusniaga riba, tetapi meluas kepada pelbagai keadaan yang lain. Merujuk kepada persoalan kerasukan dan hubungkaitnya dengan syaitan, manusia terbahagi kepada tiga golongan:

1. **Mereka yang menafikannya.** Golongan ini berkata, kerasukan tidak berpunca dari syaitan sebaliknya berpunca dari penyakit tertentu seperti gangguan saraf, perubahan hormon, tekanan jiwa (*stress*) dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini dapat dihentikan dengan mengambil ubat.

2. **Mereka yang berlebih-lebihan.** Golongan ini mengakui bahawa kerasukan berpunca dari syaitan. Akan tetapi mereka berlebih-lebihan dalam menyandarkannya kepada syaitan sehingga apa jua perubahan tingkah laku (*behaviour*) yang dihadapi oleh seseorang, mereka menganggapnya sebagai kerasukan syaitan.
3. **Mereka yang berada di pertengahan** antara golongan pertama dan kedua. Golongan ketiga ini berkata kerasukan boleh berpunca dari penyakit dan boleh juga berpunca dari syaitan. Maka kerasukan pertama (penyakit) dihentikan dengan ubat-ubatan manakala kerasukan kedua (syaitan) dihentikan dengan zikir-zikir yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Jika tidak pasti kerasukan yang dialami oleh seseorang sama ada berpunca dari penyakit atau syaitan, maka ia dihentikan dengan ubat dan zikir.

Ada pun hujah golongan pertama bahawa kerasukan hanya berpunca dari penyakit, mereka membuktikannya dengan pelbagai penemuan baru tentang apa yang sedang berlaku dalam badan. Bahkan dengan peralatan serba canggih masa kini, mereka dapat menunjuk secara tepat bahagian saraf yang sedang mengalami gangguan dan keadaan hormon badan yang tidak seimbang. Maka apabila diberi ubat, apa yang dianggap sebagai kerasukan dapat dihentikan.

Akan tetapi, sekali pun dengan segala penemuan dan alat canggih tersebut, tetap timbul satu persoalan yang masih tidak dapat dijawab oleh para pakar perubatan: Mengapa saraf

mengalami gangguan dan mengapa sebahagian kelenjar merembeskan hormon secara berlebihan? Benar, bahawa semua itu dapat dihentikan dengan mengambil ubat tertentu. Akan tetapi mengapakah kerasukan berulang apabila ubat habis dimakan?

Jawapannya dapat diperolehi dengan mengkaji peranan syaitan. Apabila syaitan memasuki tubuh badan manusia, ia mampu mengganggu kestabilan saraf dan keseimbangan hormon. Bahkan ia mampu melakukan pelbagai lagi yang tidak dianggap sebagai kerasukan, seperti mematikan saraf (*paralyse*), menyumbat saluran darah (*blood clot*) dan merangsang sel-sel tertentu untuk berkembang dengan pantas secara tak terkawal (*tumor and cancer*). Semua ini amat mudah bagi syaitan dan semua ini akan diakui oleh sesiapa yang mengkaji secara teliti kesemua ciri-ciri syaitan yang dikupas dalam bab ini.

Walaubagaimana pun, ini tidaklah bererti semua penyakit dan gangguan tingkah laku berpunca dari syaitan. Sebahagiannya berpunca dari faktor lain seperti gizi pemakanan yang tidak seimbang, kecederaan fizikal, tekanan jiwa, usia tua dan sebagainya. Maka tidaklah benar anggapan golongan kedua bahawa semua perubahan kelakuan berpunca dari syaitan.

Yang benar adalah bahawa kerasukan mungkin berpunca dari penyakit dan mungkin juga berpunca dari syaitan. Maka apa yang berpunca dari penyakit, ia dihentikan dengan ubat-ubatan yang diberi oleh doktor pakar manakala apa yang berpunca dari syaitan, ia dihentikan dengan zikir-zikir yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Jika tidak pasti sama ada kerasukan berpunca dari penyakit atau syaitan, maka kedua-dua kaedah

digunakan serentak untuk menghentikannya.

Seterusnya, peranan syaitan dalam menyebabkan kerasukan kepada manusia terbahagi kepada dua kategori:

Kategori Pertama: Kerasukan yang dilakukan oleh syaitan berdasarkan kemahuannya sendiri. Sengaja syaitan merasuk manusia untuk menyesatkannya, mengkafirkannya, mensyirikkannya dan memasukkan mangsa tersebut ke dalam neraka. Semua ini dapat dicapai oleh syaitan apabila mangsa atau orang di sekelilingnya cuba mengubati kerasukan itu dengan cara yang berbeza dari tunjuk ajar Rasulullah, bahkan dengan cara yang dilarang oleh Islam.

Kategori Kedua: Kerasukan yang dilakukan oleh syaitan berdasarkan perintah tuannya. Ini disebut sebagai sihir. Sihir adalah satu tindakan jahat yang memerlukan dua unsur utama:

1. Manusia sebagai ahli sihir sekali gus merangkap jawatan "Tuan".
2. Syaitan sebagai khadam yang melakukan kerja sihir yang diperintah oleh tuannya.

Melalui sihir syaitan dapat mencapai beberapa objektifnya. Secara terperinci:

- **Objektif Menyesatkan:** Apabila orang yang terkena sihir berubat, lazimnya mereka tidak tahu cara perubatan sahih yang diajar

Sesiapa saja yang terlibat dengan sihir, sama ada untuk menyihir atau melawan sihir dengan sihir, akan menjadi kafir berdasarkan firman Allah… …

oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Mereka berjumpa dengan mana-mana bomoh atau ustaz yang masyhur di sisi masyarakat untuk berubat dan menerima apa saja kaedah perubatan yang diberikan olehnya. Bahkan mereka tidak tahu apakah maksud jampi-jampian yang dibacakan ke atas mereka. Akibatnya, mereka telah meninggalkan jalan Rasulullah kepada jalan lain yang menyesatkan.

- **Objektif Memusyrikkan:** Apabila orang yang terkena sihir berubat, lazimnya mereka meletakkan keyakinan bahawa pengaruh kesembuhan adalah dari bomoh atau ustaz yang sedang mengubatinya beserta bacaan-bacaan jampi mereka. Padahal satu-satunya pengaruh untuk kesembuhan ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Apabila keyakinan seseorang terhadap kuasa yang dapat memberi manfaat dan mudarat kepadanya beralih dari Allah kepada sesuatu yang lain, dia telah syirik kepada Allah.
- **Objektif Mengkafirkan:** Satu contoh mudah, apabila Jamal ingin berbuat jahat kepada Jamilah, dia akan menemui seorang ahli sihir bernama Ahmad dan menyampaikan hajatnya. Ahmad akan memerintah khadamnya, yakni syaitan, untuk membuat apa yang dihajatkan oleh Jamal ke atas Jamilah. Perbuatan itu pelbagai, dari muntah darah, gangguan pemikiran sehinggalah kepada kerasukan. Inilah yang lazim disebut sebagai “kena buat orang!”

Untuk melawan buatan sihir itu, Jamilah akan pergi

menemui seorang ahli sihir lain bernama Kamal dan menyampaikan hajatnya. Kamal akan memerintahkan khadamnya, yakni syaitan, untuk membuatkan apa yang dihajatkan oleh Jamilah ke atas Jamal. Demikianlah ia berulang antara Jamal dan Jamilah.

Dalam contoh di atas, syaitan berjaya mengkafirkan kesemua Jamal, Jamilah, Ahmad dan Kamal. Sekali pun syaitan disebut sebagai "khadam", sebenarnya ia adalah tuan kepada semua yang terbabit, termasuklah Ahmad dan Kamal. Syaitan hanya berpura-pura menjadi khadam asalkan dengan itu tercapailah objektifnya untuk mengkafirkan manusia.

Sesiapa saja yang terlibat dengan sihir, sama ada untuk menyihir atau melawan sihir dengan sihir, akan menjadi kafir berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Mereka mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya);

Kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajari

sihir).” [al-Baqarah 2:102]

- **Objektif memasukkan ke dalam neraka:** Orang yang berurusan dengan sihir akan menerima padah yang buruk di Hari Akhirat, termasuk diazab di dalam neraka. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

  Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara (sihir) yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu, tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di Akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui. [al-Baqarah 2:102][44]

---

[44] Lebih lanjut tentang sihir, sila kaji buku-buku berikut:

1. ‘Abd al-Salam al-Syukri – *al-Shir bain al-Haqiqah wa al-Wahm fi al-Tashawwur al-Islami* (edisi terjemahan oleh Tirmidzi & Sari Narulita atas judul *Bedah Tuntas Sihir*; Pustaka Qalami, Jakarta, 2004).
2. Muhammad ‘Umar Sulaiman al-Asyqar – *‘Alam al-Sihr wa al-Sya’wadzah* (edisi terjemahan oleh Munirul Abidin atas judul *Candu Mistik: Menyingkap Sihir dan Perdukunan*; Darul Falah, Jakarta, 2005).
3. Ibrahim ‘Abd al-Alim – *ar-Radd al-Mubin ‘ala Bida‘i al-Mu‘alijin* (edisi terjemahan oleh Masturi Irham & Abdurrahman Salih atas judul *Rujukan Lengkap Masalah Jin dan Sihir*; Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2005).
4. Abu Ameenah Bilal Philips – *The Exorcist Tradition In Islam* (Dar al-Fatah, Sharjah, 1997).
5. Abu Ubaidah Mahir bin Saleh Ali Mubarak (edisi terjemahan oleh Abu Ahmad atas judul *Ruqyah Syar‘iyyah: Gangguan Jin, Hasad dan ‘Ain*; Duta Ilmu, Surabaya, 2006).

Ciri # 17: Syaitan dapat mempengaruhi mimpi manusia.

Syaitan bukan sahaja mempengaruhi hati manusia tetapi juga mimpi yang dialami oleh manusia. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan:

الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ مِنْ اللَّهِ وَالْحُلُمُ مِنْ الشَّيْطَانِ فَإِذَا حَلَمَ أَحَدُكُمْ حُلُمًا يَخَافُهُ فَلْيَبْصُقْ عَنْ يَسَارِهِ وَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّهَا فَإِنَّهَا لاَ تَضُرُّهُ.

Mimpi yang baik adalah dari Allah manakala mimpi yang buruk adalah dari syaitan. Maka apabila seseorang kalian mengalami mimpi buruk yang menakutkannya, hendaklah dia meludah ke arah kirinya dan minta perlindungan dari Allah dari keburukannya kerana setelah itu ia (mimpi tersebut) tidak akan mengakibatkan apa-apa kemudaratan.[45]

Berkaitan mimpi, ramai orang yang salah faham tentang hadis Rasulullah: *Sesiapa yang melihat aku dalam mimpi maka sungguh dia telah melihat dengan benar kerana syaitan tidak dapat menyerupai aku.*

Mimpi buruk dari syaitan tidak terhad kepada sesuatu yang mengerikan (*nightmare*) sahaja. Dalam rangka mempengaruhi mimpi manusia, syaitan adakalanya

6. Abu Mundzir Khalil bin Ibrahim Amin – *al-Thuruq al-Hisan fi 'Illaj Amradh al-Jan* (edisi terjemahan oleh Mahfudz; Pustaka Progressif, Jakarta, 2005).
7. Syaikh Askari bin Jamal al-Bugisi – *Meluruskan Pemahaman Tentang Hadits Sihir, Studi Kritis Buku: Benarkah Nabi Muhammad s.a.w. Pernah Tersihir Karya Ali Umar al-Habsyi*; Pustaka Qaulan Sadida, Malang, 2006.

[45] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3292 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

menjelma sebagai seorang syaikh, wali atau tuan guru lalu menyampaikan sesuatu ajaran agama, seperti zikir-zikir dan amal ibadah yang menyalahi apa yang diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Orang yang sedang bermimpi menduga dia telah mendapat mimpi yang baik dari Allah padahal yang benar dia mendapat mimpi yang buruk dari syaitan. Dia menyangka telah mendapat satu syari'at khusus dari Allah berbanding syari'at awam yang dibawa oleh Rasulullah, padahal yang dia dapati hanyalah syari'at kesesatan dari syaitan.

Berkaitan mimpi, ramai orang yang salah faham tentang hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ رَآنِي فَقَدْ رَأَى الْحَقَّ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَكَوَّنُنِي.

Sesiapa yang melihat aku dalam mimpi maka sungguh dia telah melihat dengan benar kerana syaitan tidak dapat menyerupai aku.[46]

Mereka menganggap siapa jua yang mereka temui dalam mimpi yang memiliki ciri-ciri berjambang, memakai serban dan jubah putih serta menaiki unta dalam suasana padang pasir atau sedang berteduh di bawah pohon kurma, maka orang itu ialah Rasulullah.

Memang benar bahawa syaitan tidak boleh menjelma sebagai Rasulullah. Akan tetapi syaitan boleh menjelma sebagai seseorang lain lalu orang yang bermimpi mendakwa itu adalah Rasulullah. Lebih-lebih lagi apabila orang itu sendiri sebelum tidur

[46] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 6997 *(Kitab al-Ta'bir, Bab siapa yang melihat Nabi dalam mimpi).*

melakukan sekian-sekian zikir dan selawat yang dipercayai boleh menghadirkan Rasulullah dalam mimpinya. Maka syaitan datang menjelma dalam mimpi sebagai seseorang yang berjambang, berserban, berjubah dan menaiki unta, lalu segera dianggap oleh orang yang bermimpi: Itu adalah Rasulullah.

Ciri # 18: Syaitan dapat beraktiviti.

Syaitan adalah satu makhluk yang memiliki kemahiran membuat, bertindak dan beraktiviti. Antara aktiviti tersebut ialah membuat bangunan dan menyelam untuk Nabi Sulaiman *'alaihi salam*:

(Sulaiman berdoa): "Wahai Tuhanku! Ampunkanlah kesilapanku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak akan ada pada sesiapapun kemudian daripadaku; sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa Melimpah kurnia-Nya."

Maka (Kami kabulkan permohonannya lalu) Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang hendak ditujunya.

Dan (Kami mudahkan bagi Sulaiman memerintah) syaitan: golongan-golongan yang pandai mendirikan bangunan dan yang menjadi penyelam. [Shad 38:35-37]

Jika syaitan mampu membina bangunan dan menyelam, maka mudah sangatlah bagi ia untuk melakukan aktiviti yang dianggap masyarakat sebagai satu mukjizat atau *Karamah* seperti air yang tiba-tiba mengalir keluar dari tanah yang tandus, makanan

yang datang dari arah kubur seorang syaikh, al-Qur'an yang terbuka dan tertutup dengan sendirinya, lampu atau pelita yang menyala dan padam dengan sendirinya dan aktiviti-aktiviti lain yang di luar adat kebiasaan.

Syaitan melakukan semua itu kerana dua sebab:

1. Syaitan tersebut dipelihara oleh tuannya dan tuannya ingin agar masyarakat menghormati dia dan menganggap dia sebagai wali. Maka dia mengarahkan syaitan peliharaannya melakukan aktiviti-aktiviti di luar adat kebiasaan untuk memberi pengaruh kepada masyakarat. Dengan ketipan jarinya, lampu akan menyala. Dengan tepukan tangan, rumah jiran yang condong ditiup angin kuat kembali tegak. Dengan satu senyuman, gadis yang kerasukan tiba-tiba sembuh dan tersenyum. Dengan mengangkat kedua tangannya, perahu yang tenggelam di laut dalam akan timbul.

> Para shaikh tasawuf asalnya ialah para hamba Allah yang shalih lagi bertaqwa, yang mendisiplinkan diri untuk beribadah kepada Allah secara bersungguh-sungguh. Kemudian syaitan datang melakukan beberapa aktiviti di luar adat kebiasaan di sekelilingnya sehingga masyarakat menganggap dia adalah seorang wali Allah.

Bahkan syaitan mampu membawanya terbang dan bergerak pantas (Lihat Ciri # 13). Fenomena terakhir ini lazim dilakukan oleh pakar-pakar seni mempertahankan diri dimana mereka boleh terbang sambil melawan atau

mengejar musuh. Ia juga dilakukan oleh para syaikh tareqat: sarapan di Masjidil Haram, makan tengahari di Masjidil Aqsa, minum petang di Kandahar, makan malam di rumahnya. Semua ini akan menyebabkan masyarakat memandang mereka sebagai seorang wali Allah.

2. Syaitan ingin menyesatkan masyarakat setempat dan membawa fitnah kepada seorang hamba yang shalih. Maka syaitan menerbitkan mata air di tanah tandus berhampiran rumah orang shalih itu, menempatkan awan di atas rumahnya agar sentiasa teduh, mengarahkan angin untuk meniup daun-daun kering dari laman rumahnya dan membuka pintu pagar bagi sesiapa yang berhajat untuk mengunjunginya. Aktiviti-aktiviti di luar adat kebiasaan sebegini akan menyebabkan masyarakat segera menganggap orang shalih tersebut sebagai wali Allah.

Dalam kedua-dua kes di atas, apabila masyarakat mula menganggap seseorang itu sebagai wali Allah, mereka akan bersegera mengambil berkat darinya, meminta air jampi darinya, berdoa dengan perantaraannya, menggantung potretnya dan bersolat dengan menghadap gambarnya. Dengan semua ini tercapailah objektif syaitan untuk menyesat, mengkafir, memusyrik dan menjadikan mereka ahli neraka.

Khusus kepada kes kedua, ia lazim berlaku kepada para shaikh tasawuf. Mereka asalnya ialah para hamba Allah yang shalih lagi bertaqwa, yang mendisiplinkan diri untuk beribadah kepada Allah secara bersungguh-sungguh. Kemudian syaitan datang melakukan beberapa aktiviti di luar adat kebiasaan di sekelilingnya sehingga masyarakat menganggap dia adalah seorang wali Allah. Dari sini mulalah mereka mengagungkan dia dengan pelbagai amalan bid‘ah dan cerita-cerita *fantasy*. Akhirnya seorang hamba

Allah yang shalih telah diangkat oleh masyarakat menjadi *super wali* dan pelbagai pemikiran serta amalan yang syirik dilakukan atas namanya.[47]

Ciri # 19: Syaitan dapat ditangkap.

Abu Darda *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bangun untuk bersolat, lalu ketika sedang solat, baginda berkata:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْكَ.

"Aku berlindung kepada Allah dari engkau!". Kemudian baginda berkata:

أَلْعَنُكَ بِلَعْنَةِ اللَّهِ.

"Aku melaknat engkau dengan laknat Allah!" sebanyak tiga kali, sambil menghulurkan tangan seolah-olah ingin menangkap sesuatu. Apabila baginda selesai solat, kami bertanya: "Wahai Rasulullah! Kami mendengar kamu berkata dalam solat

---

[47] Berkenaan para wali dan sikap *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* kepadanya, rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Berkenaan amalan mengambil berkat, rujuk risalah saya *Perkara Ke-13 Yang Mencemari Kemurnian Tauhid: Menetapkan Keberkatan Terhadap Sesuatu Tanpa Dalil* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 6).* Berkenaan amalan berdoa dengan perantaraan seorang hamba shalih, rujuk buku saya *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid.* Berkenaan ilmu tasawuf dan para syaikhnya, rujuk risalah saya *Pandangan Ibn Taimiyyah Dalam Tasawuf* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 6).* Kesemuanya diterbitkan oleh Jahabersa, Johor Bahru.

sesuatu yang tidak pernah kami dengar kamu memperkatakannya (ketika sedang solat) dan kami melihat kamu menghulurkan tangan.”

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjawab:

إِنَّ عَدُوَّ اللَّهِ إِبْلِيسَ جَاءَ بِشِهَابٍ مِنْ نَارٍ لِيَجْعَلَهُ فِي وَجْهِي فَقُلْتُ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْكَ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ. ثُمَّ قُلْتُ: أَلْعَنُكَ بِلَعْنَةِ اللَّهِ التَّامَّةِ فَلَمْ يَسْتَأْخِرْ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ أَرَدْتُ أَخْذَهُ وَاللَّهِ لَوْلاَ دَعْوَةُ أَخِينَا سُلَيْمَانَ لأَصْبَحَ مُوثَقًا يَلْعَبُ بِهِ وِلْدَانُ أَهْلِ الْمَدِينَةِ.

Sesungguhnya musuh Allah, yakni iblis, datang dengan membawa api untuk dilemparkan ke muka aku. Maka aku mengucap: “Aku berlindung kepada Allah dari engkau!” tiga kali. Kemudian aku mengucap: “Aku melaknak engkau dengan laknat Allah!” akan tetapi dia tidak mengundur diri. Kemudian aku bermaksud untuk menangkapnya. Demi Allah! Jika bukanlah kerana doa saudara kami Sulaiman nescaya ia akan terikat sehingga pagi dan dijadikan mainan anak-anak warga Madinah.[48]

Berdasarkan hadis di atas, syaitan adalah satu makhluk yang boleh ditangkap, dikurung dan diikat. Hanya dari sudut syari‘at tindakan menangkap, mengurung dan mengikat makhluk jin dan syaitan tidak dibenarkan disebabkan oleh doa Nabi Sulaiman *‘alahi salam* yang telah dikemukakan sebelum ini:

---

[48] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 542 *(Kitab al-Masajid…, Bab boleh melaknat syaitan ketika sedang solat…).*

(Sulaiman berdoa): "Wahai Tuhanku! Ampunkanlah kesilapanku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang <u>tidak akan ada pada sesiapapun kemudian daripadaku</u>; sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa Melimpah kurnia-Nya." [Shad 38:35]

Berdasarkan doa ini, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menangkap iblis sekali pun baginda mampu melakukannya. Ini kerana tindakan tersebut hanya dibolehkan kepada Nabi Sulaiman dan dilarang kepada selainnya, termasuk Rasulullah dan umat baginda.

Bagi Rasulullah dan umat baginda, Allah yang akan mengikat iblis sekali setahun, iaitu sepanjang bulan Ramadhan. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا دَخَلَ رَمَضَانُ فُتِّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ وَسُلْسِلَتْ الشَّيَاطِينُ.

Apabila masuk bulan Ramadhan, pintu-pintu syurga dibuka, pintu-pintu neraka ditutup dan syaitan diikat.[49]

Berdasarkan hadis di atas juga dapat kita bezakan bahawa orang-orang yang memelihara atau menggunakan khidmat jin dan syaitan, mereka sebenarnya tidak mengikuti ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Jin dan syaitan sengaja membiarkan diri mereka diikat dan dijadikan khadam oleh tuannya agar dengan itu mereka dapat

---

[49] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3277 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

menjerumuskan tuan mereka ke dalam kesesatan.[50]

Ciri # 20: Syaitan memiliki waktu kegemaran.

Orang tua kita lazim berpesan, jangan bermain di luar ketika waktu senja. Pesanan ini berasal dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا اسْتَجْنَحَ اللَّيْلُ (أَوْ قَالَ جُنْحُ اللَّيْلِ) فَكُفُّوا صِبْيَانَكُمْ فَإِنَّ الشَّيَاطِينَ تَنْتَشِرُ حِينَئِذٍ فَإِذَا ذَهَبَ سَاعَةٌ مِنْ الْعِشَاءِ فَخَلُّوهُمْ.

Apabila malam menjelang tiba maka tahanlah anak-anak kalian (dari keluar) kerana sesungguhnya pada waktu itu syaitan-syaitan berkeliaran. Apabila telah berlalu waktu Isya', maka lepaskanlah mereka.[51]

Ciri # 21: Syaitan memiliki tempat kegemaran.

Syaitan juga memiliki tempat kegemarannya, atau apa yang dapat disebut sebagai tempat melepaknya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لاَ تَكُونَنَّ إِنْ اسْتَطَعْتَ أَوَّلَ مَنْ يَدْخُلُ السُّوقَ وَلاَ

---

[50] Lebih lanjut berkenaan menggunakan khidmat jin, termasuk "jin muslim", sila rujuk buku saya *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid*, terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

[51] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3280 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

آخِرَ مَنْ يَخْرُجُ مِنْهَا فَإِنَّهَا مَعْرَكَةُ الشَّيْطَانِ وَبِهَا يَنْصِبُ رَايَتَهُ.

Selagi mampu, janganlah menjadi orang yang pertama memasuki pasar dan janganlah menjadi orang terakhir keluar dari pasar kerana sesungguhnya pasar adalah medan tempur syaitan dan di situlah benderanya dicacak.[52]

Pada zaman kini pasar bukan sahaja merujuk kepada tempat menjual ikan dan sayur tetapi meluas kepada pasaraya, pusat membeli belah dan bursa saham.

[52] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2451 *(Kitab Fadhail al-Shahabah, Bab keutamaan Umm Salamah).*

BAB KEEMPAT:

TUJUH TIPU DAYA SYAITAN KE ATAS UMAT ISLAM

Dalam **Bab Kedua** kita telah mempelajari empat objektif utama syaitan ke atas manusia, iaitu:

1. Menyesatkan manusia.
2. Mengkafirkan manusia.
3. Memusyrikkan manusia.
4. Menjadikan manusia penghuni neraka.

Untuk mencapai objektif ini, syaitan memiliki pelbagai ciri dan kemampuan sebagaimana yang telah kita pelajari dalam **Bab Ketiga**. Dalam bab ini pula kita akan mempelajari bagaimana syaitan menggunakan ciri-ciri dan kemampuan tersebut ke atas umat Islam untuk mencapai objektifnya.

Terdapat dua kaedah yang digunakan oleh syaitan untuk mencapai salah satu atau lebih dari empat objektifnya, iaitu:

Kaedah Pertama: Gangguan Secara Terus.

Kaedah ini lazimnya digunakan terhadap orang yang lemah penghayatan agamanya atau yang mengabaikan agamanya. Syaitan secara terus akan mengajaknya kepada kemungkaran yang jelas lagi diketahui ramai seperti minum arak, berzina, berjudi dan

sebagainya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan kaedah syaitan yang pertama ini:

Dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui. [al-Baqarah 2:168-169]

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. [al-Nur 24:21]

Kaedah Kedua: Gangguan Secara Tipu Daya.

Kaedah ini lazim ditujukan kepada orang yang memiliki penghayatan agama atau berminat untuk meningkatkan penghayatan agamanya. Bagi orang seperti ini, kaedah gangguan secara terus jarang digunakan kerana mereka sudah mengetahui keharaman arak, judi dan zina. Maka syaitan menggunakan kaedah tipu daya, iaitu menggunakan pelbagai helah dan muslihat untuk menipu manusia sehingga akhirnya tercapai objektifnya. Tipu daya ini sukar untuk dikesan, bahkan orang yang mengalaminya merasai bahawa dia sedang berada di atas hidayah dan kebenaran.

Insya-Allah dalam **Bab Keempat** ini saya akan menyenaraikan tipu daya-tipu daya yang dimaksudkan, diikuti

dengan beberapa contoh bagaimana syaitan menjalankan setiap dari tipu daya tersebut. Perkara penting yang perlu diingatkan di sini ialah cara syaitan menjalankan tipu dayanya tidak terhad kepada contoh yang saya beri. Para pembaca sekalian hendaklah bijak mengkaji dan menganalisa untuk mengetahui cara-cara lain syaitan menggunakan sesuatu tipu dayanya.

Tipu Daya # 1: Menakutkan Umat Islam.

Tipu daya yang pertama ini dapat kita pelajari dari ayat berikut:

Sesungguhnya yang demikian itu ialah syaitan yang <u>menakut-nakutkan</u> (kamu terhadap) penolong-penolongnya. Oleh itu, janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku (Allah) jika betul kamu orang-orang yang beriman. [‘Ali Imran 3:175]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan tipu daya syaitan yang menakut-nakutkan

Syaitan mengetahui bahawa untuk mencapai salah satu atau lebih dari empat objektifnya, ia perlu terlebih dahulu menjauhkan umat Islam dari ilmu berkenaan agama mereka.

umat Islam daripada berhadapan dengan musuh dalam Perang Uhud. Lalu Allah mengingatkan umat Islam agar tidak takut kepada musuh, sebaliknya takutlah kepada-Nya.

Pengajaran penting dari ayat ini ialah tipu daya syaitan untuk meresapkan perasaan takut ke dalam hati dan fikiran manusia. Perasaan takut ini tidak terhad kepada menghadapi musuh dalam peperangan, tetapi meluas kepada pelbagai urusan lain. Antaranya ialah menuntut ilmu.

Syaitan mengetahui bahawa untuk mencapai salah satu atau lebih dari empat objektifnya, ia perlu terlebih dahulu menjauhkan umat Islam dari ilmu berkenaan agama mereka. Syaitan mengetahui bahawa jika umat Islam menguasai ilmu agama, khususnya al-Qur'an dan al-Sunnah, amatlah sukar baginya untuk menyesat, mengkafir, memusyrik dan menjadikan umat Islam penghuni neraka. Oleh kerana syaitan tidak dapat menghapuskan al-Qur'an dan al-Sunnah, ia beralih kepada menjauhkan umat Islam dari al-Qur'an dan al-Sunnah.

Caranya? Lakukan tipu daya untuk menakutkan umat Islam dari menghampiri al-Qur'an dan al-Sunnah. Takutkan mereka dari menelaah al-Qur'an dan al-Sunnah. Takutkan mereka dari mendengar atau membaca sesuatu sumber ilmu yang dipenuhi dengan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Untuk menakutkan umat Islam dari ilmu agama, syaitan memiliki 3 bisikan yang amat masyhur:

Bisikan Pertama:

"Siapa menuntut ilmu tanpa guru maka dia menuntut ilmu dengan syaitan".

Bisikan ini amat masyhur sehingga ia berjaya menakutkan ramai umat Islam dari menuntut ilmu tentang agama mereka. Bahkan ada yang menganggapnya sebagai sebuah hadis.

Sebenarnya berguru memang penting dalam Islam. Maksud berguru ialah seorang yang rendah ilmunya menuntut daripada seorang yang lebih tinggi ilmunya. Cara atau sarana berguru boleh berbeza-beza seperti pembacaan, menonton program di TV, mendengar rakaman, berdialog di internet dan duduk berhadapan (*face to face*). Oleh itu, sebagai contoh, jika seseorang sedang membaca buku Imam al-Nawawi *rahimahullah,* bererti dia sedang berguru dengan beliau.

Akan tetapi syaitan telah masuk campur merosakkan maksud berguru. Ia membataskannya kepada berguru secara berhadapan sahaja (*face to face*). Syaitan mengetahui bahawa dengan pembatasan ini, ramai umat Islam tidak akan dapat menuntut ilmu. Ini kerana masing-masing sibuk dengan kuliah, kerja dan keluarga sehingga sukar untuk duduk berhadapan dengan guru kecuali untuk beberapa ketika. Selain itu sukar pula untuk mencari guru yang berilmu, amanah dan jujur untuk berguru secara *face to face* dengannya. Maka setelah melakukan pembatasan tersebut, syaitan menakutkan orang ramai bahawa jika mereka menuntut ilmu tanpa guru, yakni tanpa *face to face* dengan seorang guru, maka orang itu sedang menuntut ilmu dengannya.

Bisikan syaitan ini dapat dilawan dengan penjelasan bahawa sesiapa yang menuntut ilmu dengan apa jua cara, asalkan

ikhlas demi memperbaiki agamanya, maka yang akan menjadi gurunya bukan syaitan tetapi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah berjanji di dalam al-Qur'an:

> ***Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami; dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.*** [al-Ankabut 29:69]

Bertahun-tahun belajar tetapi yang diketahui hanya sekadar "Aina anta?" Sebenarnya pada masa kini, pengua-saan bahasa Arab tidak perlu menjadi prioriti untuk menuntut ilmu agama.

Bisikan Kedua:

> "Anda perlu menguasai bahasa arab terlebih dahulu. Tidak boleh belajar agama tanpa bahasa arab."

Melalui bisikan ini syaitan sekali lagi dapat menakutkan orang ramai dari menuntut ilmu agama. Melalui bisikan ini ramai yang menggunakan masa dan tenaga yang dia miliki untuk belajar bahasa Arab. Bertahun-tahun belajar tetapi yang diketahui hanya sekadar "Aina anta?"

Sebenarnya pada masa kini, penguasaan bahasa Arab tidak perlu menjadi prioriti untuk menuntut ilmu agama. Ini kerana sudah terdapat banyak buku-buku bahasa Arab yang sudah diterjemah ke bahasa Malaysia, Indonesia dan Inggeris. Selain itu terdapat juga

buku-buku dalam bahasa Malaysia, Indonesia dan Inggeris yang dikarang oleh penulis yang menguasai bahasa Arab dengan baik. Buku ini mewakili pelbagai subjek seperti aqidah, tafsir, hadis, fiqh, akhlak dan lain-lain. Semua ini memudahkan kita menuntut ilmu agama tanpa perlu menguasai bahasa Arab.

Dalam konteks ini, orang-orang yang ingin menuntut ilmu agama boleh dibahagikan kepada dua kumpulan:

> Bahasa Arab juga menjadi penting dalam rangka menjawab orang-orang yang kononnya ahli dalam bahasa Arab tetapi sengaja mengubah terjemahan ayat al-Qur’an, hadis atau perkataan ulama’ silam dalam kuliah atau tulisa mereka demi membenarkan pandangan mereka yang menyesatkan.

1. Mereka yang memberi tumpuan kepada mempelajari bahasa Arab. Kumpulan ini lazimnya mengambil masa beberapa tahun belajar bahasa Arab dengan hajat ingin dapat membaca kitab-kitab klasik[53] seperti *Tafsir al-Qurtubi* dan *Syarh Shahih Muslim bi al-Nawawi*. Setelah beberapa tahun, segelintir di antara mereka ada yang berjaya. Namun kebanyakan yang lain gagal. Dalam masa

---

[53] [illegible]ya maksudkan dengan kitab-kitab klasik (*turats*) yang d[illegible] zaman awal Islam hingga ke zaman pertengahan. Kitab-kitab [illegible]karang dengan nilai sastera yang tinggi dan dengan gaya bahasa serta istilah yang perlu difahami mengikut kriteria pengarang itu sendiri. Ia berbeza dengan kitab-kitab yang dikarang pada zaman mutakhir dimana bahasanya adalah mudah dan lancar.

beberapa tahun tersebut, mereka masih jahil tentang agama dan jahil juga tentang bahasa Arab. Akhirnya mereka kecewa dan putus asa dari ingin menuntut ilmu agama.

2. Mereka yang memberi tumpuan kepada mempelajari ilmu-ilmu agama dari sumber bahasa yang mereka fahami. Dalam masa beberapa tahun, kumpulan ini sudah menguasai aqidah yang tulen, fiqh perbandingan antara empat mazhab dan akhlak yang selari dengan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Mereka juga menguasai ilmu tafsir, hadis, fiqh dan lain-lain. Setelah itu mereka mula memberi tumpuan kepada mempelajari bahasa Arab.

   Ini kerana pada tahap awal proses menuntut ilmu, bahasa Arab tidak penting. Akan tetapi pada tahap seterusnya, bahasa Arab menjadi penting untuk mereka melanjutkan kajian kepada sumber-sumber yang belum diterjemahkan. Bahasa Arab juga menjadi penting dalam rangka menjawab orang-orang yang kononnya ahli dalam bahasa Arab tetapi sengaja mengubah terjemahan ayat al-Qur'an, hadis atau perkataan ulama' silam dalam kuliah atau tulisan mereka demi membenarkan pandangan mereka yang menyesatkan.

   Oleh kerana kumpulan ini sudah memiliki penguasaan dalam sesuatu subjek, mudah untuk mereka menelaah subjek tersebut dari sebuah kitab berbahasa Arab. Sebagai contoh, sebuah kitab fiqh klasik dalam bahasa Arab akan mudah ditelaah oleh orang yang mahir dalam subjek fiqh sekali pun dia belum mahir dalam bahasa Arab. Berbeza dengan orang yang mahir dalam bahasa Arab tetapi lemah

dalam subjek fiqh, dia akan mengalami kesukaran untuk menelaahnya.

Ringkasnya, menguasai bahasa Arab tidak menjanjikan penguasaan dalam ilmu-ilmu agama, apatah lagi penghayatannya. Syaitan telah berjaya menakut-nakutkan umat Islam dari menuntut ilmu-ilmu agama dengan meletakkan syarat penguasaan bahasa Arab terlebih dahulu. Lawanlah tipu daya syaitan ini dengan menuntut ilmu-ilmu agama dalam apa jua bahasa. Prioriti anda ialah aqidah dan asas-asas agama seperti ilmu berkenaan al-Qur'an dan al-Sunnah. Seterusnya ia diikuti dengan ibadah dan akhlak. Kemudian apabila anda memiliki masa dan tenaga yang lebih, berilah tumpuan kepada bahasa Arab.

Bisikan Ketiga:

> "Saya takut hendak membaca dari sumber terjemahan kerana mungkin terdapat kesilapan terjemahan."

Tidak ada buku yang sempurna dari kesilapan melainkan al-Qur'an. Selain al-Qur'an, kemungkinan wujudnya kesilapan memang ada. Demikian juga bagi buku-buku yang diterjemah dari bahasa Arab ke bahasa Malaysia, Indonesia dan Inggeris. Kemungkinan kesilapan memang ada. Akan tetapi kemungkinan tersebut amatlah kecil. Berdasarkan pengalaman saya membaca kitab terjemahan dan membandingkannya dengan kitab asal berbahasa Arab, berani saya katakan bahawa kemungkinan tersebut hanya sekadar 2 hingga 3 peratus. Hanya syaitan yang membesar-besarkannya kepada 20 hingga 30 peratus.

Lebih dari itu, kesilapan yang berlaku di sisi penterjemah boleh juga berlaku di sisi penterjemah yang lain. Jika anda menguasai bahasa Arab, anda juga akan membuat kesilapan ketika membaca sesebuah kitab, khasnya kitab klasik yang ditulis pada zaman awal dan pertengahan Islam.

Oleh itu lawanlah bisikan syaitan ini dengan cara menelaah sesebuah buku terjemahan dengan teliti. Jika menemui sebuah kenyataan yang memusykilkan, bertanyalah kepada orang yang mahir dalam subjek tersebut. *Insya-Allah* dia akan dapat menerangkan sama ada itu satu kesilapan terjemahan atau kemusykilan yang sebenarnya satu kebenaran.

Demikian tiga contoh bisikan syaitan yang masyhur dalam rangka menakutkan umat Islam dari menuntut ilmu agama. Sungguh, apabila iblis berjanji di hadapan Allah: ***"Jika Engkau beri tempoh kepadaku hingga Hari Kiamat, tentulah aku akan*** ***<u>menyesatkan</u>*** ***zuriat keturunannya (manusia), kecuali sedikit (di antaranya)."*** [al-Isra' 17:62], ia tidak sangka bahawa amatlah mudah untuk melaksanakan janjinya itu. Buktinya dapat dilihat pada masa kini dimana majoriti dari umat Islam amat takut untuk belajar berkenaan agama mereka. Sekali pun sebahagian dari mereka memiliki kelulusan pendidikan yang amat tinggi, mereka amat takut untuk belajar tentang Islam.

> Apabila iblis berjanji untuk menyesatkan umat Islam, ia tidak sangka untuk melaksanakan janjinya itu teramat sangatlah mudah, iaitu sekadar menakutkan umat Islam dari menuntut ilmu al-Qur'an dan al-Sunnah.

Mereka mencukupkan diri dengan apa yang dipelajari di bangku sekolah.

Apabila umat Islam tetap berada dalam keadaan jahil, mudah bagi syaitan untuk mencapai objektifnya menyesat, mengkafir, memusyrik dan menjadikan umat Islam penghuni neraka. Atas tipu daya syaitan ini, kita akan temui kebanyakan orang yang memiliki penghayatan agama melaksanakan penghayatan tersebut hanya dengan mengikuti orang-orang sebelum mereka atau kumpulan tertentu. Amat sedikit yang menghayati agama berdasarkan kefahaman yang jitu berkenaan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih serta teladan generasi *al-Salaf al-Shalih.*

Bahkan tanpa ilmu agama yang sahih, iaitu ilmu yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah, mudah untuk syaitan mencapai objektifnya itu dengan melakukan tipu daya memperindahkan sesuatu yang sebenarnya mungkar. Tipu helah ini akan kita kaji seterusnya *insya-Allah.*

Maka kepada para pembaca sekalian, jika terlintas di hati anda perasaan takut untuk menuntut ilmu, ketahui bahawa itu adalah lintasan dari syaitan. Ucaplah *"A'uzubillahi minas syaitan nirrajim"* dan terus memberanikan diri anda untuk menuntut ilmu.[54]

Selain menakutkan umat Islam dari menuntut ilmu, syaitan juga menakutkan umat Islam dengan cara-cara berikut:

---

[54] Lebih lanjut rujuk dua risalah saya yang berjudul *Adab-Adab Menuntut Ilmu Agama* dan *Unsur-Unsur Yang Merosakkan Ilmu Agama* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

- Menakutkan dari menyampaikan ilmu yang hak. Bagi orang yang berilmu, syaitan menakutkan mereka dari menyampaikan kebenaran. Konon, jika dia menyampaikan kebenaran, dia akan kehilangan kerja atau akan disisih oleh masyarakat.

- Menakutkan dari bersedekah. Bagi yang ingin bersedekah, syaitan berbisik bahawa sedekah itu hanya akan merugikan dia atau orang yang dia sedekahkan itu akan mensia-siakan sedekah tersebut.

- Menakutkan dari bersikap jujur. Syaitan banyak mengganggu dengan ketakutan ini. Syaitan menghasut, konon martabat dan harga diri seseorang akan jatuh jika dia bersikap jujur untuk meminta maaf atas sesuatu kesilapannya atau berkata "Saya tidak boleh melakukannya" untuk sesuatu permintaan.

  Oleh kerana itu dua frasa yang paling sukar untuk disebut ialah "Maaf, saya silap" dan "Saya tidak boleh". Semakin tinggi kedudukan atau kemasyhuran seseorang, semakin sukar untuk dia menyebut dua frasa tersebut. Ramai memilih untuk bersikap diam atau membuat alasan-alasan yang lain, padahal sikap seperti itulah yang sebenarnya menjatuhkan martabatnya dan memurahkan harga dirinya.

Tipu Daya # 2: Memperindahkan Perkara Mungkar.

Apabila syaitan diusir dari langit, ia berjanji:

Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperindahkan (segala jenis kemungkaran) kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya." [al-Hijr 15:39]

Tipu daya ini telah dilaksanakan oleh syaitan kepada setiap generasi umat manusia dari awal:

Demi Allah! Sesungguhnya kami juga telah mengutus Rasul-rasul kepada umat-umat yang terdahulu daripadamu (wahai Muhammad), lalu syaitan memperindahkan pada (pandangan) mereka akan amal-amal mereka (yang sebenarnya mungkar); maka Dia-lah menjadi pemimpin mereka pada hari ini (Hari Kiamat) dan mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. [al-Nahl 16:63]

Maksud memper-indahkan perkara mungkar ialah memberi pengaruh palsu kepada umat Islam bahawa apa yang sedang mereka lakukan adalah amal shalih yang baik lagi sesuai dengan Islam. Akan tetapi yang benar apa yang sedang dilakukan itu adalah

Memperindahkan perkara mungkar ialah memberi pengaruh palsu kepada umat Islam bahawa apa yang sedang mereka lakukan adalah amal shalih yang baik lagi sesuai dengan Islam. Akan tetapi yang benar apa yang sedang dilakukan itu adalah amal mungkar yang buruk lagi bertentangan dengan Islam.

amal mungkar yang buruk lagi bertentangan dengan Islam. Amatlah mudah bagi syaitan untuk memperindahkan sesuatu yang sebenarnya mungkar kerana sejak awal ia telah berjaya menakutkan umat Islam dari menuntut ilmu (Tipu Daya # 1). Tanpa ilmu, umat Islam tidak dapat mengukur baik atau buruk sesuatu perkara berdasarkan ukuran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

Terdapat beberapa cara syaitan memperindahkan perkara mungkar. Antaranya ialah dengan memberi nama-nama yang indah kepada sesuatu yang sebenarnya haram. Ini dapat kita pelajari dari pengalaman Nabi Adam *'alaihi salam*. Ketika Adam berada dalam syurga, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berpesan kepadanya, bahawa dia boleh memakan apa jua yang dia sukai kecuali satu jenis pohon (pokok):

Dan kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pohon ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim." [al-Baqarah 2:35]

Syaitan ingin mengeluarkan Adam dari syurga. Bagaimana caranya? Ahaa! Tukar nama pohon yang "dilarang" kepada nama yang lebih indah, seperti pohon yang "memberi kehidupan dan kekuasaan yang kekal abadi". Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan tipu daya syaitan ini:

Setelah itu maka syaitan membisikkan kepadanya dengan berkata: "Wahai Adam, mahukah, aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya, dan kekuasaan

yang tidak akan hilang lenyap?” [Ta-Ha 20:120]

Tipu daya syaitan dalam memperindahkan perkara mungkar tidak terhad kepada menukar nama. Pada kesempatan ini saya ingin berikan dua contoh amalan yang lazim dilakukan oleh masyarakat yang telah diperindahkan oleh syaitan.

Contoh Pertama: Zikir Berirama.

Pada masa kini terdapat satu amalan yang semakin meningkat kemasyhurannya, iaitu zikir dengan suara yang kuat (*jahr*) secara beramai-ramai dengan mengikuti irama atau rentak tertentu. Zikir berirama sebenarnya sudah wujud pada zaman pertengahan Islam. Akan tetapi pada masa kini dengan adanya teknologi moden seperti mikrofon, alat pembesar suara, kaset, cakera padat dan sebagainya, zikir berirama pantas mendapat tempat di hati orang ramai.

Apabila ditanya, kenapa kalian suka kepada zikir berirama? Mereka menjawab bahawa zikir berirama menghasilkan banyak kebaikan seperti hati yang khusyuk dan jiwa yang terasa seolah-olah diberi suntikan hidup yang baru (*revitalized and recharged*). Sebahagian lain menjawab, keindahannya tidak dapat digambarkan dengan perkataan. Kemudian mereka mengemukakan ayat berikut sebagai hujah:

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan* zikrullah. *Ketahuilah dengan* zikrullah *itu, tenang tenteramlah hati manusia. [al-Ra’d 13:28]

Sebenarnya yang mengindahkan zikir berirama ialah

syaitan. Syaitan mengindahkannya agar dengan itu umat Islam terhindar dari zikir yang sebenarnya disyari‘atkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala,* iaitu:

Dan sebutlah serta ingatlah (zikir) akan Tuhanmu dalam hatimu dengan merendah diri serta dengan perasaan takut, dan dengan tidak pula menguatkan suara **(jahr)** ***pada waktu pagi dan petang, dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.*** [al-A’raaf 7:205]

Berdasarkan ayat di atas, dapat diketahui bahawa zikir yang dihendaki oleh Yang kita tujukan zikir (Allah) ialah:[55]

1. Ingatan dalam hati.
2. Sikap merendahkan diri kerana mengingati kebesaran Yang sedang ditujukan zikir.
3. Sikap takut kepada Yang sedang ditujukan zikir.

---

[55] Sengaja saya menggunakan ayat “Yang kita tujukan zikir” kerana kelihatannya banyak orang yang berzikir menujukan zikirnya kepada sesuatu selain Allah. Atas tujuan selain Allah inilah kita dapati pada masa kini ada orang berzikir dengan susunan kalimah dan jumlah bilangan yang tersendiri atau berdasarkan tunjuk ajar guru tersendiri. Bahkan ada yang menggunakan zikir sebagai tangga bagi mencapai kedudukan (*maqam*) yang lebih tinggi.

Berzikir ialah ibadah untuk mengingati Allah. Sebagai satu bentuk ibadah, hendaklah kita mengingati Allah sebagaimana Allah menghendaki diri-Nya diingati. Allah bukanlah rakan sebilik asrama, teman sekerja, pasangan hidup atau ahli keluarga yang dengan itu kita boleh mengingati-Nya dengan cara yang direka-reka sendiri. Sebaliknya Allah ialah Tuhan yang tidak mampu untuk kita ukur dan ketahui cara untuk mengingatinya. Atas dasar inilah Allah telah mengajar kalimah-kalimah zikir dan jumlah bilangannya melalui lisan Rasul-Nya Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*.

4. Secara *sirr* dan bukan *jahr*. *Sirr* ialah menyebut bacaan zikir dengan lidah dan bibir sehingga bacaan dapat didengar oleh orang yang sedang berzikir dan orang di sebelahnya. *Jahr* ialah menyebut bacaan zikir dengan getaran kotak suara di kerongkong sehingga suaranya dapat didengar oleh orang ramai di sekeliling.

> Sebenarnya yang meng-indahkan zikir berirama ialah syaitan. Syaitan mengindah-kannya agar dengan itu umat Islam terhindar dari zikir yang sebenarnya disyari'atkan oleh Allah.

Apabila seseorang itu berzikir dengan cara, kalimah dan jumlah yang dikehendaki oleh Allah, maka Allah akan mengurniakan ketenteram hati seperti yang dijanjikan-Nya dalam ayat 28 surah al-Ra'd. Ada pun bagi cara, kalimah dan jumlah yang berbeza dari yang dikehendaki oleh Allah, maka yang mengurniakan ketenteraman hati bukanlah Allah tetapi syaitan.

Contoh Kedua: Memagar Rumah.

Zukfikli beberapa kali menjengok keluar dari pintu rumahnya. Sudah hampir 15 minit dia duduk di kerusi malas yang diletakkannya di hadapan pintu. "Bila jamaah masjid nak sampai? Harap tuk imam tidak ada urusan lain. Harap dia dapat datang seperti yang dijanjikan" Demikian bisik hati Zulkifli dengan penuh debaran.

Jam di dinding menunjukkan waktu 7.22

malam. Pada malam itu, selepas solat Maghrib, Zulkifli merancang membuat kenduri doa selamat dan majlis memagarkan rumah. Sejak beberapa minggu yang lepas, terasa seolah-olah ada sesuatu yang asing di rumah. Pintu dan tingkap bergerak sendiri padahal tiada angin yang bertiup. Sekali sekala di tepi anak mata ternampak seolah-olah ada bayangan yang bergerak. Namun apabila ditoleh, ternyata tiada apa-apa.

Jiran-jiran dan rakan-rakan di pejabat mencadangkan agar Zulkifli memagar rumahnya. Kata mereka, ada makhluk ghaib yang keluar masuk dan turut menumpang di rumahnya. Atas cadangan itu, Zulkifli menjemput imam masjid dan para jamaahnya untuk membuat kenduri doa selamat dan majlis memagar rumah.

Nasi minyak, ayam masak merah, kuah dalca dan acar buah telah siap disediakan. Akan tetapi di antara semua persediaan tersebut yang terpenting ialah 2 botol air mineral yang disediakan atas permintaan imam. Air-air tersebut akan dijampi, kemudian dituang di sekeliling rumah. Kata imam, air tersebut akan bertindak sebagai pagar ghaib yang memagar rumah dari makhluk ghaib. Zulkifli tidak tahu bacaan apa yang bakal dijampikan. Akan tetapi dia yakin, tuk imam tahu apa yang patut dibacakan.

“Samaikuuum!” Kedengaran bunyi salam di

> pintu pagar. “Waikumsalaaam” jawab Zulkifli, penuh kelegaan. “Jemputlah masuk” sambung Zulkifli setelah melihat tuk imam dan beberapa orang jamaah masjid sedang berdiri di pintu pagarnya.

Amalan memagar rumah adalah sesuatu yang masyhur di Malaysia. Orang memagar rumah kerana ingin melindunginya dari gangguan makhluk ghaib atau kerana menyangka makhluk sedang mengganggu rumahnya. Di sebalik semua itu, yang sebenarnya mengganggu ialah syaitan. Untuk sebahagian orang, ia mengganggu dengan membisikkan perasaan takut kepada makhluk ghaib (Tipu Daya # 1) agar dengan itu orang tersebut akan berusaha memagar rumahnya. Untuk sebahagian yang lain, ia mengganggu dengan mengerak-gerakkan pintu dan tingkap, membuat suara aneh, memberi mimpi buruk, merasuk dan pelbagai lagi. Semua ini dengan tujuan agar penghuni rumah berusaha untuk memagar rumah.

Kenapa amalan memagar rumah menjadi penting kepada syaitan? Kepentingannya dapat dijelaskan dengan langkah-langkah berikut:

1. Syaitan tahu dengan memagar rumah, penghuninya akan meletakkan keyakinan kepada alat yang dianggap sebagai pagar. Alat itu mungkin air jampi, tongkat, penyapu lidi dan sebagainya. Maka untuk menghasut penghuni rumah memagar rumahnya, syaitan mengganggu mereka dengan bisikan ketakutan atau perbuatan yang aneh di rumah.

2. Setelah alat tersebut dijampi dan penghuni rumah meletakkannya pada tempat yang sepatutnya, syaitan serta

merta menghentikan gangguannya.

3. Dengan terhentinya gangguan, penghuni rumah akan segera berkeyakinan bahawa "pagar"nya telah berjaya menghalau makhluk ghaib.

4. Dengan keyakinan kepada sesuatu selain Allah untuk memelihara rumahnya dari mudarat, penghuni rumah telah syirik kepada Allah.

5. Akhirnya tercapailah hajat syaitan untuk memusyrikkan umat Islam. Syaitan mengindahkan amalan memagar rumah padahal amalan tersebut sebenarnya adalah satu kemungkaran.[56]

Jika kita takut kepada Allah, maka syaitan akan takut dari mengganggu kita. Sebaliknya jika kita tidak takut kepada Allah, maka syaitan juga tidak akan takut dari mengganggu kita.

Sebenarnya Islam telah pun mengajar amalan memagar rumah yang bersih dari unsur syirik. Ia amat mudah dan boleh dilakukan dengan sendiri. Caranya, ucaplah *Basmalah* (*Bismillah)* setiap kali hendak memasuki rumah. Tutuplah pintu dan tingkap dengan membaca *Basmalah* juga. Hadis-hadisnya boleh dirujuk dalam **Bab Ketiga**, ketika mengupas ciri syaitan # 12.

Kemudian hendaklah para penghuni rumah beristiqamah dengan perintah larangan agama. Kaedah yang mudah dalam

---

[56] Lebih lanjut tentang hukum menggunakan tangkal dan jampi-jampian, rujuk buku saya *11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid*, terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

persoalan ini ialah: “Jika kita takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, maka syaitan akan takut dari mengganggu kita. Sebaliknya jika kita tidak takut kepada Allah, maka syaitan juga tidak akan takut dari mengganggu kita.” Oleh itu jika penghuni rumah tidak takut kepada Allah sehingga berani mengabaikan perintah larangan Allah, syaitan juga akan berani mengganggunya. Sebagai contoh, bagi kes Zulkifli di atas, hendaklah dia tidak duduk di rumah menunggu jamaah masjid sampai. Sebaliknya hendaklah dia ke masjid untuk menunaikan solat Maghrib berjamaah.

Tipu Daya # 3: Mempelbagai Jalan Kebenaran.

Di samping berjanji untuk memperindahkan perkara mungkar, syaitan juga berjanji untuk menghalang umat Islam dari jalan Allah (*Shirat al-Mustaqim*). Seterusnya ia akan membuat

Syaitan berjanji untuk menghalang umat Islam dari jalan Allah (*Shirat al-Mustaqim*). Seterusnya ia akan membuat banyak jalan yang lain dan memperindahkannya sehingga umat Islam menganggap jalan-jalan tersebut adalah *Shirat al-Mustaqim* padahal ia bukan.

banyak jalan yang lain dan memperindahkannya sehingga umat Islam menganggap jalan-jalan tersebut adalah *Shirat al-Mustaqim* padahal ia bukan. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merakam perjanjian syaitan ini:

Iblis berkata: "Oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) menjadikan daku sesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (dari menjalani) jalan-Mu yang lurus **(Shirat al-Mustaqim).** ***Kemudian aku datangi mereka dari hadapan mereka, dari belakang mereka, dari kanan mereka serta dari kiri mereka; dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka bersyukur."*** [al-A'raaf 7:16-17]

Perjanjian, atau lebih tepat, tipu daya syaitan ini benar-benar telah dilaksanakannya sejak dari zaman awal Islam sehinggalah pada masa kini. Syaitan menghalang umat Islam dari jalan Allah yang tulen lagi benar. Kemudian ia membuat banyak jalan-jalan yang baru. Dalam ayat di atas, syaitan menyebut bahawa ia akan datang dari hadapan, belakang, kanan dan kiri. Empat arah ini bukan bererti empat jalan, tetapi bererti kepelbagaian jalan yang dibukakannya. Ini umpama seorang yang berkata: "Musuh datang menyerangku dari hadapan, belakang, kanan dan kiri." Kenyataan ini tidak bererti ada empat orang musuh, tetapi bererti ada banyak musuh yang datang dari semua sudut.

Tipu daya # 3 ini dilaksanakan syaitan bersama tipu daya # 1 dan 2. Pertama sekali, syaitan menakutkan umat Islam dari menuntut ilmu. Tanpa ilmu, umat Islam tidak tahu yang benar *Shirat al-Mustaqim* dan yang mana tidak. Kemudian syaitan membuka beberapa jalan yang baru. Walaubagaimana pun syaitan

tahu bahawa jalan yang baru tidak cukup untuk menarik umat Islam kepadanya. Perlu diletak sesuatu umpan di atasnya. Maka syaitan mengambil satu atau dua ajaran yang berasal dari *Shirat al-Mustaqim* dan meletakkannya di atas jalan baru tersebut sebagai umpan.

Bagi setiap jalan, syaitan meletakkan umpan yang berbeza-beza. Kemudian syaitan memperindahkan umpan tersebut, konon ia adalah ajaran yang paling penting dalam Islam. "Memadai memberi tumpuan kepada ajaran tersebut, nescaya lengkaplah Islam anda!" demikian bisik syaitan di depan pintu masuk bagi setiap jalan. Kemudian bagi setiap jalan ada syaitan dipertengahannya yang berbisik: "Hendaklah kalian bersungguh-sungguh melaksanakan ajaran tersebut!" Maka orang yang berada di atas jalan-jalan tersebut menokok tambah ajaran itu sehingga ia akhirnya jauh berbeza dari apa yang asalnya diambil dari *Shirat al-Mustaqim.*

Kini setiap jalan sudah memiliki ajaran yang membentuk dasarnya yang tersendiri. Akhir sekali, syaitan memberikan nama-nama indah bagi setiap jalan untuk menarik lebih ramai orang ke atasnya. Nama-nama itu ialah apa yang biasa kita temui pada aliran-aliran yang wujud pada masa kini di dunia Islam. Berikut dikemukakan beberapa aliran yang masyhur diikuti dengan umpannya:

1. Aliran *Tareqat.* Umpannya ialah zikir dan kebersihan hati.
2. Aliran *Dakwah.* Umpannya ialah keluar sekian-sekian hari untuk berdakwah.
3. Aliran *Kepartian.* Umpannya ialah menegakkan politik

Islam dan kepimpinan negara.

4. Aliran *Liberal*. Umpannya ialah membuka ajaran Islam agar sesuai dengan zaman.
5. Aliran *Khalifah*. Umpannya ialah menegakkan khalifah umat Islam.
6. Aliran *Syi'ah*. Umpannya ialah mengangkat *Ahl al-Bait* menjadi khalifah umat Islam.
7. Aliran *Falsafah*. Umpannya ialah ayat-ayat al-Qur'an yang menyuruh umat Islam berfikir.

Demikian beberapa contoh jalan-jalan yang dibuka oleh syaitan sehingga akhirnya muncullah di atas jalan-jalan tersebut aliran-aliran yang memiliki ajaran dasarnya yang tersendiri. Setiap orang akan menganggap jalan merekalah yang paling benar, paling baik hingga akhirnya berlakulah permusuhan, tuduh-menuduh dan sangkaan buruk antara satu sama lain. Padahal mereka semuanya adalah umat Islam. Semua ini adalah hasil tipu daya syaitan jua:

Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan ucapan-ucapan yang amat baik; sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka; sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia. [al-Isra' 17:53]

Orang-orang yang berada di atas jalan-jalan tersebut benar-benar menganggap mereka sedang mendapat hidayah dan berada di atas *Shirat al-Mustaqim* padahal mereka berada di atas jalan dan hidayah syaitan:

Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu tetap menghalangi mereka dari jalan yang benar, sedang mereka menyangka bahawa mereka orang-orang yang mendapat hidayah. [al-Zukhruf 43:37]

Hanya satu jalan yang betul, iaitu jalan *Shirat al-Mustaqim* yang dibuka oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Rasul-Nya Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam.* Orang-orang yang berada di atas jalan ini dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.*[57] Inilah satu-satunya jalan yang benar yang Allah perintah kita untuk berada di atasnya:

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain) kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa. [al-An'aam 6:153]

Inilah juga jalan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* sesiapa yang memilih jalan lain sehingga berpecah menjadi puak-puak atau jamaah-jamaah, masing-masing puak atau jamaah dengan jalan yang tersendiri, maka Rasulullah berlepas diri dari mereka. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Bahawasanya orang-orang yang mencerai-beraikan agama mereka dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah

---

[57] Kenapa ia disebut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan mengapa ia tidak dianggap sebagai salah satu dari jalan syaitan? Jawapannya boleh ditemui dalam buku saya yang berjudul *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

engkau (Wahai Muhammad) terkait sedikitpun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka (pada Hari Kiamat kelak), apa yang telah mereka lakukan. [al-An'aam 6:159]

Sebelum beralih ke tipu daya seterusnya, ingin saya tegaskan semula apa yang telah saya sebut di bahagian Kata Pembuka, bahawa tujuan saya menyebut aliran-aliran di atas bukanlah untuk mencela para pengikutnya, tetapi untuk menyedarkan bahawa apa yang dipegang selama ini perlu dianalisa semula.

Jika di kalangan pembaca ada yang mengikuti salah satu dari tujuh aliran yang saya sentuh di atas, saya harap anda dapat bersikap adil dalam menganalisa aliran yang anda ikuti. Hayatilah ayat 153 serta 159 surah al-An'aam dan bandingkanlah dengan ayat 16-17 surah al-A'raaf. Kemudian renungilah ayat 37 surah al-Zukhruf. Cuba tanya diri anda dengan jujur: "Adakah saya akan mengikut aliran saya sekarang ini jika sejak awal saya telah mengetahui tipu daya syaitan # 3 ini?"

Tipu Daya # 4: Janji Dan Angan-Angan Kosong.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* membongkar tipu daya syaitan yang keempat ini dalam firman-Nya:

Syaitan sentiasa menjanjikan mereka serta memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong; dan apa yang dijanjikan oleh syaitan itu tidak lain hanyalah tipu daya semata-mata. [al-Nisa' 4:120]

Cara syaitan melaksanakan tipu daya ini berkait rapat dengan tipu daya # 3 yang telah dipelajari sebelum ini. Seperti yang dijelaskan, setelah membuka jalan-jalan yang baru, syaitan meletak umpan di setiap pintunya dan menjemput umat Islam memasuki jalan tersebut kerana umpannya. Kemudian bagi setiap jalan, ada syaitan di pertengahannya yang berbisik agar umpan tersebut ditokok tambah sehingga jauh berbeza dari asalnya.

Akhir sekali, bagi setiap jalan ada syaitan di hujungnya. Syaitan ini kerjanya menabur janji kejayaan dan angan-angan kemenangan bagi orang-orang yang berada di atas setiap jalan. Bagi orang yang mengikuti jalan atau aliran *tareqat*, syaitan memberi janji dan angan-angan kosong jika mereka berzikir dengan jumlah sekian-sekian bagi setiap malam, kedudukan mereka akan naik dari awam kepada khusus. Bagi orang yang mengikut jalan atau aliran *kepartian*, syaitan memberi janji dan angan-angan kosong jika mereka terus memberi tumpuan kepada persoalan politik, status negara Islam akan dapat dicapai. Demikianlah seterusnya bagi setiap jalan atau aliran, syaitan menabur janji dan angan-angan kosong agar dengan itu umat Islam tetap setia kepada aliran masing-masing.

Tipu daya janji dan angan-angan kosong juga ditabur ke atas individu. Antaranya:

> Bagi orang yang ingin membanteras bid'ah, syaitan menabur janji bahawa jika dia bersikap keras, nescaya semua bid'ah akan berjaya dihapuskan.

1. Bagi orang yang banyak

berbuat maksiat, syaitan menabur angan-angan agar tidak perlu bertaubat serta merta, sebaliknya tunggulah dulu hingga apabila mencapai umur persaraan.

2. Bagi orang yang sedang menuntut ilmu, syaitan menabur angan-angan bahawa apabila dia mencapai kelulusan PhD., maka dia telah mencapai kemuncak ilmunya.
3. Bagi orang yang bersolat lima kali sehari, syaitan menabur janji bahawa amalan itu sudah mencukupi, tidak perlu ditambah dengan amalan-amalan yang lain.
4. Bagi orang yang ingin membanteras bid‘ah, syaitan menabur janji bahawa jika dia bersikap keras, nescaya semua bid‘ah akan berjaya dihapuskan.
5. Bagi orang yang ingin menegakkan sunnah, syaitan menabur janji bahawa jika dia bergerak pantas, sunnah akan dapat ditegakkan dengan sekelip mata.

Tipu Daya # 5: Mengubah Ciptaan Allah.

Tipu daya kelima ini dinyatakan sendiri oleh syaitan:

"Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak) lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah." [al-Nisa' 4:119]

Dalam kenyataan di atas, syaitan berjanji akan melakukan beberapa perkara kepada umat Islam, iaitu:

1. Menyesatkan umat Islam dari jalan Allah. Ini telah kita pelajari dalam Tipu Daya # 3.
2. Menabur angan-angan kosong. Ini telah kita pelajari dalam Tipu Daya # 4.
3. Membelah telinga binatang. Ini adalah amalan masyarakat jahiliyah dimana mereka membelah telinga binatang sebagai tanda binatang tersebut adalah istimewa dan dapat dijadikan sembahan atau korban kepada tuhan berhala mereka.
4. Mengubah ciptaan Allah. Perkara keempat inilah yang menjadi tumpuan kita.

Wujud perbincangan di kalangan para ilmuan Islam, apakah yang dimaksudkan dengan "mengubah ciptaan Allah". Di antara mereka ada yang berkata, ia adalah mengubah anggota badan seperti mencacatkannya atau menokok tambah kecantikan. Di antara mereka ada yang berkata, ia adalah mengubah agama Allah, iaitu Islam. Pendapat kedua adalah lebih kuat berdasarkan rujukan kepada ayat berikut:

Maka hadapkanlah dirimu ke arah agama yang jauh dari kesesatan: agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadi - fitrah) untuk menerimanya. Tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. [al-Rum 30:30]

Maksud mengubah ciptaan Allah ialah mengubah agama Islam. Mengubah agama Islam bererti menambah, mengurang dan mengubah-suai dari yang tulen. Inilah juga yang disebut sebagai bid'ah.

Satu contoh mudah, agama Islam yang tulen mengajar bahawa doa sebelum makan hanya dengan membaca *Basmalah (Bismillahi Rahmani Rahim).* Ini sebagaimana sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang telah dikemukakan sebelum ini: ***"Apabila seorang itu memasuki rumahnya dan mengingati Allah (dengan membaca* Bismillah*) ketika memasukinya dan ketika ingin makan, berkatalah syaitan (kepada golongannya): "Kalian tidak memiliki tempat untuk bermalam dan tidak juga makanan malam."***[58]

Akan tetapi syaitan telah mengubah amalan ini kepada membaca doa yang berbeza. Sekali pun seseorang itu membaca *Basmalah*, syaitan menghasutnya untuk menambah dengan doa-doa yang lain. Ini adalah satu bid'ah dan inilah perubahan agama yang diinginkan oleh syaitan. Mungkin di kalangan pembaca ada yang tertanya: "Bukankah membaca doa tambahan sebelum makan adalah satu kebaikan?" Pertanyaan ini dijawab, bahawa kebaikan yang sebenar berasal dari Allah dan Rasul-Nya. Ada pun selain itu yang dianggap kebaikan, ia tidak lain adalah tipu daya syaitan yang memperindahkan perkara mungkar (Tipu Daya # 2).[59]

---

[58] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2018 *(Kitab al-Asyrabah, Bab adab makan dan minum…).*

[59] Dalam bab ini terdapat sebuah hadis yang mengajar doa sebelum makan:

Sebagai tambahan, dalam ayat 119 surah al-Nisa' di atas, syaitan bukan sahaja akan menyuruh umat Islam membuat bid'ah agama tetapi bersumpah bahawa ia benar-benar akan mengerah dan memastikan umat Islam membuat bid'ah. Perhatikan semula kata-kata syaitan ini yang didahului dengan sumpah: ***"…dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah."***

Oleh kerana tipu daya syaitan, apabila cuba ditegur orang yang membuat bid'ah, teguran itu tidak lain hanya akan menyebabkan orang tersebut lebih bersungguh-sungguh dalam bid'ahnya.

Atas sumpah inilah kelihatannya syaitan berjaya menghasut sebegitu ramai umat Islam untuk membuat bid'ah. Tidak sekadar itu, syaitan juga memastikan agar mereka yang membuat bid'ah kekal dengan bid'ah tersebut. Oleh kerana itulah apabila cuba ditegur orang yang membuat bid'ah, teguran itu tidak lain hanya akan menyebabkan orang tersebut lebih bersungguh-sungguh dalam bid'ahnya. Kecuali segelintir yang ikhlas beragama, mereka mengetahui bahawa bid'ah adalah tipu daya syaitan. Maka mereka segera meninggalkan bid'ah tersebut dan kembali kepada Islam

---

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيمَا رَزَقْتَنَا، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ، بِاسْمِ اللَّهِ.

"Ya Allah, berkatilah bagi kami apa yang Engkau rezekikan kepada kami dan peliharalah kami dari azab neraka. Bismillah." Hadis ini dikeluarkan oleh al-Thabarani dan Ibn al-Sunni, sanadnya memiliki kecacatan yang parah dan ia dinilai *dha'if jiddan* oleh Syaikh 'Amr bin 'Ali Yasin dalam semakannya ke atas *Kitab al-Adzkar li al-Nawawi* (Dar Ibn Khuzaimah, Riyadh, 2001), hadis no: 674 *(Zikir-zikir ketika makan dan minum).*

yang tulen, yang belum mengalami perubahan.[60]

Tipu Daya # 6: Menjadi Jurucakap Allah.

Dalam ayat 169 surah al-Baqarah, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan:

Ia (syaitan) hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui. [al-Baqarah 2:169]

> Maksud *"…berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui"* ialah menjadi seumpama jurucakap Allah. Syaitan akan menghasut seseorang itu untuk menjadi jurucakap Allah yang bercakap tentang Allah dan Islam tanpa ilmu pengetahuan.

Apakah yang dimaksudkan dengan ***"…berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui"***? Mudahnya, ia seumpama menjadi jurucakap Allah. Syaitan akan menghasut seseorang itu untuk menjadi jurucakap Allah (*spokesman anad spokeswomen for god*), iaitu bercakap tentang Allah dan Islam tanpa ilmu pengetahuan. Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* ***"…berkata terhadap Allah***

---

[60] Lebih lanjut tentang maksud bid'ah, kriteria membezakan antara sunnah dan bid'ah serta bahaya-bahaya bid'ah kepada Islam dan umatnya, sila rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

apa yang kamu tidak ketahui” merujuk kepada orang-orang jahiliyah dan kafir musyrik yang mendakwa Allah memiliki anak, malaikat ialah anak perempuan Allah dan berhala-berhala mereka ialah wakil Allah di muka bumi. Maha Suci Allah dari semua dakwaan itu.

Ada pun pada masa kini, ***“…berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui”*** berlaku dalam beberapa bentuk. Berikut dikemukakan tiga contoh:

Contoh Pertama: Mengulas Sebab Di Sebalik Sesuatu Tragedi.

Apabila berlaku sesuatu tragedi alam seperti banjir, gempa bumi dan kemarau, akan ditemui orang-orang yang memberi ulasan: “Tragedi ini berlaku kerana kilang arak di sana”, atau “Semua ini berlaku kerana ajaran sesat penduduknya”. Seolah-olah yang mengulas itu mempunyai hubungan terus (*direct line*) dengan Allah dan seterusnya menjadi jurucakap Allah dalam menerangkan kenapa sesuatu tragedi itu berlaku. Yang benar dia hanya mempunyai hubungan terus dengan syaitan dan syaitan menipunya untuk ***“…berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui.”***

Benar bahawa semua tragedi, atau lebih tepat: *bala’* berlaku dengan kehendak Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Akan tetapi kita tidak tahu mengapa Allah menurunkan *bala’* tersebut. Lebih dari itu tidak semua *bala’* Allah turunkan kerana dosa yang pernah dilakukan oleh mangsanya. Ini kerana *bala’* juga boleh jadi satu ujian Allah kepada para hamba yang dicintai-Nya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلاَءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلاَهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

Sesungguhnya besarnya ganjaran berkadar terus dengan besarnya* bala'. *Sesungguhnya jika Allah mencintai satu kaum, Dia menurunkan* bala' *kepada mereka. Sesiapa yang redha maka Allah redha kepadanya dan sesiapa yang marah maka Allah murka kepadanya.[61]

Seandainya kita hidup bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan bertanya kepada baginda mengapa sesuatu *bala'* berlaku, nescaya baginda sendiri tidak berani berkata apa-apa melainkan diam sehingga turun wahyu dari Allah untuk menerangkan sebabnya. Oleh itu sikap yang benar dalam menghadapi sesuatu tragedi atau *bala'* bukanlah mengulas mengapa ia berlaku tetapi mengulas apa yang telah kita lakukan untuk membantu mangsanya.

Contoh Kedua: Menyampaikan Hadis Tanpa Menyemak Sumber Dan Darjatnya.

Menjadi satu kebiasaan di Malaysia bahawa hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* disampaikan tanpa memerhatikan sumber dan darjatnya. Apa saja yang dikenali sebagai hadis, maka ia terus dianggap sebagai benar-benar berasal

[61] **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396 *(Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar terhadap bala').*

dari mulut Rasulullah. Padahal apabila disemak hadis-hadis tersebut, nescaya kebanyakan darinya tidak memiliki asal usulnya atau memiliki darjat yang tidak menepati disiplin ilmu hadis sehingga tidak dapat disandarkan kepada Rasulullah.

Sama-sama diketahui bahawa ucapan Rasulullah adalah wahyu yang berasal dari Allah. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan dia (Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. [al-Najm 53:3-4]

Apabila sesuatu hadis disampaikan tanpa menyemak sumber dan darjatnya, orang yang menyampaikannya telah menjadikan hadis tersebut sebagai wahyu yang berasal dari Allah. Seolah-olah dia mempunyai hubungan terus (*direct line*) dengan Allah dan seterusnya menjadi jurucakap Allah dalam menerangkan hadis itu dan ini. Yang benar dia hanya mempunyai hubungan terus dengan syaitan dan syaitan menipunya untuk ***"…berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui."***

Benar bahawa jumhur ilmuan membolehkan hadis yang ringan kelemahannya disampaikan untuk tujuan keutamaan amal (*Fadhail al-Amal*) dan menganjurkan yang baik serta mengancam yang buruk (*al-Targhib wa al-Tarhib*). Akan tetapi kebolehan ini hanya khusus untuk ahli hadis kerana hanya mereka yang tahu kadar kelemahan sesuatu hadis. Para agamawan seperti imam, khatib, ustaz dan ustazah bukanlah ahli hadis, oleh itu kebolehan di

atas tidak meliputi mereka.

Contoh Ketiga: Membicara Agama Tanpa Ilmu.

Berbincang tentang Islam memang baik jika ia didasari kepada ilmu yang sahih. Sebaliknya berbincangan tentang Islam menjadi tercela jika ia dilakukan tanpa ilmu atau dengan ilmu yang menyeleweng. Mutakhir ini ramai orang yang suka berbincang tentang Islam. Sama ada ceramah di masjid, kuliah di surau, berbalas pandangan di internet atau sembang-sembang di kedai kopi, ramai yang suka berbincang tentang Islam. Tak kira sama ada orang-orang yang berbincang itu duduk dalam jurusan agama atau selainnya, pelbagai pemikiran, hukum dan petua dikemukakan tanpa henti. Seolah-olah Islam adalah sebuah cerpen agama, masing-masing boleh mengarang cerita khayalannya sendiri.

Tak kira sama ada orang-orang yang berbincang itu duduk dalam jurusan agama atau selainnya, pelbagai pemikiran, hukum dan petua dikemukakan tanpa henti. Seolah-olah Islam adalah sebuah cerpen agama, masing-masing boleh mengarang cerita khayalannya sendiri.

Lebih tepat, seolah-olah semua orang mempunyai hubungan terus (*direct line*) dengan Allah dan seterusnya menjadi jurucakap Allah untuk menerangkan sekian-sekian pemikiran, hukum dan petua berkenaan agama-Nya. Padahal dia hanya mempunyai hubungan terus dengan syaitan dan syaitan menipunya untuk ***"…berkata terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui."***

Jika hendak dibandingkan, 1400 tahun yang lalu terdapat seorang manusia yang terkenal amanah lagi jujur. Dia adalah seorang yang pendiam, tidak berkata-kata kecuali sesuatu yang benar dan bermanfaat. Dia adalah manusia yang amat disayangi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga Allah melantiknya menjadi pesuruh-Nya bagi menyampai agama yang terakhir kepada manusia. Orang yang saya maksudkan ialah Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam.* Akan tetapi sekali pun baginda memiliki kedudukan yang amat mulia di sisi Allah, Allah tetap memberi amaran kepadanya:

Dan kalaulah (Muhammad) mengatakan atas nama Kami sebarang kata-kata rekaan, sudah tentu Kami akan menyentapnya dengan kekuasaan Kami, kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya! [al-Haqqah 69:44-46]

Tipu Daya # 7: Memberi Nasihat.

Tipu daya syaitan yang ketujuh adalah sesuatu yang tidak kita sangka-sangkakan. Memang, enam tipu daya yang pertama juga tidak kita sangkakan. Akan tetapi yang ketujuh ini melebihi

enam yang pertama. Tipu daya syaitan yang ketujuh ialah, ia berpura-pura memberi nasihat kepada kita. Ia berbisik atau bercakap melalui lisan orang yang kita percayai sehingga kita yakin itu adalah nasihat yang jujur dari hati ke hati. Akan tetapi di sebalik nasihat tersebut, syaitan hanya ingin menyesat, mengkafir, memusyrik dan menjadikan kita ahli neraka.

Tipu daya ini diakui sendiri oleh syaitan:

Dan ia (syaitan) bersumpah kepada keduanya (Adam dan Hawa): "Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang memberi <u>nasihat</u> kepada kamu berdua." [al-A'raaf 7:21]

Satu contoh bagaimana syaitan melaksanakan tipu daya ini ialah seperti berikut:

(Allah berfirman) "Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu di dalam syurga serta makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai dan janganlah kamu hampiri pokok ini, (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari orang-orang yang zalim."

Setelah itu maka syaitan membisikkan (nasihat) kepada mereka berdua supaya (dapatlah) ia menampakkan kepada mereka akan aurat mereka yang (sekian lama) tertutup dari (pandangan) mereka, sambil ia berkata:

"Tidaklah Tuhan kamu berdua melarang kamu berdua daripada (menghampiri) pohon ini

Syaitan kadangkala membisikkan nasihatnya secara terus kepada orang yang ingin diganggunya. Pada ketika yang lain ia membisikkan nasihatnya kepada orang yang diyakini oleh orang yang ingin diganggunya.

melainkan (kerana Dia tidak suka) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi dari orang-orang yang kekal (selama-lamanya di dalam syurga).”

Dan ia (syaitan) bersumpah kepada keduanya (Adam dan Hawa): “Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang memberi nasihat kepada kamu berdua.” [al-A’raaf 7:19-21]

Dalam peristiwa di atas, syaitan memberi nasihat kepada Adam dan Hawa: ***“Tidaklah Tuhan kamu melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini melainkan (kerana Dia tidak suka) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi dari orang-orang yang kekal (selama-lamanya di dalam syurga).”*** Nasihat ini pada zahirnya kelihatan baik, tetapi ia sebenarnya bersikap batu api dan provokatif. Dengan nasihat ini syaitan ingin menimbulkan keraguan, buruk sangka dan permusuhan kepada Adam dan Hawa terhadap Allah. Setelah memberi nasihat itu, syaitan bersumpah bahawa ia bukan dari kalangan yang menghasut Adam dan Hawa dengan kemungkaran, tetapi: ***“Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang memberi nasihat kepada kamu berdua.”***

Dalam rangka melaksanakan tipu daya memberi nasihat, syaitan kadangkala membisikkan nasihatnya secara terus kepada orang yang ingin diganggunya. Pada ketika yang lain ia membisikkan nasihatnya kepada orang yang diyakini oleh orang yang ingin diganggunya. Diingatkan semula bahawa syaitan adakalanya menggunakan umat Islam sebagai agennya. Strategi ini pernah digunakan oleh syaitan terhadap para Nabi, maka bukanlah merupakan satu keanehan jika ia menggunakannya terhadap kita juga:

Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari <u>syaitan-syaitan manusia</u> dan jin, setengahnya <u>membisikkan</u> kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang <u>indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya</u>. [al-An'aam 6:112]

Berikut dikemukakan dua contoh bagaimana syaitan melaksanakan tipu daya # 7 ini dengan menggunakan agen-agen umat Islamnya:

Contoh Pertama: Masalah Rumah Tangga.

Kepada para pembaca sekalian, umpamakan anda memiliki masalah rumah tangga. Bagi yang belum, berlakonlah seolah-olah anda baru bernikah dan kini memiliki masalah rumah tangga. Umpamakan masalah tersebut ialah pasangan anda akhir-akhir ini menjauhkan diri dari anda. Pasangan anda tidak mengucapkan salam ketika masuk rumah, tidak duduk semeja untuk makan malam dan tidak lagi meluangkan masa bersenda gurau bersama anda.

Kemudian ceritakan masalah ini kepada rakan pejabat, jiran, saudara atau sesiapa lain. Nescaya akan didapati nasihat yang lebih kurang berbunyi:

- "Dia sekarang ada hubungan sulit dengan orang lain. Pergi selidik segera!"
- "Dia sekarang dah hilang citarasa kepada anda. Tengoklah perut anda yang boroi tu! Malam nanti bila dia tidur,

tiupkan di ubun-ubunnya ayat 31 surah ‘Ali Imran: *Qul inkuntum tuhibbuna…*”

- “Cuba semak emel dan sms dia, mungkin ada hubungan dengan kekasih lamanya.”
- “Ada orang dengki dengan kalian berdua. Pasti dah kena sihir agaknya.”
- “Hmm! *Confirm* buatan orang. Aku kenal seorang bomoh ini yang boleh bantu engkau lawan balik!”

Nasihat-nasihat di atas atau apa-apa lain yang senada berasal dari syaitan. Sekali pun ia terbit dari mulut orang yang kita kenali, syaitan telah menjadikan orang tersebut agennya dan membisikkan kepadanya nasihat yang berbentuk batu api dan provokatif. Dengan nasihat sedemikian syaitan bermaksud untuk membesarkan jurang masalah antara pasangan sehingga akhirnya mereka bergaduh dan bercerai.

Ingat! Syaitan yang dapat menceraikan pasangan suami isteri akan mendapat kedudukan yang istimewa dan pujian dari iblis. Maka dia akan mencuba pelbagai tipu daya untuk mencapai kejayaan tersebut. Dalam hadis yang telah dikemukakan dalam **Bab Ketiga** ketika mengupas ciri-ciri syaitan # 11, kita telah mempelajari sebuah hadis yang bermaksud: ***Kemudian datang seorang tentera (syaitan) yang lain dan berkata: “Tidaklah saya meninggalkan (orang yang saya ganggu) sehinggalah dia menceraikan isterinya.” Iblis menghampiri tentera itu dan***

berkata: "Anda hebat!"[62]

Ada pun rakan yang bukan agen syaitan, kita akan dapat mengenali mereka melalui nasihat yang membina lagi positif, umpama:

- Mungkin pasangan anda dimarahi ketua di pejabat sehingga menyebabkan dia merasa rendah diri. Gembirakanlah dia dengan puji-pujian bahawa dia adalah seorang ayah/ibu yang amat baik lagi disayangi oleh anak-anak.
- Kalian sudah sekian lama tidak pergi bercuti. *Take a few days off* dan pergilah bercuti ke Langkawi. Pastikan anda yang belanja kos percutian.
- Saya rasa ada sesuatu di fikirannya yang merungsingkan. Cubalah anda menghampirinya dan bertanya secara lemah lembut. Jadilah pendengar yang setia, nescaya dia akan meluahkan apa yang menjadikan dia rungsing.
- Bilakah kali terakhir kalian berdua pergi *dating*? Tinggalkan anak-anak di rumah bersama seorang penjaga dan pergilah makan malam di restoran kegemarannya. Hanya kalian berdua.
- Agaknya dia menjauhkan diri dari anda kerana anda sendiri menjauhkan diri darinya? Mungkin anda sedang rungsing memikirkan sesuatu atau ada masalah lain di bahu?

---

[62] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2813-2 *(Kitab Sifat al-Qiyamah wa al-Jannah…, Bab gangguan syaitan dan pengutusan tenteranya…).*

Dekatilah dia, nescaya dia akan mendekati anda. Kemudian berkongsilah cabaran yang sedang di hadapi.

Ada pun rakan yang telah dijadikan syaitan sebagai agennya, nasihatilah dia dengan baik. Sekali pun dia telah memberi kepada anda nasihat yang buruk, janganlah pula dibalas dengan nasihat yang buruk juga. Ingat:

Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan ucapan-ucapan yang amat baik; sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka; sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia. [al-Isra' 17:53]

Jika anda tidak pandai untuk memberi nasihat, hadiahkanlah kepada dia buku ini.

Contoh Kedua: Perkhidmatan Menghalau Syaitan.

Sejak beberapa bulan yang lalu, Zulkifli dan ahli keluarganya tidur lena setiap malam. Tidak ada yang menjagakan mereka kecuali bunyi deringan jam penggera pada pukul 7.30 pagi. Sejak rumah mereka dipagar dalam majlis yang dipimpin oleh imam masjid, Zulkifli tidak lagi mengalami gangguan makhluk ghaib di dalam rumahnya. Sebagai tanda terima kasih, Zulkifli tidak pernah lupa untuk mensedekah setandan pisang emas kepada masjid pada Jumaat pertama setiap bulan.

Akan tetapi pada pagi Ahad ini Zulkifli

termenung lama. Sekejap tadi rakan lamanya datang melawat. Ketika sedang duduk di sofa ruang tamu, dia kelihatan seperti melihat-lihat sesuatu di siling rumah. Sama ada siling ruang tamu, ruang makan mahu pun dapur, kelihatan seperti dia ada melihat sesuatu.

"Ada apa Rashid?" Zulkifli akhirnya memberanikan diri bertanya.

"Hmmm!"

"Ehh! Macam engkau nampak sesuatu je?" tanya Zulkifli lagi. Perasaan ingin tahu semakin melonjak, lebih-lebih lagi disebabkan rakannya itu orang kuat agama. Beliau belajar agama di Timur Tengah, dah naik haji enam kali, umrah entah berapa kali. Poket seluarnya tidak pernah kosong dari biji tasbih. "Orang-orang agama ini boleh nampak apa yang aku tak nampak!" hati Zulkifli mencelah.

"Ada apa Rashid?" ulang Zulkifli lagi. Kesabarannya mula menipis.

"Kamu ada merasai apa-apa gangguan atau perkara aneh di rumah? Rashid akhirnya membuka mulut.

"Err! Akhir-akhir ini takde. Tetapi sebelum ini adalah. Aku dah panggil imam masjid untuk memagar rumah. Hebat juga imam tu, sekarang dah OK."

"Oh begitu! Err...aku cerita sikit boleh?"

"Haa! Cerita apa? Teruskan. *My ears are all*

yours."

"Bismillah, dengan izin Allah, aku sebenarnya dapat melihat makhluk-makhluk ghaib. Aku dapat melihat apa yang engkau dan orang ramai tidak dapat melihat. Allah telah membuka hijab ini kepada aku" jelas Rashid dengan suara yang perlahan lagi penuh rendah diri. Matanya kini hanya fokus ke lantai.

"OK, syabas! Teruskan..."

"Bukan apa, apabila saja aku masuk pintu pagar rumah engkau, aku merasai kehadiran sesuatu. Apabila sudah masuk, ternyata aku lihat ada syaitan yang tertawan di siling-siling rumah engkau. Minta maaf...... maafkan aku, aku hanya mengkhabarkan sesuatu yang benar."

"Iyya ke? Tetapi aku dah pagar rumah ni beberapa bulan yang lalu."

"Benar, itulah yang menyebabkan makhluk-makhluk tu tertawan di siling". Ulas Rashid sambil mendongak sebentar ke siling, kemudian merendahkan kembali pandangannya ke lantai. "*Tawadhu'* sungguh sahabat aku ni. Dulu zaman sekolah tak pula macam ni. Baguslah." bisik hati Zulkifli. Rashid meneruskan dengan suara yang rendah:

"Dulu apabila kamu memagar rumah ini, ia berjaya menahan syaitan dari masuk ke dalam. Akan tetapi makhluk yang sudah sedia ada di dalam, mereka

tidak dapat keluar. Mereka tertawan di siling."

'Iyya ke? Patutlah aku rasa macam ada orang lain dalam rumah ni, tetapi aku buat-buat tak layan la. So ... sekarang macam nak halau yang tertawan di siling tu?"

Rashid menjeling ke jam tangan *Rado*nya. "Hmmm, aku ada *appointment* pukul 10 nanti di rumah hujung sana untuk halau syaitan. Aku tersampai awal, sebab itu aku singgah rumah engkau dulu, nak tengok rakan lama. Khidmat aku lazimnya setengah jam saja. Apa kata pukul 11 nanti aku singgah semula dan halau yang tertawan di siling tu?"

"Fuyoo! Engkau ini macam orang profesional saja?"

"Allah mengurniakan kepada hamba-Nya yang terpilih kedudukan masing-masing. Ada yang menjadi doktor, ada yang menjadi jurutera. Aku Allah pilih untuk menghalau makhluk yang mengganggu para hamba-Nya. Profesional tu tak lah, tetapi hari ini aku ada lima *appointment*. Jadi bila aku datang pukul 11 nanti, tak perlu sediakan makanan. Aku kena cepat, pukul 2 petang ada *appointment* lain."

"Orait! Gua tabik sama lu! Hmmm... engkau ada yuran ke?

"Terima kasih kerana bertanya. Biasanya tiga ratus ringgit. Tetapi kawan punya pasal, dua ratus cukuplah."

"Orait set! Aku tunggu engkau pukul 11 ya!"

Dalam contoh di atas, Rashid ialah agen syaitan. Bukan sebarangan agen, tetapi agen yang profesional. Agen-agen seperti ini banyak yang dikader oleh syaitan. Mereka menziarahi rumah, kedai, pejabat, kilang atau asrama, lalu memberi nasihat kepada para penghuninya tentang kehadiran syaitan, kemudian menawarkan khidmat menghalaunya. Apabila para penghuni menaruh keyakinan kepada agen-agen tersebut untuk menghalau syaitan dengan sekian jampi-jampian dan tangkal, tercapailah objektif syaitan untuk menyesatkan para penghuni tersebut.

Terdapat beberapa cara untuk membuktikan bahawa yang menziarah itu ialah agen-agen syaitan:

1. Dia akan mendakwa melihat atau mengetahui kehadiran syaitan di rumah anda. Ini adalah pendustaan kerana syaitan adalah ghaib, ia tidak dapat dikesan oleh deria manusia.
2. Dia akan menawarkan khidmatnya untuk menghalau syaitan tersebut. Tawaran ini memusykilkan. Mengapa minta izin? Teruslah menghalaunya. Tawaran ini tidak lain seumpama orang yang nampak pencuri yang sedang berusaha memasuki rumah jirannya. Dia tidak terus menghalau pencuri itu, sebaliknya menalifon jirannya meminta izin: "Mat, aku nampak ada pencuri sedang cuba buka pintu belakang rumah engkau. Engkau nak ke khidmat aku untuk menghalaunya?"

   Di sini mungkin ada yang berpendapat, permintaan izin dilakukan terlebih dahulu kerana mungkin syaitan yang dimaksudkan adalah peliharaan tuan rumah. Pendapat ini dijawab: Bolehkah anda membeza antara pencuri yang sedang cuba membuka pintu dan anak jiran yang sedang cuba membuka pintu? Tentu boleh. Maka demikianlah juga, jika orang itu benar-benar dapat melihat syaitan, dia

akan dapat membezakan sama ada itu adalah peliharaan atau tetamu yang tidak dijemput.

3. Jika seseorang itu benar-benar dapat menghalau syaitan, maka syaitan akan lari sebelum dia menghalau mereka. Ini kerana syaitan amat takut kepada orang yang ikhlas dalam beragama, kuat imannya, teguh ketaqwaannya, menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup dan al-Sunnah sebagai jalannya.

   Hanya orang seperti ini yang mampu menghalau syaitan. Akan tetapi dia tidak perlu menghalaunya kerana syaitan itu sendiri akan menjauhkan diri darinya. Maka jika orang seperti ini masuk ke dalam sebuah rumah yang dihuni syaitan, syaitan-syaitan itu akan serta merta lari bertempiaran.

4. Dia akan menampilkan sifat-sifat rendah diri dan beragama. Sifat-sifat ini adalah solekan semata-mata untuk meraih keyakinan penghuni rumah. Yang menjadi ukuran ialah tindak tanduknya sama ada menepati al-Qur'an dan al-Sunnah atau tidak. Ada pun sifat mahu pun perkataannya, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah mengingatkan kita:

   Dan di antara manusia ada orang yang tutur katanya mengenai hal kehidupan dunia, menyebabkan engkau tertarik hati (mendengarnya), dan dia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal dia adalah orang yang amat keras permusuhannya (kepadamu). [al-Baqarah 2:204]

5. Seandainya benar rumah tersebut dihuni syaitan, orang yang mengetahuinya akan mengajar para penghuni rumah cara-cara menghalaunya. Ini kerana cara-cara untuk

menghalau syaitan hendaklah dilaksanakan sendiri oleh orang yang menghuni rumah tersebut. Jika dilaksanakan oleh orang lain yang hanya menziarah sekadar setengah jam, syaitan akan kembali sebaik saja orang itu balik. Ingat! Syaitan tidak jahil tetapi manusialah yang jahil.

Apa dan bagaimana cara-cara menghalau syaitan tersebut? Ikutilah bab seterusnya *insya-Allah*. Sebelum itu ingin ditarik perhatian para pembaca sekalian bahawa cara syaitan melaksanakan tipu daya-tipu dayanya bukanlah secara serta-merta, akan tetapi secara bertahap-tahap. Jika syaitan melakukannya dengan serta-merta, ia tahu umat Islam akan mudah menangkap tipu daya tersebut. Dalam ayat 64 surah al-Isra', Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman berkenaan syaitan:

Dan bertahap-tahaplah dalam memujuk sesiapa yang engkau dapat dengan suaramu dan kerahlah penyokong-penyokongmu… [al-Isra' 17:64]

BAB KELIMA:

LIMA STRATEGI MELAWAN SYAITAN.

Setelah mempelajari berkenaan syaitan dari pelbagai sudut, kini tiba masanya untuk kita belajar bagaimana untuk melawan syaitan. Caranya tidak susah, hanya lima strategi yang perlu dipelajari dan dilakukan:

1. Ikhlas Dalam Beragama.
2. Takut Kepada Allah.
3. Jangan Ikut syaitan.
4. Berjamaah.
5. Zikir dan Doa.

Strategi # 1: Ikhlas Dalam Beragama.

Apabila iblis berjanji kepada Allah untuk menyesat, mengkafir, memusyrik dan menjadikan umat Islam ahli neraka, iblis dengan sendirinya mengakui bahawa ia tidak dapat melaksanakan janji tersebut kepada satu golongan orang, iaitu mereka yang ikhlas. Perhatikan ayat-ayat berikut:

Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Jika demikian, berilah tempoh kepadaku hingga ke hari mereka dibangkitkan (Hari Kiamat)." Allah berfirman: "Dengan permohonanmu itu, maka sesungguhnya engkau dari golongan yang diberi tempoh. Hingga ke hari - masa yang termaklum."

Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperindahkan (segala jenis kemungkaran) kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba-Mu di antara mereka yang ikhlas." [al-Hijr 15:36-40]

Iblis mengulangi pengecualian ini dalam ketika yang lain:

"Kecuali hamba-hamba-Mu di antara mereka yang ikhlas."

Dalam dua ayat di atas, syaitan telah membongkarkan

rahsianya yang amat penting. Dalam melaksanakan perjanjian dan permusuhannya kepada umat Islam sehingga Hari Kiamat, syaitan hanya tertahan kepada satu golongan orang. Mereka itu ialah orang-orang yang ikhlas dalam beragama.

Apakah yang dimaksudkan dengan ikhlas? Ia adalah melakukan sesuatu semata-mata kerana Allah. Saya yakin para pembaca sekalian sebelum ini telah mengetahui tentang ikhlas dalam solat, ikhlas dalam berpuasa dan ikhlas dalam berzikir. Ia bererti mendirikan solat kerana Allah dan bukannya kerana emak mertua yang datang melawat. Ia bererti berpuasa kerana Allah dan bukannya kerana mengelak dari disindir oleh pelajar-pelajar di kolej. Ia bererti berzikir kerana Allah dan bukannya kerana ingin menunjukkan sifat *wara'* kepada rakan-rakan di pejabat.

> Pada masa kini keikhlasan kerana agama amat sukar untuk ditemui. Di sana-sini, kita tidak akan menemui orang yang memiliki penghayatan agama melainkan dia melakukannya kerana tuan gurunya, alirannya atau jamaahnya.

Ada pun ikhlas yang dikecualikan oleh syaitan, maka ia adalah keikhlasan yang berlaku dalam konteks yang lebih besar. Ia adalah keikhlasan yang melibatkan keseluruhan agama dan bukan sekadar amalan-amalan tertentu di dalam agama. Ertinya, kita beragama, memperjuangkan agama, membela agama dan melakukan kerja agama semuanya kerana Allah.

Pada masa kini keikhlasan kerana agama amat sukar untuk ditemui. Di sana-sini, kita tidak akan menemui orang yang memiliki penghayatan agama melainkan dia melakukannya kerana tuan gurunya, kedudukannya, alirannya atau jamaahnya. Yang

dimaksudkan dengan jamaah ialah parti, persatuan, pertubuhan dan organisasi.

Maka dari sini, strategi # 1 untuk melawan syaitan ialah ikhlas dalam beragama. Hendaklah kita merenung kembali tujuan kita beragama. Seandainya ia 100% kerana Allah, maka peliharalah keikhlasan tersebut. Jika belum mencapai 100% kerana Allah, maka perbetulkanlah kerana syaitan akan menyelit masuk dengan segala tipu dayanya dalam kekurangan tersebut.

Strategi # 2: Takut Kepada Allah.

Sekali pun syaitan dan segala ciri dan tipu dayanya kelihatan hebat, ia memiliki satu kelemahan: Ia takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Kelemahan ini diakuinya sendiri, sebagaimana yang dapat kita lihat pada ayat berikut:

Dan (ingatlah) ketika syaitan memperindahkan kepada mereka amalan (mungkar) mereka serta menghasut mereka dengan berkata: "Pada hari ini tidak ada sesiapa pun dari umat manusia yang dapat mengalahkan kamu dan sesungguhnya aku adalah pelindung dan penolong kamu."

Maka apabila kedua-dua pihak (angkatan tentera Islam dan musyrik) masing-masing kelihatan (berhadapan), syaitan berundur ke belakang sambil berkata: "Aku berlepas diri dari kamu, kerana aku dapat melihat apa yang kamu tidak dapat melihatnya; sesungguhnya aku takut kepada Allah ***dan Allah sangatlah berat azab seksa-Nya."*** [al-Anfal 8:48]

Ayat di atas merujuk kepada peristiwa Perang Badar. Sebelum peperangan, syaitan menghasut segelintir umat Islam

dengan sikap riya' dan hebat. Akan tetapi apabila saja pasukan umat Islam berhadapan dengan musuh, syaitan mengundurkan diri sambil berkata: ***"Aku berlepas diri dari kamu, kerana aku dapat melihat apa yang kamu tidak dapat melihatnya; sesungguhnya aku takut kepada Allah dan Allah sangatlah berat azab seksa-Nya."***

Oleh kerana itu janganlah kita takut kepada syaitan tetapi takutlah kepada Allah:

Sesungguhnya yang demikian itu ialah syaitan yang menakut-nakutkan (kamu terhadap) penolong-penolongnya (kaum kafir musyrik). Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku, jika betul kamu orang-orang yang beriman. ['Ali Imran 3:175]

Takut kepada Allah bukanlah bererti menjauhkan diri daripada Allah, tetapi sebaliknya semakin menghampiri-Nya dan semakin meneguhkan keimanan kepada-Nya. Ini dilakukan dengan memuliakan al-Qur'an, menghormati Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam,* mengunggulkan wahyu di atas akal, mentaati perintah larangan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, berkeyakinan hanya Allah yang dapat memberi manfaat atau mudarat, bertawakkal kepada Allah dan mencari keredhaan Allah dalam segala pemikiran serta perbuatan.

Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai sebarang kekuasaan terhadap orang-orang yang beriman dan yang bertawakkal kepada Tuhan mereka. Sesungguhnya kekuasaan syaitan itu hanyalah terhadap orang-orang yang menjadikan ia pemimpin mereka, dan orang-orang yang dengan sebab

hasutannya melakukan syirik kepada Allah. [al-Nahl 16:99-100]

Jika kita takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala,* maka syaitan akan takut dari mengganggu kita. Sebaliknya jika kita tidak takut kepada Allah, maka syaitan juga tidak akan takut dari mengganggu kita.

Sebagai contoh, cara sebenar untuk memagar rumah ialah membaca *Basmalah* setiap kali memasuki rumah dan ketika hendak menutup pintu. Kemudian hendaklah para penghuni rumah beristiqamah dengan amalan-amalan yang menepati al-Qur'an dan al-Sunnah seperti pergi solat berjamaah, membaca al-Qur'an khasnya surah al-Baqarah dan melayani ahli keluarga dengan baik. Pada waktu yang sama jangan dilakukan perkara-perkara mungkar di dalam rumah. Cara ini akan menakutkan syaitan dari memasuki rumah dan mengganggu para penghuninya.

Contoh lain, jika seorang yang dengki mencabar untuk menyihir anda, jangan takut kepada sihir tetapi takutlah kepada Allah. Sihir adalah kerja syaitan dan ia hanya mampu melakukannya jika anda takut kepadanya. Sebaliknya jika anda takut kepada Allah, syaitan juga takut kepada anda dan tidak akan dapat melakukan sihir tersebut. Diulangi bahawa takut kepada Allah bererti yakin sepenuhnya bahawa hanya Allah yang dapat memberi manfaat atau mudarat. Merujuk kepada perbuatan sihir, ia tidak akan memberi mudarat melainkan dengan izin Allah:

Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua (Harut dan Marut) ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau

membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun <u>melainkan dengan izin Allah</u>. [al-Baqarah 2:102]

Seandainya sihir tersebut benar-benar berlaku, maka ia bukanlah kerana kekuasaan syaitan tetapi kerana kehendak Allah yang ingin menguji para hamba yang dicintai-Nya. Diulangi hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلاَءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلاَهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ.

Sesungguhnya besarnya ganjaran berkadar terus dengan besarnya **bala'*. Sesungguhnya jika Allah mencintai satu kaum, Dia menurunkan*** **bala'** ***kepada mereka. Sesiapa yang redha maka Allah redha kepadanya dan sesiapa yang marah maka Allah murka kepadanya.***[63]

[63] **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2396 *(Kitab al-Zuhud, Bab berkenaan sabar terhadap bala').*

Strategi # 3: Jangan Mengikuti Syaitan.

Strategi ketiga ialah menahan diri dari mengikuti syaitan. Dalam strategi # 2 telah dikemukakan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai sebarang kekuasaan terhadap orang-orang yang beriman dan yang bertawakkal kepada Tuhan mereka. Sesungguhnya kekuasaan syaitan itu hanyalah terhadap orang-orang yang menjadikan ia pemimpin mereka, dan orang-orang yang dengan sebab hasutannya melakukan syirik kepada Allah. [al-Nahl 16:99-100]

Sesungguhnya kekuasaan syaitan itu hanyalah terhadap orang-orang yang menjadikan ia pemimpin mereka...

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

Telah ditetapkan kepada (tiap-tiap) syaitan itu, bahawa sesiapa yang menjadikannya pemimpin, maka sesungguhnya ia akan menyesatkannya dan memberi hidayah kepada azab neraka. [al-Hajj 22:04]

Dalam dua ayat di atas, Allah menerangkan bahawa

kekuasaan syaitan hanyalah terhadap orang-orang yang menjadikan ia sebagai pemimpin. Dalam erti kata lain, syaitan hanya mampu mengganggu orang-orang yang mengikutinya. Oleh kerana itulah dalam banyak ayat yang lain, Allah melarang kita dari menjadi pengikut syaitan. Ayat-ayat yang dimaksudkan ialah:

Allah berfirman (kepada iblis): "Keluarlah engkau dari Syurga sebagai makhluk yang terhina serta terusir. Sesungguhnya sesiapa di antara mereka (manusia) yang mengikutimu, tetaplah aku akan memenuhi neraka jahanam dengan (golongan) kamu semuanya. [al-A'raaf 7:18]

Allah berfirman (kepada iblis): "Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka kecuali sesiapa yang mengikutimu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri)." [al-Hijr 15:42]

Allah berfirman (kepada iblis): "Pergilah (lakukanlah apa yang engkau rancangkan)! Kemudian siapa yang mengikutimu di antara mereka (manusia), maka sesungguhnya neraka Jahannamlah balasan kamu semua, sebagai balasan yang cukup." [al-Isra' 17:63]

Secara terperinci, yang dimaksudkan ialah jangan mengikuti jejak langkah syaitan:

Dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata

(dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui. [al-Baqarah 2:168-169]

Dan janganlah kamu menurut <u>jejak langkah</u> syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata. [al-An'aam 6:142]

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut <u>jejak langkah</u> syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. [al-Nur 24:21]

Apakah jejak langkah syaitan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melarang kita dari mengikutinya? Ia adalah apa jua yang berkaitan dengan syaitan. Dengan merujuk dari awal buku ini, jejak langkah tersebut dapat diringkaskan sebagai:

Pertama: Jangan bersikap *takbur*.[64]

Jangan mengikuti jejak langkah syaitan yang *takbur* terhadap perintah Allah untuk sujud kepada Adam. *Takbur* ialah sikap ujub, menghina orang lain, mengunggulkan akal di atas wahyu dan mempersoalkan perintah Allah.

Lawan kepada sikap *takbur* ialah *tawadhu'*, iaitu rendah diri. Maka setiap kali apabila kita membaca atau mendengar "Firman Allah…" dan "Sabda Rasulullah…", janganlah *takbur*. Sebaliknya rendahkanlah diri untuk mentaati dan melaksanakannya

---

[64] Ini merupakan ringkasan dari Bab Kedua.

sesempurna mungkin. Semua ini dilakukan tanpa mengira siapa yang menyampaikan "Firman Allah…" dan "Sabda Rasulullah…" tersebut atau sama ada "Firman Allah…" dan "Sabda Rasulullah…" tersebut sesuai dengan kehendak kita atau tidak.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

(Yang demikian) kerana Allah hendak menjadikan hasutan syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang-orang yang ada penyakit (*takbur*) dalam hati mereka dan <u>yang hatinya keras membatu</u>; dan sesungguhnya mereka yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh dari kebenaran.

Lawan kepada sikap *takbur* ialah *tawadhu'*, iaitu rendah diri. Maka setiap kali apabila kita membaca atau mendengar "Firman Allah…" dan "Sabda Rasulullah…", janganlah *takbur*.

Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu lalu mereka beriman kepadanya sehingga <u>tunduk taatlah hati</u> mereka mematuhinya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus. [al-Hajj 22:53-54]

Sebagai contoh apabila membaca firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qishash" dalam perkara orang-orang

yang mati dibunuh. [al-Baqarah 2:178], jangan *takbur* terhadapnya dengan membuat takwilan: "Itu hukum zaman unta, sekarang zaman kereta kita guna hukum penjara sahaja!"[65] Kemudian apabila mendengar hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أَلاَ مَنْ وَلِيَ عَلَيْهِ وَالٍ فَرَآهُ يَأْتِي شَيْئًا مِنْ مَعْصِيَةِ اللَّهِ فَلْيَكْرَهْ مَا يَأْتِي مِنْ مَعْصِيَةِ اللَّهِ وَلاَ يَنْزِعَنَّ يَدًا مِنْ طَاعَةٍ.

Ketahuilah! Sesiapa yang dipimpin oleh seorang pemimpin lalu dia melihat sesuatu kemaksiatan kepada Allah (yang dilakukan oleh pemimpin itu), maka bencilah kemaksiatan kepada Allah tersebut. Akan tetapi jangan menarik ketaatannya (kepada pemimpin itu).[66], jangan *takbur* dengan menafikannya seraya berkata: "Pemimpin sekarang tidak menjalankan hukuman *Qishash*, maka tidak perlu taat setia kepadanya!" Ini kerana berdasarkan hadis di atas dan banyak lain yang seumpama, kita hanya dibolehkan membenci kemaksiatan pemimpin tersebut yang tidak menjalankan hukuman *Qishash*. Ia tidak bererti kebolehan untuk menarik ketaatan darinya secara keseluruhan.[67]

---

[65] Lebih lanjut tentang hukuman *Qishash* dan lain-lain bentuk hukuman jenayah dalam Islam, rujuk risalah saya *Berkenalan Dengan Ciri-Ciri Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Hukuman Jenayah* yang dimuatkan dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 6)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

[66] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 1855-2 *(Kitab al-Imarah, Bab para imam yang baik dan buruk)*.

[67] Lebih lanjut berkenaan hukum politik Islam di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,* sila rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Kedua: Jangan mengikuti ciri-ciri syaitan.[68]

Hendaklah sedaya mungkin kita menjauhi ciri-ciri syaitan yang telah dikemukakan dalam Bab Ketiga seperti:

1. Jangan menguap. Jika tidak dapat menahannya, jangan mengeluarkan bunyi ketika menguap.
2. Jangan makan dan minum dengan tangan kiri. Apa jua perkakas yang digunakan untuk makan, hendaklah menggunakan tangan kanan.
3. Jangan membiarkan makanan tersisa, sama ada di pinggan atau yang terjatuh.
4. Jangan membazir. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, maksudnya: ***Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan.*** [al-Isra' 17:27] Membazir ialah melakukan perkara secara sia-sia tanpa mengira sama ada sedikit atau banyak.

   Sebagai contoh, orang yang tidur sehingga lewat pagi telah membazir masanya sekali pun dia memiliki masa lapang pada keseluruhan hari tersebut. Orang yang menghisap rokok telah membazir wang dan kesihatannya sekali pun dia hanya menghisap sebatang dalam seminggu.

   Orang yang melakukan pembaziran, dia adalah saudara syaitan. Ada pun alasan-alasan seperti tidur yang lebih pada hujung minggu hanyalah untuk merehatkan badan atau

---

68 Ini merupakan ringkasan dari Bab Ketiga.

merokok itu menenangkan fikiran, mencegah sifat mengantuk dan meramaikan kawan, ia hanyalah alasan-alasan dari syaitan untuk memperindahkan perkara mungkar (Tipu Daya # 2).

5. Jangan minum secara berdiri.

6. Jangan tidur sepanjang malam sehingga matahari naik. Hendaklah bangun ketika azan untuk pergi bersolat Subuh berjamaah. Selepas itu disambung terus dengan aktiviti yang bermanfaat sehinggalah waktu siang kerana waktu pagi adalah waktu yang diberkati. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berdoa:

   اللّٰهُمَّ بَارِكْ لأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا.

   Ya Allah! Berkatilah umat aku pada pagi hari.[69]

   Setelah itu hendaklah tidur sebentar pada waktu siang kerana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

   قِيْلُوْا، فَإِنَّ الشَّيَاطِيْنَ لاَ تَقِيْلُ.

   Tidurlah pada siang hari kerana sesungguhnya syaitan-syaitan tidak tidur pada siang hari.[70]

   Kemudian bangun melakukan aktiviti yang bermanfaat

---

[69] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2606 *(Kitab al-Jihad, Bab berangkat pada waktu pagi).*

[70] **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Nu‘aim dan sanadnya dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 1647.

hingga waktu Isya’. Ditegah daripada bersembang-sembang kosong selepas waktu Isya’. Abu Barzah *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* membenci tidur sebelum waktu Isya’ dan bersembang-sembang selepas waktu Isya’.[71]

Hendaklah tidur awal agar mudah membuka tiga simpulan syaitan yang menghalang kita dari bangun malam *berqiamulail.* Bahkan dengan terbukanya tiga simpulan tersebut, kita akan dapat memulakan hari esoknya dengan bersemangat, bermotivasi dan ceria. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda berkenaan tiga simpulan ini:

يَعْقِدُ الشَّيْطَانُ عَلَى قَافِيَةِ رَأْسِ أَحَدِكُمْ إِذَا هُوَ نَامَ ثَلاَثَ عُقَدٍ يَضْرِبُ كُلَّ عُقْدَةٍ مَكَانَهَا عَلَيْكَ لَيْلٌ طَوِيلٌ فَارْقُدْ. فَإِنْ اسْتَيْقَظَ فَذَكَرَ اللَّهَ انْحَلَّتْ عُقْدَةٌ. فَإِنْ تَوَضَّأَ انْحَلَّتْ عُقْدَةٌ. فَإِنْ صَلَّى انْحَلَّتْ عُقَدُهُ كُلُّهَا. فَأَصْبَحَ نَشِيطًا طَيِّبَ النَّفْسِ وَإِلاَّ أَصْبَحَ خَبِيثَ النَّفْسِ كَسْلاَنَ.

Syaitan mengikat di atas kepala seseorang kalian yang tidur dengan tiga simpulan dan menjadikan setiap simpulan pada tempat yang sepatutnya, lalu berkata: “Bagi kamu malam yang panjang, tidurlah!”.

Apabila orang itu bangun dan mengingati Allah, terbukalah satu simpulan. Apabila orang itu berwudhu’,

---

[71] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 568 *(Kitab Mawaqit al-Solat, Bab berkenaan dibenci tidur sebelum Isya’).*

terbukalah satu lagi simpulan. Apabila orang itu bersolat, terbukalah semua simpulan. Maka pada pagi harinya diri orang tersebut bersemangat lagi ceria. Sedangkan jika tidak (yakni semua simpulan masih terikat kerana tidak bangun malam) maka pada pagi harinya diri orang tersebut malas dan murung.[72]

7. Jangan memasuki rumah, menutup pintu rumah, makan, minum dan menutup bekas makanan serta minuman melainkan dengan membaca *Basmalah.*
8. Jangan melakukan sikap-sikap buruk seperti pemikiran yang sia-sia, melayan bisikan negatif, imaginasi yang buruk, malas, cemburu, marah, merungut, dengki, riya', buruk sangka dan lain-lain.
9. Jangan menggunakan khidmat syaitan seperti berjumpa bomoh meminta ramalan, mencari barang hilang, meminta jampi-jampian dan menjatuhkan sihir kepada orang lain.
10. Jangan sengaja keluar rumah pada waktu senja.
11. Jangan membazir masa di pasar, pasaraya, pusat membeli belah, bursa saham dan tempat-tempat lain yang seumpama.

Ketiga: Jangan mengikuti tipu daya syaitan.[73] (Bab Keempat).

Hendaklah mengkaji secara teliti ketujuh-tujuh tipu daya syaitan dan menyemak sama ada ia memiliki kaitan dengan apa saja

---

[72] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 3269 *(Kitab Bad'i al-Khalq, Bab sifat iblis dan tenteranya).*

[73] Ini merupakan ringkasan dari Bab Keempat.

yang kita lakukan baik sebelum, semasa dan akan datang. Jika ia memiliki kaitan, segeralah menjauhkan diri darinya dan berilah amaran kepada orang lain.

Strategi # 4: Berjamaah.

> Tidak ada yang difikirkan, tidak ada yang diusahakan, tidak ada yang ditujukan kesetiaan, tidak ada yang diberikan pembelaan, tidak ada yang ditumpahkan perasaan cinta dan akrab melainkan sesama umat Islam seluruhnya. Inilah maksud jamaah.

Hendaklah kita berjamaah. Jamaah yang dimaksudkan bukanlah sesuatu parti, persatuan, pertubuhan atau organisasi, tetapi keseluruhan umat Islam sebagai satu jamaah. Hendaklah kita semua bersatu sebagai umat Islam. Tidak ada yang difikirkan, tidak ada yang diusahakan, tidak ada yang ditujukan kesetiaan, tidak ada yang diberikan pembelaan, tidak ada yang ditumpahkan perasaan cinta dan akrab melainkan sesama umat Islam seluruhnya.

Syaitan memiliki peranan yang utama dalam urusan berjamaah atau berpecah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

فَإِنَّ يَدَ اللهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ يَرْتَكِضُ.

Sesungguhnya tangan Allah bersama al-Jama'ah dan sesungguhnya syaitan berlari bersama orang yang memecah-belahkan al-Jama'ah.[74]

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَة فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنْ لإِثْنَيْنِ أَبْعَدُ مَنْ أَرَادَ بُحْبُوحَةَ الْجَنَّةِ فَلْيَلْزَمْ الْجَمَاعَةَ.

Wajib ke atas kalian berjamaah. Berhati-hatilah dari perpecahan kerana sesungguhnya syaitan bersama orang yang bersendirian (yakni berpecah) dan menjauhi orang yang berdua (yakni berjamaah). Sesiapa yang mengingini tempat di tengah-tengah syurga, maka hendaklah dia sentiasa berjamaah.[75]

Seorang sahabat Nabi bernama Abu Tsa'labah al-Khusyani *radhiallahu 'anh* menceritakan bahawa pada satu masa, apabila orang ramai bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang berada dalam satu perjalanan singgah beristirehat, mereka berpecah-pecah menuju ke lembah-lembah dan lereng-lerang bukit.

---

[74] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 4577 *(Kitab al-Siyar, Bab mentaati para imam).*

[75] **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2165 *(Kitab al-Fitan, Bab berkenaan sentiasa berjamaah).*

Melihat yang sedemikian, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ تَفَرُّقَكُمْ فِي هَذِهِ الشِّعَابِ وَالأَوْدِيَةِ إِنَّمَا ذَلِكُمْ مِنْ الشَّيْطَانِ.

Sesungguhnya berpecah-pecahnya kalian ke lembah-lembah dan lereng-lerang bukit tidak lain adalah perbuatan syaitan.

Abu Tsa'labah al-Khusyani meneruskan bahawa setelah itu tidaklah mereka singgah di satu tempat melainkan yang satu bergabung dengan yang lain, seolah-olah jika dibentangkan sehelai kain, nescaya ia menutupi mereka semua.[76]

Berdasarkan hadis-hadis di atas, dapat kita ketahui bahawa syaitan benci kepada jamaah dan menyukai perpecahan. Ia akan sentiasa mencari jalan agar kita umat Islam sentiasa berpecah kepada pelbagai kumpulan dan aliran, kemudiannya saling bermusuhan serta ujub di antara satu sama lain. Bahkan syaitan juga akan mencari jalan agar ahli-ahli dalam satu kumpulan atau aliran saling berpecah, saling bermusuhan dan saling bermegah.

Oleh itu hendaklah kita sentiasa berjamaah dengan cara:

---

[76] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2628 *(Kitab al-Jihad, Bab perintah agar para pejuang sentiasa berkumpul).*

Lebih lanjut tentang hukum jamaah-jamaah yang ada di dunia Islam masa kini termasuk di Malaysia, rujuk risalah saya *Perkara Ke-12 Yang Mencemari Kemurnian Tauhid: Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama* yang dimuatkan dalam buku saya *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Pertama:

Menyedari bahawa berjamaah adalah salah satu asas terpenting agama. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai. ['Ali Imran 3:103]

Oleh itu janganlah asas ini diruntuhkan semata-mata kerana hal remeh atau kepentingan peribadi.

Kedua:

Menjauhi sikap buruk sangka dan sengaja mencari-cari kesalahan di antara sesama umat Islam. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa;

Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain.

Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. [al-Hujerat 49:12]

Seandainya berlaku salah faham atau terdengar berita yang kurang baik berkenaan sesama umat Islam, segeralah untuk mencari pencerahan (*clarification*) terhadapnya. Pada zaman ini kita memiliki pelbagai teknologi canggih seperti emel dan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk melakukan pencerahan secara segera. Manfaatkanlah segala sarana yang ada, jangan dilengah kerana syaitan akan mencelah untuk membesarkan sesuatu yang sebenarnya kecil. Sila rujuk semula hadis pertama ketika mengupas Ciri syaitan # 15.

Seandainya berlaku salah faham atau terdengar berita yang kurang baik berkenaan sesama umat Islam, segeralah untuk mencari pencerahan (*clarification*) terhadapnya. Manfaatkanlah segala sarana yang ada, jangan dilengah kerana syaitan akan mencelah untuk membesarkan sesuatu yang sebenarnya kecil.

Jika tidak dapat melakukan pencerahan, maka hendaklah kita berbaik sangka kepadanya. 'Umar al-Khaththab *radhiallahu 'anh* berkata: Janganlah kamu berprasangka terhadap kalimat yang keluar dari saudara kamu yang beriman kecuali dengan prasangka yang baik selama kamu dapati kemungkinan untuk memahaminya dengan pemahaman yang baik.[77]

Seorang tokoh generasi awal Islam, Abu Qilabah (104H) *rahimahullah* berpesan: Apabila sampai kepada kamu berita tentang saudara kamu yang tidak menyenangkan, maka carilah untuk dia sesuatu

---

[77] Disebut oleh Ibn Kathir dalam *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim,* jld. 4, ms. 193, (*tafsir bagi ayat 49:12*).

alasan dengan kesungguhan usaha kamu. Dan jika tidak menemuinya, maka katakanlah kepada diri kamu: "Barangkali dia mempunyai alasan yang aku tidak mengetahuinya".[78]

Ketiga:

Bersikap adil dalam menilai sesama muslim. Jangan mencari-cari kesalahannya atau membesar-besarkan sesuatu yang sebenarnya kecil. Jika ditemui sesuatu yang pada zahirnya kelihatan sebagai satu kesalahan, selidikilah ia. Ingat! Apabila Ahmad berkata Jamal salah, wujud empat kemungkinan:

1. Jamal memang salah.
2. Berlaku salah faham atau salah komunikasi antara Ahmad dan Jamal.
3. Ilmu Ahmad tidak meliputi ilmu Jamal.
4. Ahmad dengki kepada Jamal.

Lazimnya yang berlaku ialah kemungkinan dua, tiga dan empat. Oleh itu berlaku adillah kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan.

---

[78] Dikeluarkan oleh Abu Nu'aim dalam *Hilyah al-Auliya',* no: 2411 (*Tabaqat Ahl al-Madinah: 'Abd Allah bin Zaid al-Jarami*).

Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. [al-Maidah 5:08]

Keempat:

Menjauhi kedengkian, iaitu membenci sesuatu kebaikan yang ada pada saudaranya semuslim. Kedengkian adalah punca utama perpecahan sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala:*

Dan tiadalah umat tiap-tiap Rasul berpecah belah (dalam menjalankan agama Allah) melainkan setelah sampai kepada mereka ajaran-ajaran yang memberi mereka mengetahui (apa yang benar dan apa yang salah); berlakunya (perselisihan yang demikian) semata-mata kerana dengki sesama sendiri. [al-Syura 42:14]

Sebegitu besar peranan kedengkian sebagai faktor utama perpecahan sehingga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengajar kita doa untuk membersihkan kedengkian tersebut:

Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat. [al-Hasyr 59:10]

Strategi # 5: Zikir.

Strategi yang kelima ialah zikir, iaitu mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan cara yang disyari‘atkannya. Terdapat tiga jenis zikir untuk kita melawan syaitan, iaitu:

Pertama: *Basmalah.*

Apabila kita hendak memulakan apa jua urusan, mulailah dengan menyebut *Bismillahi Rahmani Rahim*. Sebelum ini telah dikemukakan banyak hadis-hadis yang mengajar kita membaca *Basmalah* apabila mula melakukan sesuatu perkara.

Walaubagaimana pun membaca *Basmalah* tidak terhad kepada urusan-urusan memasuki rumah dan mengunci pintu sahaja. Oleh kerana syaitan turut serta dalam apa jua urusan yang kita buat, maka dengan itu kita mendahului semuanya dengan *Basmalah*. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَحْضُرُ أَحَدَكُمْ عِنْدَ كُلِّ شَيْءٍ مِنْ شَأْنِهِ...

Sesungguhnya syaitan hadir di sisi seseorang kalian pada setiap sesuatu yang kalian lakukan…[79]

Basmalah juga disebut dalam pertengahan sesuatu urusan, khasnya apabila urusan tersebut tidak berlaku seperti mana yang kita hendaki. Janganlah menyebut "Cis!", "Celaka!", *"Damn it!"* atau apa-apa perkataan sumpahan yang lain, sebaliknya sebutlah *Bismillahi Rahmani Rahim.* Salah seorang sahabat Nabi menceritakan bahawa dia pernah membonceng di belakang Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam.* Tiba-tiba haiwan tersebut tergelincir lalu dia bersumpah: "Celakalah syaitan!"

Mendengar yang sedemikian, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegur:

لاَ تَقُلْ تَعِسَ الشَّيْطَانُ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ تَعَاظَمَ حَتَّى يَكُونَ مِثْلَ الْبَيْتِ وَيَقُولُ بِقُوَّتِي وَلَكِنْ قُلْ بِسْمِ اللَّهِ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ تَصَاغَرَ حَتَّى يَكُونَ مِثْلَ الذُّبَابِ.

---

[79] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2033-4 *(Kitab al-Asyrabah, Bab disukai menjilat jari…).*

Janganlah menyebut “Celakalah syaitan!” kerana apabila engkau mengatakannya, syaitan akan membesar sehingga sebesar rumah dan berkata “Demi kekuatanku!” Sebaliknya sebutlah “Bismillah!” kerana apabila engkau mengatakannya syaitan akan mengecil sehingga sekecil lalat.[80]

Kedua: *Isti‘azah.*

Isti‘azah ialah menyebut *A‘uzubillahi minash syaitan nirrajim,* yang bermaksud “Aku berlindung kepada Allah dari syaitan yang direjam”. Apabila saja kita merasai dihasut, dibisik atau diganggu oleh syaitan, maka sebutlah *Isti‘azah.* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari syaitan, mereka ingat (kepada Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar). [al-A’raaf 7:200-201][81]

---

[80] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud,* hadis no: 4982 *(Kitab al-Adab, Bab selepas bab Larangan berkata “Celakalah diriku!”).*

[81] Bagi bacaan *Basmalah* dan *Isti‘azah*, terdapat perbincangan di kalangan para ilmuan, adakah hanya dibaca *Bismillah* atau dilanjutkan kepada *Bismillahi Rahmani Rahim*. Demikian juga, adakah hanya dibaca *A‘uzubillahi minas syaitan* atau dilanjutkan kepada *A‘uzubillahi minas syaitan nirrajim.* Setakat ini saya tidak menemui hujah yang cukup kuat

Ketiga: Ayat dan surah tertentu dari al-Qur'an.

Basmalah dibaca sebelum sesuatu urusan, *Isti'azah* dibaca apabila merasai gangguan syaitan ketika melakukan sesuatu urusan, maka zikir yang ketiga ialah melazimkan diri membaca beberapa ayat dan surah yang tertentu. Ayat dan surah yang dimaksudkan ialah:

Ayatul Kursi.

Ini merujuk kepada ayat 255 surah al-Baqarah. Hadis-hadis berkenaan keutamaan dan kemujaraban ayat ini untuk menghalau syaitan dan lain-lain makhluk ghaib boleh dirujuk dalam *Tafsir Ibn Katsir,* tafsir kepada ayat 255 surah al-Baqarah. *Ayatul Kursi* ialah:

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia-lah Yang

---

untuk menguatkan salah satu dari keduanya. Maka saya membiarkannya terbuka. *Wallahu 'Alam.*

Maha Tinggi, lagi Maha Besar. [al-Baqarah 2:255]

Surah al-Baqarah.

Surah al-Baqarah ialah surah yang kedua di dalam al-Qur'an. Berkenaan surah ini Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لاَ تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفِرُ مِنْ الْبَيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ.

Janganlah menjadikan rumah kalian seperti kawasan perkuburan. Sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibacakan di dalamnya surah al-Baqarah.[82]

Surah *al-Mu'awwizatain.*

Ini merujuk kepada dua surah terakhir di dalam al-Qur'an. Ia adalah pelindung kepada pelbagai jenis gangguan tanpa terhad kepada gangguan syaitan sahaja. Ia juga adalah pelindung dan penyembuh dari kerasukan dan sihir. Hadis-hadis berkenaan keutamaan dan kemujaraban surah *al-Mu'awwizatain* boleh dirujuk dalam *Tafsir Ibn Katsir*, sebelum permulaan tafsir surah al-Falaq. Surah *al-Mu'awwizatain* ialah:

Katakanlah: "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan

[82] **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 780 *(Kitab Solat al-Musafirin…, Bab disukai melaksanakan solat sunat di rumah…).*

yang menciptakan sekalian makhluk, dari bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan, dan dari bahaya gelap apabila ia masuk, dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan, dan dari kejahatan orang yang dengki apabila dia melakukan dengkinya.” [al-Falaq 113:1-5]

Katakanlah: “Aku berlindung kepada (Allah) Pemulihara sekalian manusia, yang menguasai sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, (iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.” [al-Nas 114:1-6]

Demikian tiga jenis zikir untuk melawan syaitan. Sebutlah ia, bacalah ia dengan penuh keyakinan dan penghayatan. Jangan dengan keraguan dan kelalaian. Ingin ditambah bahawa tiga jenis zikir di atas adalah umum untuk semua jenis gangguan syaitan dalam semua suasana. Sebagai tambahan terdapat beberapa zikir yang khusus diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk kes-kes tertentu seperti memasuki tandas, keluar rumah untuk sesuatu perjalanan, apabila memasuki rumah yang kosong dan sebagainya.

Zikir-zikir untuk melawan syaitan hendaklah disebut dengan penuh keyakinan dan penghayatan. Jangan dengan keraguan dan kelalaian.

Jika para pembaca memiliki kemampuan, amat dianjurkan untuk menghafal dan mengamalkan zikir-zikir tersebut. Walaubagaimana pun jika tidak mampu atau telah

menghafal tetapi lupa, memadai membaca tiga zikir di atas yang umum untuk semua suasana. Terdapat banyak buku yang mengemukakan zikir-zikir untuk suasana yang khusus. Mana-mana buku yang menerangkan sumber hadis dan darjat bagi setiap zikir dapat dijadikan rujukan.

Kata Penutup.

Di dalam al-Qur'an, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengungkap kata-kata syaitan pada Hari Akhirat kelak:

Dan berkatalah pula syaitan setelah selesai perkara itu (perhitungan di hadapan Allah pada Hari Akhirat):

"Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkiri janjiku itu kepada kamu; dan tiadalah bagiku sebarang kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku. Sesungguhnya dari dahulu lagi

aku telah kufur (terhadap perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku dengan-Nya.”

Sesungguhnya orang-orang yang zalim beroleh azab yang tidak terperi sakitnya. [Ibrahim 14:22]

Syaitan akhirnya bercakap benar, bahawa janji yang sebenar ialah janji Allah manakala janjinya hanya tipu daya. Janji Allah adalah keseluruhan petunjuk-Nya yang ada di dalam al-Qur’an dan al-Sunnah, sesiapa yang mengikutinya nescaya akan beruntung di Hari Akhirat. Manakala janji syaitan adalah pelbagai tipu dayanya yang menyelisihi al-Qur’an dan al-Sunnah, sesiapa yang mengikutinya nescaya akan rugi di Hari Akhirat.

Dari kata-kata syaitan di atas, jelas bahawa di Hari Akhirat kelak kita tidak boleh memberi alasan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bahawa kesalahan-kesalahan yang kita lakukan di dunia adalah kerana syaitan. Kita tidak boleh berkata: “Ya Allah! Hukumlah syaitan kerana ia yang sebenarnya menyebabkan aku terpesong dari *Shirat al-Mustaqim* dan mengabaikan perintah larangan Kamu dan Rasul-Mu.” Ini kerana syaitan sendiri akan membantah alasan tersebut dengan berkata: ***“Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkiri janjiku itu kepada kamu…”***.

Bahkan seandainya syaitan tidak membantah, alasan tersebut memang tidak diterima kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sejak awal telah mengingatkan kita:

Wahai umat manusia, sesungguhnya janji Allah adalah

benar; maka janganlah kamu diperdayakan oleh kemewahan hidup di dunia dan janganlah syaitan yang menjadi sebesar-besar penipu itu berpeluang menyebabkan kamu terpedaya berkenaan Allah. [Fatir 35:05]

Kemudian syaitan mengeluarkan kata-kata yang amat tajam, yang merupakan tempelak kepada orang ramai pada saat itu. Ia berkata: ***"…dan tiadalah bagiku sebarang kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu."***

Kekuasaan sebenar tidak terletak di tangan syaitan tetapi di tangan kita sendiri. Syaitan hanya menghasut sementara kitalah yang membuat keputusan sama ada untuk mengikutinya atau tidak. Jika kita mengikutinya, maka ia adalah kesalahan kita dan bukannya syaitan. Oleh kerana itulah syaitan meneruskan: ***"…janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri."*** Justeru kata putus terletak pada tangan kita sendiri, sama ada untuk mengikuti hasutan syaitan atau menafikannya.

Yang mana satukah menjadi pilihan kita?

Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah
(Boleh dipesan terus dari Jahabersa di nombor 07-2351602)

Marilah Mendirikan Sembahyang
Jahabersa 2000

Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam
Edisi Pertama: Jahabersa 2000
Edisi Baru: Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan
Jahabersa 2000, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.
Jahabersa 2000

20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya
Jahabersa 2002 & 2005, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.
Jahabersa 2002, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil
Jahabersa 2003, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari
Jahabersa 2003

Apakah Jihad Di Jalan Allah ?

Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan Jihad
Jahabersa 2003

Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya
Jahabersa 2004

Jawapan* Ahl al-Sunnah *kepada* Syi‘ah al-Rafidhah *dalam Persoalan Khalifah.

Siri Pertama: Definisi Syi‘ah al-Rafidhah, Sejarah Kelahiran Syi‘ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas Syi‘ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.
Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah kepada ayat-ayat al-Qur’an yang dijadikan hujah oleh Syi‘ah dalam persoalan khalifah.
Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

Siri Ketiga: Jawapan *Ahl al-Sunnah* kepada hadis-hadis Rasulullah yang dijadikan hujah oleh *Syi‘ah* dalam persoalan khalifah.
Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

Siri Keempat: Jawapan *Ahl al-Sunnah* Berkenaan Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.
Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah

Buku 1
Jahabersa 2004, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

Buku2
Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

Buku 3
Jahabersa 2005

Buku 4
Jahabersa 2006

Buku 5
Jahabersa 2007

Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)
Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Marilah Berkenalan Dengan al-Qur’an
Jahabersa 2005, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Edisi terjemahan Inggeris: **Let's Get Acquinted With Al-Qur'an** (Jahabersa 2007)

Wahai Ibu! Wahai Ayah!
Jahabersa 2006, juga edisi *e-book* di www.hafizfirdaus.com

11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid
Jahabersa 2006

Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat
Jahabersa 2006, juga edisi *e-book* di www.al-firdaus.com

Marilah Berkenalan Dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.*
Jahabersa 2007.

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Sejak awal beliau memiliki minat yang besar dalam ilmu-ilmu agama. Kerjayanya sebagai juruterbang memberi banyak kelebihan (*advantage*) bagi beliau untuk memahami agama dari perspektif yang lebih luas. Pada waktu yang sama beliau juga dapat menimba ilmu daripada pelbagai tokoh dan sumber di serata dunia.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Alhamdulillah buku-buku Hafiz Firdaus mendapat sambutan yang baik di Malaysia dan negara-negara jiran. Buku-buku beliau dalam versi *e-book* boleh dilawat di: www.al-firdaus.com dan www.hafizfirdaus.com

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.